

SPM 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

Modul Intervensi Pembelajaran

EKONOMI

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



PANEL AKRAM

**DASIMAH NAWATI BINTI MUDA
SMK SULTAN AHMAD, K TRG**

**SUHAIZA BINTI SHEIKH ABDULLAH
SMA AL FALAH, KEMAMAN**

**HASMAH BINTI YUSOF
SMK BUKIT TUNGGAL, K NERUS**

**SITI AISAH BINTI MUDA
SMK MAK LAGAM, KEMAMAN**

**MOHD SYAMRI BIN ABD RAZAK
SMK SERI NERING, BESUT**

**NORAZLINA BINTI AZIZ
SMK SERI NILAM, K TRG**

**RADIAH BINTI ISMAIL
SMK SUNGAI TONG, SETIU**

**MOHD NAZIR BIN DERAMAN
SMKA WATANIAH, BESUT**



RUMUS PENGIRAAAN

BAB 2: PASARAN

Keanjalan Harga Permintaan (Ed)

$$\text{Keanjalan Harga Permintaan (Ed)} = \frac{\% \text{Perubahan dlm kuantiti diminta} / \% \Delta Q}{\% \text{Perubahan dlm harga} / \% \Delta P}$$

$$1. \text{ Ed} = \frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times 100 \quad \frac{P_1 - P_0}{P_0}$$
$$2. \text{ Ed} = \frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times \frac{P_0}{P_1 - P_0}$$

Keanjalan Harga Penawaran (Es)

$$\text{Keanjalan Harga Penawaran (Es)} = \frac{\% \text{Perubahan dlm kuantiti diminta} / \% \Delta Q}{\% \text{Perubahan dlm harga} / \% \Delta P}$$

BAB 3: PENDAPATAN INDIVIDU

PENDAPATAN INDIVIDU

upah + faedah + sewa + dividen + untung + bayaran pindahan

BAB 4: PENGELUARAN

Keluaran dan Kos

1. Jumlah Keluaran (TP) = keluaran purata X input berubah

2. Keluaran Purata (AP) = $\frac{\text{Jumlah keluaran}}{\text{Input berubah}}$

3. Keluaran Sut (MP)

MP = $\frac{\text{Perubahan Jumlah Keluaran}}{\text{Perubahan Jumlah Input berubah}}$

4. Jumlah kos = Kos Tetap + Kos Berubah

5. Kos Tetap = Jumlah Kos – Kos Berubah

6. Kos Berubah = Jumlah Kos – Kos Tetap

7. Kos Purata = $\frac{\text{Jumlah kos}}{\text{Output}}$

8. Kos Sut = $\frac{\text{Perubahan Jumlah Kos}}{\text{Perubahan Output}}$

@ = $\frac{\text{Perubahan Kos Berubah}}{\text{Output}}$

Keuntungan Firma

Untung: Jumlah hasil – Jumlah Kos

Untung Ekonomi: Jumlah hasil – Jumlah Kos (Kos Implisit + Kos Implisit)

BAB 6: MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL

Akaun Semasa	Akaun Dagangan + Akaun Perkhidmatan + Akaun Pendapatan + Akaun Pindahan Semasa Bersih
Imbangan Dagangan	Eksport brg nampak – Import brg nampak
Imbangan Perkhidmatan	Ekport brg tak nampak – Import brg tak nampak (Eksport perjalanan + Pengangkutan + Urusniaga Kerajaan + Perkhidmatan Lain – Import perjalanan + Pengangkutan + Urusniaga Kerajaan + Perkhidmatan Lain)
Imbangan Akaun Semasa	Imbangan dagangan + Imbangan perkhidmatan + Imbangan Pendapatan + Pindahan Semasa
Imbangan Keseluruhan	Imbangan Akaun Semasa + Akaun Modal + Kesilapan dan ketinggalan.



NOTA & LATIHAN
BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

Ilmu ekonomi – satu bidang **sains sosial** yang mengkaji cara manusia mengurus sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.


Faktor Pengeluaran	
Tanah	<ul style="list-style-type: none"> ☺ sumber anugerah alam semula jadi, ☺ penawarannya adalah terhad, ☺ tidak mempunyai mobiliti tempat kerana tidak boleh bergerak ☺ mempunyai mobiliti kegunaan ☺ contohnya tapak semaian pertanian, tapak pembinaan rumah ☺ menerima ganjaran sewa,
Buruh	<ul style="list-style-type: none"> ☺ menyumbang tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran ☺ terdiri daripada buruh mahir-doktor, guru dan buruh kurang mahir-pekerja kilang ☺ mobiliti geografi yang tinggi (mudah bertukar/bergerak ke pekerjaan lain) ☺ menerima ganjaran upah
Modal	<ul style="list-style-type: none"> ☺ Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan ☺ mempunyai mobiliti geografi yang tinggi, contoh: mesin ☺ menerima ganjaran faedah ☺ contohnya bangunan dan kilang
Usahawan	<ul style="list-style-type: none"> ☺ individu yang menggabungkan faktor pengeluaran mengeluarkan barang dan perkhidmatan ☺ seorang individu yang kreatif, inovatif, berani menghadapi risiko, tidak mudah berputus asa, gigih dan rajin ☺ ganjarannya untung ☺ contohnya pengusaha batik, pemilik restoren

Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP)

Maksud	KKP ialah keluk yang menunjukkan had maksimum tingkat pengeluaran yang dapat dicapai oleh sesebuah ekonomi dengan menggunakan faktor pengeluaran yang ada dan tingkat teknologi tertentu
Analisis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh 2. Ekonomi hanya mengeluarkan dua jenis barang. 3. Sumber ekonomi yang dimiliki adalah terhad dan tetap. 4. Tingkat teknologi adalah tetap

Jadual di bawah menunjukkan kombinasi pengeluaran pakaian dan makanan.

Kombinasi pengeluaran	Pakaian (ribu helai)	Makanan (tan metrik)
A	10	0
B	8	3
C	6	4
D	0	5



Masalah **pilihan** pula ditunjukkan oleh pergerakan di **sepanjang keluk** kemungkinan pengeluaran iaitu **A, B, C dan D**

- ⊕ titik berada di atas KKP
- ⊕ semua sumber ekonomi telah digunakan sepenuhnya (**tingkat guna tenaga penuh**)
- ⊕ keluaran telah berada pada tahap maksimum
- ⊕ tambahan pengeluaran makanan akan berlaku jika pengeluaran pakaian dilepaskan (wujud kos lepas)

Kombinasi D – semua faktor pengeluaran digunakan untuk mengeluarkan makanan (5 tan metrik) dan tiada pakaian dikeluarkan (0 ribu helai)

Kombinasi A – semua faktor pengeluaran digunakan untuk mengeluarkan pakaian (10 ribu helai) dan tiada makanan dikeluarkan (0 tan metrik)

Titik F

- ⊕ titik berada di dalam kawasan KKP
- ⊕ berlaku **ketidakcekapan ekonomi**
- ⊕ ekonomi gagal menggunakan faktor pengeluaran sepenuhnya
- ⊕ masalah **pengangguran dan pembaziran**

Titik G

- ⊕ titik berada di luar kawasan KKP
- ⊕ berlaku **ketidakupayaan ekonomi**
- ⊕ ekonomi tidak mampu mengeluarkan barang
- ⊕ ekonomi mengalami **kekurangan faktor pengeluaran** kombinasi buruh dan modal

MASALAH EKONOMI

Konsep Unit eko.	Kekurangan	Pilihan	Kos lepas
Isi rumah	Sumber pendapatan/ wang	Memilih barangan untuk memaksimumkan kepuasan Contoh barangan pilihan	Barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan setelah memilih barang yang terbaik Contoh barang yang dilepaskan
Firma	Faktor-faktor pengeluaran spt buruh, tanah, modal	Untuk mencapai keuntungan yang maksimum Contoh output/ keluaran yang dipilih	Keluaran / output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan setelah memilih Keluaran / output yang terbaik Contoh output/ keluaran yang dilepaskan
Kerajaan	Sumber hasil/ pendapatan negara	Untuk memberi kebajikan yang maksimum kpd rakyat Contoh projek pembangunan yang dipilih	Projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan setelah memilih projek pembangunan yang terbaik Contoh projek pembangunan yang dilepaskan

MASALAH ASAS EKONOMI (ABBU)

MASALAH ASAS EKONOMI	PERANCANGAN PUSAT	KAPITALIS	CAMPURAN
Apa yang hendak dikeluarkan?	<ul style="list-style-type: none"> Jenis barangan ditentukan oleh kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> Jenis barangan ditentukan melalui mekanisme pasaran 	<ul style="list-style-type: none"> Jenis barangan ditentukan melalui mekanisme pasaran bagi barang ekonomi Kerajaan menentukan pengeluaran barang awam.
Berapa hendak dikeluarkan?	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah barangan ditentukan oleh kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah barangan ditentukan melalui mekanisme harga 	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah barangan ditentukan melalui mekanisme pasaran bagi barang ekonomi Kerajaan menentukan pengeluaran barang awam.
Bagaimana hendak dikeluarkan?	<ul style="list-style-type: none"> Ditentukan oleh kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> Pilih teknik pengeluaran cekap yang dapat memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos Sama ada secara intensif buruh atau intensif modal 	<ul style="list-style-type: none"> Firma pilih teknik intensif buruh @ modal yg paling cekap iaitu yg dapat maksimumkan untung & minimumkan kos Kerajaan menggunakan teknik pengeluaran yg dapat memaksimumkan kebajikan rakyat.

<p>Untuk siapa dikeluarkan?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ditetapkan oleh kerajaan • Utk semua lapisan masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui corak agihan pendapatan & kuasa beli • Barangan dikeluarkan kepada golongan yg sanggup membayarnya sahaja 	<ul style="list-style-type: none"> • Diselesaikan melalui corak agihan pendapatan/kuasa beli
--	---	---	--

PERBEZAAN ANTARA SISTEM-SISTEM EKONOMI

SE CIRI - CIRI	PERANCANGAN PUSAT	KAPITALIS	CAMPURAN
PEMILIKAN SUMBER	<ul style="list-style-type: none"> • Milik penuh kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu dan firma bebas memiliki sumber 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu dan firma bebas memiliki sumber tetapi dikawal oleh kerajaan • kerajaan memiliki barang awam
PEMBUAT KEPUTUSAN	<ul style="list-style-type: none"> • Keputusan ekonomi dibuat oleh kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu dan firma bebas membuat keputusan menerusi mekanisme harga 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu dan firma bebas membuat keputusan ekonomi tetapi dikawal oleh kerajaan • barang awam akan dikeluarkan oleh kerajaan
PILIHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya kerajaan yang menentukan pilihan • Individu dan firma tiada hak untuk membuat pilihan 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu dan firma bebas membuat pilihan 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu dan firma bebas membuat pilihan tetapi dikawal oleh kerajaan
PENENTUAN HARGA	<ul style="list-style-type: none"> • Harga stabil kerana ditentukan oleh kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga ditentukan oleh mekanisme harga iaitu interaksi antara permintaan dan penawaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga ditentukan oleh mekanisme harga tetapi dikawal oleh kerajaan.
PERSAINGAN	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak wujud persaingan antara pengeluar 	<ul style="list-style-type: none"> • Wujud persaingan yang kuat antara firma / firma bebas bersaing 	<ul style="list-style-type: none"> • Persaingan antara pengeluar digalakkan tetapi dikawal kerajaan.
MOTIF PENGELUARAN	<ul style="list-style-type: none"> • Motif untuk memaksimumkan kebajikan rakyat 	<ul style="list-style-type: none"> • Firma bermotif keuntungan semata-mata / maksimum 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu bertujuan untuk memaksimumkan kepuasan • Firma untuk mendapat keuntungan yang maksimum • Kerajaan untuk sumber kebajikan kepada rakyat

LATIHAN OBJEKTIF BAB 1

- 1 Kajian ekonomi berkaitan tentang
 - A agihan sumber ekonomi terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad
 - B bagaimana individu menggunakan barang dan perkhidmatan
 - C aktiviti firma memaksimumkan keuntungan
 - D bagaimana firma mengeluarkan produk

- 2 Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana manusia
 - A menggunakan wang bagi meningkatkan tabungan masa depan
 - B menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada
 - C mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
 - D menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara maksimum

- 3 Pernyataan yang manakah betul tentang modal?
 - I Mempunyai mobiliti geografi
 - II Tidak mempunyai mobiliti tempat
 - III Kuantiti penawarannya tidak terhad
 - IV Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk menghasilkan keluaran
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Pasangan yang manakah betul?

	Sumber Ekonomi	Keterangan
A	Tanah	Input yang menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran
B	Buruh	Individu yang berperanan menghasilkan output maksimum
C	Modal	Alat ciptaan manusia yang mempunyai mobiliti tinggi
D	Usahawan	Sumber yang penawarannya tidak terhad


- 5 Pasangan yang manakah betul tentang buruh dan usahawan?

	Buruh	Usahawan
A	Bebas membuat keputusan	Tidak bebas membuat keputusan
B	Terima ganjaran upah	Terima ganjaran untung
C	Penawaran terhad	Penawaran tidak terhad
D	Bekerja sendiri	Bekerja dengan orang lain

- 6 Pasangan yang manakah betul?


	Modal	Ciri	Tanah
A	Alat ciptaan manusia	Pengeluar	Anugerah alam semulajadi
B	Upah	Pulangan	Sewa
C	Terhad	Penawaran	Tidak terhad
D	Mobiliti kegunaan	Mobiliti	Mobiliti geografi

- 7 Rajah berikut menunjukkan sumber-sumber ekonomi yang perlu untuk mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan.



Apakah ganjaran yang diberi kepada penyumbang Y?

- A Upah
 - B Sewa
 - C Faedah
 - D Untung
- 8 Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah betul menggambarkan faktor pengeluaran tersebut?


- A Input produktif yang dicipta oleh manusia yang membantu dalam proses pengeluaran
 - B Berperanan menyelaras dan menggabungkan faktor pengeluaran
 - C Sumber semulajadi yang mempunyai penawaran terhad
 - D Membenarkan orang lain menguruskan untungnya
- 9 Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah betul menggambarkan sumber ekonomi tersebut?

- A Input produktif yang dicipta oleh manusia yang membantu dalam proses pengeluaran
- B Sumber semulajadi yang mempunyai penawaran terhad
- C Membenarkan orang lain menguruskan untungnya
- D Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi

10 Gambar berikut menunjukkan faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah betul menggambarkan sumber ekonomi A?

- A Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi
- B Mempunyai penawaran yang tidak terhad
- C Menggabungkan faktor pengeluaran yang lain
- D Mencapai pengeluaran output yang maksimum

11 Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah betul menggambarkan sumber ekonomi tersebut?

- A Mendapat ganjaran dalam bentuk untung
- B Menggabungkan input-input pengeluaran bagi menghasilkan output
- C Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran
- D Merupakan alat ciptaan manusia untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan

12 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi

Cik Ainum adalah pembekal keropok lekor di Kemaman, Terengganu. Jualan keropok lekor beliau telah mendapat sambutan yang hangat dan mendapat pulangan yang lumayan.

Antara berikut, yang manakah betul tentang sumber ekonomi tersebut?

- I Menyumbang tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran
- II Mencapai pengeluaran yang maksimum
- III Menanggung risiko ketidakpastian
- IV Merupakan buruh tidak mahir

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Encik Azmi bekerja di sebuah bank di Kuala Terengganu sebagai seorang Pengurus Kewangan. Beliau telah bekerja selama 10 tahun di bank tersebut.

Pernyataan yang manakah betul tentang Encik Azmi?

- A Mendapat ganjaran dalam bentuk sewa
- B Merupakan sumber ekonomi yang melakukan inovasi
- C Menggabungkan faktor pengeluaran bagi menghasilkan output
- D Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran

- 14 Firma membuat pilihan apabila mengeluarkan sesuatu keluaran bertujuan
- A memenuhi kehendak manusia
 - B meminimumkan kos pengeluaran
 - C mengurangkan output pengeluaran
 - D memaksimumkan kepuasan pengguna
- 15 Masalah kekurangan berlaku kerana
- A kadar pertumbuhan penduduk yang tidak terkawal
 - B kehausan dan kepupusan sumber alam semula jadi
 - C faktor pengeluaran adalah tidak terhad dalam ekonomi
 - D faktor pengeluaran adalah terhad berbanding dengan kehendak yang pelbagai
- 16 Rajah berikut menunjukkan masalah yang dihadapi oleh unit firma.



- Pernyataan yang manakah betul tentang X?
- A Output akan memberi kebajikan kepada pengguna
 - B Tindakan X diambil akibat daripada pemilikan pendapatan yang terhad
 - C Menggunakan teknik yang cekap untuk memaksimumkan kepuasan rakyat
 - D Firma melepaskan keluaran kedua terbaik untuk mendapatkan yang terbaik
- 17 Kilang barangan elektrik BILAL memiliki sumber-sumber yang terhad untuk mengeluarkan penghawa dingin dan periuk tekanan. Kombinasi keluaran kilang barangan elektrik adalah seperti berikut:

Kombinasi keluaran	Penghawa Dingin (unit)	Periuk Tekanan (unit)
A	20	85
B	60	55

- Jika kombinasi keluaran berubah dari A ke B, berapakah kos lepas untuk mengeluarkan 60 unit penghawa dingin?
- A 5 unit periuk tekanan
 - B 20 unit penghawa dingin
 - C 30 unit periuk tekanan
 - D 40 unit penghawa dingin

- 18 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran Syarikat AZA Sdn. Bhd.

Baju Kurung (pasang)	Baju Melayu (pasang)
0	5000
1000	4000
2000	2500
3000	500
5000	0

- Apakah kos lepas, jika syarikat tersebut menambah pengeluaran baju kurung dari 2000 unit ke 3000 unit?
- A 1 000 pasang baju kurung
 - B 2 000 pasang baju melayu
 - C 2 500 pasang baju melayu
 - D 3 000 pasang baju kurung


19 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran Syarikat Nazir Sdn. Bhd

Keluaran (pasang)	Teknik Modal	Teknik Buruh
Jubah lelaki (pasang)	120	300
Jubah Wanita (pasang)	300	120

Apakah kos lepas, jika syarikat tersebut menggunakan teknik intensif buruh?

- A 120 pasang jubah lelaki
- B 180 pasang jubah wanita
- C 300 pasang jubah wanita
- D 420 pasang jubah lelaki


20 Rajah berikut menunjukkan sebuah keluk kemungkinan pengeluaran.



Pilih pernyataan yang tepat apabila kombinasi pengeluaran bergerak daripada titik A ke B.

- A Peningkatan barang X dikeluarkan dalam ekonomi berlaku
- B Semakin banyak barang Y dikeluarkan dalam ekonomi
- C Kadar pengangguran adalah tinggi dalam ekonomi
- D Berlaku kemajuan tingkat teknologi pengeluaran

21 Rajah berikut adalah keluk kemungkinan pengeluaran bagi sebuah ekonomi.



Pernyataan yang manakah betul?

- A Titik R, S, T dan U menunjukkan kombinasi ketidakcekapan ekonomi
- B Titik Y menunjukkan masalah ketidakupayaan ekonomi
- C Firma akan mengeluarkan barang pada titik Y
- D Titik kecekapan ialah pada titik W

- 22 Jadual berikut menunjukkan kombinasi pengeluaran makanan dan pakaian sebuah ekonomi.

Kombinasi pengeluaran	Makanan (tan metrik)	Pakaian (ribu helai)
A	0	20
B	5	18
C	9	12
D	15	0

Apakah akan berlaku jika kombinasi pengeluaran 9 tan metrik makanan dan 16 ribu helai pakaian dipilih?

- A Ekonomi tidak berupaya mencapai kombinasi pengeluaran yang dipilih
 - B Ekonomi akan beroperasi pada tahap guna tenaga penuh
 - C Ekonomi akan mengalami pembaziran sumber
 - D Ekonomi berlaku pengangguran yang serius
- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan Firma A.

Firma A akan mengeluarkan baju melayu dan telah menambah 20 orang tukang jahit untuk menjahit baju melayu tersebut memandangkan permintaan yang tinggi menjelang musim perayaan nanti.

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah belum diselesaikan oleh Firma A?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Berapa yang hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa hendak dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh Syarikat A.

- Mengeluarkan barang dengan cara memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos
- Bergantung kepada corak agihan pendapatan

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah dapat diselesaikan oleh Syarikat A?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Bagaimana hendak dikeluarkan
 - III Untuk siapa hendak dikeluarkan
 - IV Berapa yang hendak dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan Firma B.

Firma B mengeluarkan tudung dan telah menggunakan 20 orang tukang jahit untuk menjahit tudung tersebut memandangkan permintaan yang tinggi menjelang musim perayaan nanti.

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah telah diselesaikan oleh Firma B?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Bagaimana hendak dikeluarkan
- III Untuk siapa hendak dikeluarkan
- IV Berapa yang hendak dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

26 Pilih pasangan yang betul.

	Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Dikeluarkan melalui gabungan sumber ekonomi secara maksimum
B	Berapa yang perlu dikeluarkan	Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
C	Bagaimana untuk dikeluarkan	Diselesaikan untuk memaksimumkan kos
D	Untuk siapa dikeluarkan	Bergantung kepada corak agihan pendapatan

27 Pernyataan yang manakah betul tentang sebab sistem ekonomi pasaran bebas lebih baik berbanding sistem ekonomi sosialis?

- A Pengeluaran barang dan perkhidmatan adalah secara besar-besaran
- B Kecekapan dalam penggunaan sumber berlaku
- C Berlaku agihan pendapatan yang setara
- D Agihan sumber adalah secara saksama

28 Maklumat berikut berkaitan dengan Negara X dan Y.

Negara X	Negara Y
Barangan dan perkhidmatan dikeluarkan oleh kerajaan	Sebanyak 20 000 buah komputer dikeluarkan oleh firma

Apakah masalah asas ekonomi yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

	Negara X	Negara Y
A	Berapakah hendak dikeluarkan	Untuk siapa dikeluarkan
B	Apakah barang yang dikeluarkan	Berapakah barang yang dikeluarkan
C	Berapakah barang hendak dikeluarkan	Untuk siapa dikeluarkan
D	Apakah yang hendak dikeluarkan	Bagaimanakah hendak dikeluarkan

29 Pernyataan yang manakah betul tentang kelebihan sistem ekonomi pasaran bebas?

- A Kecekapan penggunaan sumber
- B Kebajikan masyarakat diutamakan
- C Agihan pendapatan yang seimbang
- D Mewujudkan kuasa monopoli korporat besar

30 Pernyataan yang manakah betul tentang ekonomi Islam?

- A Pengeluar mengeluarkan barangan untuk mendapat keuntungan
- B Wujudnya persaingan yang adil dan saksama antara pengeluar
- C Mementingkan kebendaan dan kekayaan di dunia
- D Individu bebas memiliki sumber ekonomi

31 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- Persaingan bebas antara firma
- Kawalan oleh kerajaan melalui sistem cukai dan subsidi

Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi


- A perancangan pusat
 - B campuran
 - C kapitalis
 - D Islam
- 32 Pernyataan yang manakah menggambarkan sistem ekonomi campuran?
- A Harga ditentukan oleh mekanisme harga
 - B Sumber ekonomi dikawal sepenuhnya oleh kerajaan
 - C Cara pengeluaran barang awam ditentukan oleh kerajaan
 - D Individu dan pihak swasta sahaja memiliki faktor pengeluaran
- 33 Maklumat berikut menunjukkan perbezaan antara dua jenis sistem ekonomi.

Negara A	Negara B
Pengeluar memaksimumkan keuntungan manakala pengguna dapat memaksimumkan kepuasan.	Pilihan barang dan perkhidmatan bagi individu adalah terhad.

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Negara A	Negara B
A	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi campuran
B	Sistem ekonomi sosialis	Sistem ekonomi pasaran bebas
C	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi sosialis
D	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi sosialis

- 34 Apakah faktor yang mendorong kerajaan untuk campur tangan dalam sistem ekonomi campuran?
- A Melaksanakan projek pembangunan yang berisiko tinggi
 - B Memastikan pulangan keuntungan yang tinggi
 - C Memaksimumkan kebajikan rakyat
 - D Mengelakkan pembaziran sumber
- 35 Rajah berikut menunjukkan ciri bagi dua sistem ekonomi.



Apakah A?

- A Peruntukan sumber ditentukan melalui mekanisme harga
- B Agihan barang berdasarkan tingkat pendapatan
- C Dapat mengawal harga barang keperluan
- D Persaingan antara firma wujud

Pilihan jawapan bagi **Soalan 36** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 36 I Untung ialah ganjaran kepada faktor usahawan
 II Usahawan menggabungkan faktor pengeluaran lain untuk keluarkan barangan
- 37 I Firma menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran
 II Kekurangan firma mewujudkan pilihan yang memaksimumkan kepuasan
- 38 I Semua kombinasi pengeluaran di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran menggunakan sumber secara optimum.
 II Analisis keluk kemungkinan pengeluaran mengandaikan ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh.
- 39 I Keluk kemungkinan yang cembung menunjukkan kos lepas semakin menurun
 II Analisis keluk kemungkinan pengeluaran mengandaikan teknologi adalah tetap
- 40 I Kos lepas bagi individu ialah output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.
 II Output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan disebabkan kerana kekurangan wang

SOALAN ESEI

1(a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh isi rumah. [5 markah]

1(b) Jelaskan masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas:

(i) isi rumah [3 markah]

(ii) Kerajaan [3 markah]

2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan di bawah Kerajaan Terengganu.

PROJEK PEMBANGUNAN	ANGGARAN KOS (RM)
Empangan Paya Peda	8.1 juta
Pembinaan Jambatan Jerteh	20.5 juta
Pembukaan ladang ternakan lembu sado	4.1 juta
Pembinaan projek Jalan Jerteh – Pasir Putih	10.0 juta

*Nota : Dana kerajaan sebanyak RM 25 juta.

(i) Apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan tersebut? [1markah]

(ii) Jika kerajaan negeri memilih untuk melaksanakan projek pembinaan Jambatan Jerteh,apakah kos lepas yang terlibat? [4 markah]

- 2 (b) Gambar berikut menunjukkan **dua faktor** pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Bezakan faktor pengeluaran tersebut.

[4 markah]

- 2 (c) Maklumat di bawah berkaitan Encik Zainal.

Encik Zainal menceburi diri dalam bidang perusahaan kecil dan sederhana. Beliau mengusahakan perusahaan membuat cendawan goreng dengan mengupah lima orang pekerja.

Pada pendapat anda, adakah Encik Zainal dianggap sebagai usahawan? Berikan alasan anda. [4 markah]

- 2 (d) Terangkan masalah asas ekonomi yang masih belum diselesaikan dalam situasi di atas. [4 markah]

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Aidil.


Encik Aidil merupakan pekebun kecil di Saujana, Setiu. Beliau mempunyai kebun seluas 20 hektar dan menggajikan lima orang pekerja. Beliau mempunyai modal sebanyak RM200,000. Dia telah memilih untuk menanam kelapa sawit yang berjumlah RM190,000 berbanding kelapa yang bernilai RM195,000.

- (a) Terangkan tiga faktor pengeluaran yang terdapat dalam petikan tersebut. [6 markah]
(b) Nyatakan ciri-ciri yang ada pada Encik Aidil. [3 markah]
(c) Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Encik Aidil. [5 markah]

- 4 Jelaskan konsep masalah asas ekonomi berikut:


- (a) apa yang hendak dikeluarkan [3 markah]
(b) berapa hendak dikeluarkan [3 markah]
(c) bagaimana hendak dikeluarkan [3 markah]
(d) untuk siapa hendak dikeluarkan [3 markah]

5 Rajah di bawah ini menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran.




- (a) Berdasarkan rajah di atas, jelaskan titik yang menggambarkan ketidakcekapan pengeluaran. [3 markah]
- (b) Hitung kos lepas jika kombinasi pengeluaran berubah dari titik B ke titik C. [2 markah]

6 Rajah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma.



- (a) Jika firma menukar kombinasi pengeluaran dari R ke S, jelaskan implikasi pilihan tersebut. [2 markah]
- (b) Jelaskan kombinasi pengeluaran pada titik. [2 markah]
- (c) Beri **dua** andaian untuk menganalisis keluk tersebut. [2 markah]

- 7 Rajah di berikut menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma.



- (a) Berdasarkan gambar rajah di atas, terangkan kemungkinan bagi B. [3 markah]
- (b) Apakah yang mungkin berlaku jika firma mendapat bantuan subsidi kerajaan sebanyak RM100,000. [1 markah]
- (c) Nyatakan bentuk campur tangan kerajaan selain subsidi [2 markah]
- 8 Perbualan berikut berkaitan dengan sistem ekonomi di dua buah negara.

Fatin, sudah tiga tahun kamu pindah ke negara baharu, saya dengar rakyat negara kamu bukan sahaja bebas mengumpul kekayaan sendiri, malah semua kemudahan awam lain disediakan oleh kerajaan. Betulkah ?

Memang betul Hafizi, kerajaan negara kamu pun juga sangat baik. Semua barang keperluan rakyat disediakan. Inilah kelebihan semua sumber dimiliki oleh kerajaan



- (a) Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Fatin dan negara Hafizi? [2 markah]
- (b) Bezakan bagaimana sistem ekonomi negara Fatin dan negara Hafizi menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:
- (i) Berapa yang hendak dikeluarkan
 - (ii) Bagaimana hendak dikeluarkan
 - (iii) Untuk siapa hendak dikeluarkan [6 markah]
- 9 Jelaskan **tiga** kelebihan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Hafizi selain daripada yang terdapat dalam petikan. [3 markah]
- 10 (a) Jelaskan peranan kerajaan dalam sistem ekonomi campuran. [6 markah]

(b) Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilikan satu sistem ekonomi.

Individu dan firma tidak mempunyai hak dalam pemilikan sumber ekonomi

- (i) Nyatakan sistem ekonomi di atas. [1 markah]
(ii) Bandingkan antara sistem ekonomi di atas dengan sistem ekonomi negara Malaysia dalam aspek berapa yang hendak dikeluarkan dan bagaimana hendak dikeluarkan? [4 markah]

11 Huraikan ciri-ciri utama Ekonomi Islam. [6 markah]


12 Jadual berikut menunjukkan kombinasi pengeluaran barang X dan barang Y.

Pilihan kombinasi	Barang X	Barang Y
A	120	0
B	100	60
C	60	100
D	0	120

Hitung kos lepas apabila pilihan kombinasi berubah daripada:

- (a) A kepada C (2 markah)
(b) D kepada B (2 markah)

13 Rajah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah firma A.



Setujukah anda jika firma A berhasrat mengeluarkan barang pada kombinasi S? Berikan alasan. [4 markah]

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan keinginan anda membeli dua barang di kantin sekolah.

Nasi Lemak Ayam	Mee Goreng
RM 4.00	RM 4.00

Bagaimana penyelesaian masalah tersebut jika anda hanya mempunyai wang saku RM5.00? [5 markah]

- 15 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat ABC Sdn. Bhd.

Syarikat ABC Sdn. Bhd. Bercadang mengeluarkan kasut sukan dan beg sukan. Namun begitu, Syarikat tersebut menghadapi masalah ekonomi.

Merujuk kepada konsep kekurangan dan pilihan, bagaimanakah keputusan tersebut dibuat? [5 markah]

- 16 Jelaskan **empat** peranan kerajaan dalam sistem ekonomi di Malaysia. [4 markah]

- 17 Terangkan kelebihan sistem ekonomi yang diamalkan di Amerika Syarikat. [5 markah]

- 18 Maklumat yang berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.

Negara X	Negara Y
Semua keputusan ekonomi di buat oleh individu dan pihak swasta	Rakyat tidak bebas memilih barangan tetapi kebajikan mereka terjaga

Tentukan sistem ekonomi yang diamalkan di Negara X dan Negara Y .Berikan dua ciri lain selain yang dinyatakan di atas. [4 markah]




NOTA & LATIHAN
BAB 2: PASARAN

PERMINTAAN (DD)

Permintaan ialah **keinginan dan kemampuan** seseorang individu untuk membeli sesuatu barang atau perkhidmatan pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam jangka masa tertentu.

Hukum Permintaan




Permintaan Pasaran

➤ **jumlah kuantiti barang** tertentu yang diminta oleh **semua pengguna** dalam sesuatu pasaran pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

Faktor Yang Mempengaruhi Permintaan (Satu keluk Shj)


i. **Harga barang itu sendiri**

- jika harga sesuatu barang naik, maka kuantiti barang tersebut yang diminta akan berkurang
- jika harga sesuatu barang turun, maka kuantiti barang tersebut yang diminta akan bertambah



Faktor-faktor perubahan keluk Permintaan ke kanan

(huraian berubah jika keluk beralih ke kiri)




PENAWARAN (SS)

Maksud penawaran

- kuantiti sesuatu barang yang sanggup ditawarkan oleh sesebuah firma pada satu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

Hukum Penawaran (SS)



Penawaran Pasaran

- ❖ Jumlah kuantiti barang tertentu yang sanggup ditawarkan oleh semua firma dalam pasaran pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

Penentu Penawaran

Faktor-faktor perubahan keluk penawaran ke kanan

(huraian berubah jika keluk beralih ke kiri)

- (i) **Harga Barang Lain**
 - harga barang penggenap naik, maka penawaran barang X meningkat
 - harga barang pengganti jatuh, maka penawaran barang X meningkat.
- (ii) **Harga Faktor Pengeluaran**
 - harga faktor pengeluaran jatuh, menyebabkan kos pengeluaran berkurang, maka penawaran barang X meningkat.
- (iii) **Jangkaan Harga pada Masa Depan**
 - jika harga barang X dijangka turun pada masa depan maka penawaran barang X naik pada masa sekarang.
- (iv) **Tingkat Teknologi**
 - penggunaan teknologi moden/canggih akan mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya pengeluaran. Maka penawaran barang X akan bertambah
- (v) **Cuaca**
 - pada cuaca baik, maka penawaran barang X akan bertambah
- (vi) **Matlamat Pengeluar**
 - jika firma ingin mendapatkan keuntungan yang maksimum, maka firma akan kurangkan kos dan naikkan penawaran barang X.
- (vii) **Dasar Kerajaan**
 - jika kerajaan memberi subsidi, maka kos pengeluaran akan berkurang, penawaran barang X meningkat.

Perubahan Dalam Kuantiti Ditawar (Δ dalam Q_s)	Perubahan Penawaran (ΔSS)
disebabkan harga barang itu sendiri	disebabkan oleh bukan harga barang itu sendiri / faktor-faktor lain selain harga barang itu (harga faktor pengeluaran, tingkat teknologi, cuaca dan lain-lain)
harga barang berubah	harga barang itu sendiri adalah tetap
berlaku pergerakan di sepanjang keluk penawaran yang sama	berlaku peralihan keluk penawaran ke kiri atau ke kanan
pergerakan dari titik a ke titik c dikenal sebagai pengembangan penawaran	pergerakan dari keluk S₀ ke S₁ dikenal sebagai pertambahan penawaran
pergerakan dari titik a ke titik b dikenal sebagai penguncupan penawaran	pergerakan dari keluk S₀ ke S₂ dikenal sebagai pengurangan penawaran

Keanjalan Harga Permintaan (E_d)

Ciri-ciri	Anjal	Tidak Anjal
	Pekali keanjalan lebih daripada 1 ($E_d > 1$)	Pekali keanjalan kurang daripada 1 ($E_d < 1$)
	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga ($\% \Delta Q > \% \Delta P$)	Peratus perubahan kuantiti kurang daripada peratus perubahan harga ($\% \Delta Q < \% \Delta P$)
Tafsiran	Peratus perubahan harga ($\% \Delta P$) yang kecil menyebabkan peratus perubahan kuantiti ($\% \Delta Q$) permintaan yang lebih besar	Peratus perubahan harga ($\% \Delta P$) yang besar menyebabkan peratus perubahan kuantiti ($\% \Delta Q$) permintaan yang lebih kecil
	Pengguna responsif terhadap perubahan harga.	Pengguna tidak responsif terhadap perubahan harga.
	Contoh: barang mewah	Contoh: barang keperluan / biasa

Penentu Ed

Penentu	Anjal	Tidak anjal
Jenis barangan	Barang mewah (pengguna akan mengurangkan DD apabila harga ↑)	Barang keperluan (pengguna tetap membeli barang tersebut walaupun harga ↑)
Faktor jangka masa	Jangka masa panjang (mudah cari barang pengganti)	Jangka masa pendek (sukar cari barang pengganti)
Bilangan barang pengganti	Banyak barang pengganti – cth : minuman bergas	Barang yang kurang / tiada barang pengganti – cth : minyak petrol
Nisbah perbelanjaan pendapatan	Sebahagian besar pendapatan boleh guna dibelanjakan ke atas barang ini	Perbelanjaan terhadap barang keperluan adalah lebih kecil daripada jumlah pendapatan
Bilangan kegunaan	Banyak kegunaan – cth : tepung gandum	Penggunaan terhad – tepung attar
Ketagihan	Tahap ketagihan rendah	Tahap ketagihan yang tinggi – cth: rokok
Ketahanan barang	Barang tahan lama – cth : kereta (boleh disimpan lama)	Barang tidak tahan lama – cth : susu segar

Keanjalan Harga Penawaran (Es)

Ciri-ciri	Anjal	Tidak Anjal
Tafsiran	Pekali keanjalan lebih daripada 1 ($E_s > 1$)	Pekali keanjalan kurang daripada 1 ($E_s < 1$)
	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga ($\% \Delta Q > \% \Delta P$)	Peratus perubahan kuantiti kurang daripada peratus perubahan harga ($\% \Delta Q < \% \Delta P$)
	Peratus perubahan harga ($\% \Delta P$) yang kecil menyebabkan peratus perubahan kuantiti ($\% \Delta Q$) penawaran yang lebih besar	Peratus perubahan harga ($\% \Delta P$) yang besar menyebabkan peratus perubahan kuantiti ($\% \Delta Q$) penawaran yang lebih kecil
	Contoh: barang perkilangan	Contoh: barang pertanian


Penentu Es

Penentu	Anjal	Tidak anjal
Tambahan kos	Hanya memerlukan tambahan kos pengeluaran yang sedikit	Memerlukan tambahan kos pengeluaran yang sangat besar
Corak penggunaan faktor pengeluaran	Faktor pengeluaran mudah diperoleh dan ditambahkan	Memerlukan faktor pengeluaran tertentu atau sukar diperoleh
Faktor masa	Jangka masa panjang kerana faktor pengeluaran mudah diubah	Jangka masa pendek kerana penambahan pengeluaran adalah terhad
Bilangan firma dalam pasaran	Bilangan firma dalam pasaran banyak	Bilangan firma dalam pasaran adalah sedikit

Mobiliti faktor pengeluaran	Boleh dipindahkan dengan mudah dari 1 tempat ke tempat lain/ dari 1 keluaran ke keluaran lain	Mobiliti faktor pengeluaran adalah rendah / tidak boleh dipindahkan dengan mudah
Ketersediaan stok atau inventori	Mempunyai stok yang banyak (bahan mentah / brg siap)	Stok kurang / tiada stok

LATIHAN OBJEKTIF BAB 2: PASARAN

- Pernyataan yang manakah betul tentang keluk permintaan?
 - Hubungan antara harga dan kuantiti positif
 - Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 - Peningkatan harga menyebabkan permintaan menurun.
 - Penurunan harga menyebabkan permintaan berkurangan
- Pernyataan yang manakah betul tentang permintaan berkesan?
 - Keperluan yang tidak terbatas
 - Kehendak yang mesti dipenuhi
 - Keinginan terhadap barang dan perkhidmatan
 - Keinginan dan kemampuan untuk memiliki barang dan perkhidmatan
- Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan terhadap suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul berkaitan keluk permintaan D_0 ?

- Keluk menunjukkan hubungan positif antara harga dengan kuantiti
 - Keluk menunjukkan hubungan negatif antara harga dengan kuantiti
 - Keluk menunjukkan kejatuhan harga akan menyebabkan penurunan kuantiti diminta
 - Keluk menunjukkan kenaikan harga akan menyebabkan peningkatan kuantiti diminta
- Maklumat berikut adalah berkaitan dengan keluk permintaan.

Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan


Manakah yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

	Harga asal (RM)	Permintaan Asal (Unit)	Harga baru (RM)	Permintaan Baru (Unit)
A	2.00	120	3.50	120
B	2.00	120	4.00	90
C	4.00	140	2.00	90
D	3.00	150	4.00	160

5 Keluk permintaan individu mencerun

- A ke atas dari kiri ke kanan
- B ke atas dari kanan ke kiri
- C ke bawah dari kiri ke kanan
- D ke bawah dari kanan ke kiri


6 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi motosikal tempatan.



Apakah yang menyebabkan peralihan keluk dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Harga motosikal menurun
- B Kadar cukai pendapatan menurun
- C Harga motosikal jenama import menurun
- D Jangkaan harga akan meningkat pada masa depan


7 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Mengapakah berlakunya perubahan keluk dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Harga barang itu meningkat
- B Jangkaan harga masa depan naik
- C Kadar cukai pendapatan bertambah
- D Harga barang penggenap meningkat

8 Rajah berikut menunjukkan pembentukan bagi keluk permintaan pasaran.



Jadual yang manakah sesuai menunjukkan pembentukan keluk tersebut?


A	Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)		Permintaan Pasaran (kg)
		Pengguna A	Pengguna B	
	6	20	15	35
	3	5	5	10

B	Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)		Permintaan Pasaran (kg)
		Pengguna A	Pengguna B	
	6	10	15	25
	3	20	25	45

C	Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)		Permintaan Pasaran (kg)
		Pengguna A	Pengguna B	
	6	5	5	10
	3	15	20	35

D	Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)		Permintaan Pasaran (kg)
		Pengguna A	Pengguna B	
	6	15	20	35
	3	5	5	10


9 Rajah berikut menunjukkan keluk-keluk permintaan individu dan keluk permintaan pasaran suatu barang.



Berapakah kuantiti yang diminta oleh individu T jika D_P ialah keluk permintaan pasaran?

- A 10 unit
- B 15 unit
- C 20 unit
- D 35 unit

10 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan tiga individu dalam pasaran



Jadual yang manakah betul tentang permintaan pasaran bagi rajah tersebut?

A

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
5	20
10	14
15	7

B

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
5	12
10	10
15	7


C

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
5	16
10	11
15	7

D

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
5	12
10	11
15	7

11 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan terhadap kereta tempatan.







Perubahan titik *a* ke titik *b* ialah

- A peningkatan harga kereta import
- B peningkatan harga kereta tempatan
- C peningkatan pendapatan pengguna
- D peningkatan cukai terhadap kereta tempatan


12 Situasi berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan suatu barang dalam pasaran.

Kerajaan menurunkan kadar cukai pendapatan

Rajah yang manakah menunjukkan kesan perubahan tersebut?




13 Rajah berikut menunjukkan perubahan permintaan suatu barang.



Jika D_0 adalah permintaan asal, yang manakah betul tentang rajah tersebut?

- A Citarasa menurun menyebabkan pergerakan titik A ke titik C
- B Pertambahan pendapatan menyebabkan berlakunya pergerakan titik B ke titik E
- C Penurunan harga barang penggenap menyebabkan berlakunya pergerakan titik B ke titik F
- D Harga dijangka meningkat pada masa depan menyebabkan berlakunya pergerakan titik B ke titik A

- 14 Pernyataan yang manakah betul menerangkan keluk penawaran pasaran?
- A Bentuk keluk adalah mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
 - B Menunjukkan hubungan negatif antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan
 - C Diperoleh dengan menggabungkan semua keluk penawaran individu secara menegak
 - D Menunjukkan jumlah kuantiti yang ditawarkan oleh semua firma pada setiap tingkat harga
- 15 Rajah berikut berkaitan dengan Barang Y







Pengurangan kuantiti Q_0 ke Q_1 disebabkan oleh

- A harga dijangka turun pada masa hadapan
 - B peningkatan pendapatan pengguna
 - C penurunan teknologi pengeluaran
 - D pemberian subsidi oleh kerajaan
- 16 Situasi berikut berkaitan dengan suatu penentu penawaran ikan.

Peningkatan jumlah hujan semasa musim tengkujuh

Rajah yang manakah menunjukkan kesan perubahan penawaran ikan tersebut?



17 Jadual berikut menunjukkan permintaan bagi barang Z.

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (kg)		
	Individu A	Individu B	Individu C
3	50	50	80
6	40	40	60
9	30	20	40

Kuantiti penawaran pasaran barang Z ialah 150 kg

Apakah yang akan berlaku dalam pasaran pada tingkat harga RM6?

- A Lebihan penawaran
- B Lebihan permintaan
- C Kurangan penawaran
- D Keseimbangan pasaran

18 Jadual berikut menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan sesuatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
70	100	180
60	110	160
50	120	140
40	130	130
10	140	120


Pilih pernyataan yang betul tentang jadual tersebut.

- A Harga cenderung naik pada tingkat RM10
- B Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM50
- C Lebihan permintaan sebanyak 50 unit pada tingkat harga RM60
- D Kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan sebanyak 80 unit pada tingkat harga RM70

19 Pernyataan yang manakah betul tentang lebihan permintaan?

- A Kestabilan harga yang menunjukkan permintaan melebihi penawaran
- B Ketidakstabilan harga yang menunjukkan permintaan melebihi penawaran
- C Ketidakstabilan harga yang menunjukkan penawaran melebihi permintaan
- D Menunjukkan kestabilan dan ketidakstabilan harga tidak dapat ditentukan


20 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Apakah yang menyebabkan berlaku peralihan keluk permintaan dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Teknologi meningkat dalam pengeluaran
- B Cukai pendapatan individu naik
- C Peningkatan harga barang itu
- D Pendapatan individu naik


21 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Pilih pernyataan yang betul menerangkan tentang rajah berikut.

- A Titik E1 merupakan titik keseimbangan asal
- B Apabila cukai pendapatan menurun menyebabkan perubahan keluk D_0D_0 ke D_1D_1
- C Perubahan D_0D_0 ke D_1D_1 menyebabkan harga keseimbangan baharu dicapai pada P_1
- D Pergerakan keluk D_0D_0 ke D_1D_1 menyebabkan kuantiti keseimbangan berubah daripada Q_1 ke Q_0


22 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan



Apakah kesan kepada pasaran jika berlaku peralihan keluk penawaran dari S_0S_0 ke S_1S_1 ?

- A Titik keseimbangan baharu adalah pada E_0
- B Harga keseimbangan baharu dicapai pada P_1
- C Mewujudkan lebih permintaan sebanyak Q_0Q_1
- D Kuantiti keseimbangan menurun daripada Q_0 ke Q_1

23 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan



Pilih pernyataan yang betul berkenaan dengan rajah tersebut.

- A Pengeluaran bermatlamatkan keuntungan maksimum
- B Teknologi meningkat dalam pengeluaran
- C Harga faktor pengeluaran meningkat
- D Harga barang itu meningkat


- 24 Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
2	20
4	10

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM2 ke RM4?

- A 0.50
- B 0.75
- C 1.00
- D 2.00

- 25 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

- A 0.75
- B 2.00
- C 3.00
- D 4.00

- 26 Jadual berikut menunjukkan pekali keanjalan harga permintaan bagi pakaian dan garam.

Pakaian	Garam
2.2	0.7

Pilih pernyataan yang betul.


- A Peratus perubahan harga lebih kecil berbanding peratus perubahan kuantiti bagi pakaian
- B Jumlah hasil meningkat jika harga garam diturunkan
- C Pengguna sangat responsif terhadap harga garam
- D Nilai pekali keanjalan pakaian ialah tak anjal

- 27 Pekali keanjalan harga permintaan ialah 1.2.

Tafsirkan nilai itu

- A Harga turun 1.2%, kuantiti diminta meningkat lebih daripada 1%
- B Harga naik 1%, kuantiti diminta menurun lebih daripada 1.2%
- C Harga turun 1.2%, kuantiti diminta meningkat 1%
- D Harga naik 1%, kuantiti diminta menurun 1.2%


28 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Pilih pernyataan yang betul tentang rajah tersebut.

- A Contoh barang adalah garam
- B Nilai pekali keanjalan ialah 0.4
- C Pengguna kurang responsif terhadap harga
- D Jumlah hasil meningkat jika harga diturunkan


29 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang rajah berikut?

- A Nilai pekali keanjalan ialah 0.4
- B Contoh barang adalah barang kemas
- C Pengguna sangat responsif terhadap harga
- D Jumlah hasil meningkat jika harga diturunkan


30 Rajah berikut berkaitan dengan keluk permintaan suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang keluk tersebut?

- A Peratus perubahan kuantiti lebih kecil daripada peratus perubahan harga
- B Pengeluar menaikkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
- C Pekali keanjalan adalah kurang daripada satu
- D Contoh barang ialah barang kemas


31 Rajah berikut berkaitan dengan keluk permintaan suatu barang.



Pilih pernyataan yang manakah betul tentang keluk berikut.

- A Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
 - B Pengeluar menurunkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
 - C Pekali keanjalan adalah lebih daripada satu
 - D Contoh barang ialah garam
- 32 Sesuatu barang cenderung menjadi tak anjal harga permintaan jika
- A barang itu ialah barang kehendak
 - B barang itu mempunyai banyak kegunaan
 - C barang itu mempunyai banyak barang pengganti
 - D perbelanjaan merupakan sebahagian kecil daripada pendapatan
- 33 Sesuatu barang itu cenderung menjadi anjal harga permintaan jika
- A barang itu tidak mempunyai banyak barang pengganti
 - B barang itu mempunyai jangka masa pendek
 - C barang itu ialah barang mewah
 - D barang tidak tahan lama

34 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Berapakah nilai keanjalan harga penawaran jika harga naik daripada RM40 kepada RM51?

- A 0.24
 - B 0.38
 - C 2.18
 - D 4.17
- 35 Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)
2	10
4	30

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran apabila harga berubah dari RM2 ke RM4?

- A 0.5
- B 2.0
- C 3.0
- D 4.0


36 Jadual berikut menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran **Barang A** dan **Barang B**.

Barang	Peratus Perubahan Kuantiti	Peratus Perubahan Harga
A	20%	60%
B	50%	30%

Padanan yang manakah betul tentang **Barang A** dan **Barang B**?

	Barang A	Barang B
A	Peratus perubahan kuantiti sama dengan peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
B	Pekali keanjalan lebih besar daripada 1	Pekali keanjalan kurang daripada 1
C	Keluk penawaran lebih landai	Keluk penawaran lebih curam
D	Merupakan barang pertanian	Merupakan barang perkilangan


37 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Pilih pernyataan yang betul tentang rajah di atas.

- A Nilai pekali keanjalan ialah 0.5
- B Contoh barang adalah barang perkilangan
- C Jika harga naik 1% kuantiti ditawarkan turun 2%
- D Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti

38 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.







Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Nilai pekali keanjalan ialah 0.5
 - B Contoh barang adalah barang perkilangan
 - C Jika harga naik 1% kuantiti ditawarkan turun 2%
 - D Peratus perubahan harga lebih kecil daripada peratus perubahan kuantiti
- 39 Sesuatu barang cenderung menjadi tak anjal harga penawaran jika
- A tambahan kos pengeluaran yang sangat besar
 - B faktor pengeluaran mudah diperolehi
 - C bilangan firma banyak
 - D jangka masa panjang
- 40 Sesuatu barang itu cenderung menjadi anjal harga penawaran jika
- A Bilangan firma dalam pasaran adalah sedikit
 - B faktor pengeluaran sukar diperolehi
 - C mobiliti faktor pengeluaran tinggi
 - D stok barang sedikit
- 41 Maklumat berikut berkaitan dengan pasaran pelitup muka.

Sambutan yang menggalakkan terhadap pelitup muka berlaku berikutan tersebarnya wabak COVID 19.

Rajah yang manakah betul bagi situasi tersebut?



Pilihan jawapan bagi **Soalan 42** hingga **Soalan 44** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 42 I Keanjalan harga permintaan anjal apabila pekali keanjalan kurang daripada satu.
 II Barang yang mempunyai banyak barang pengganti permintaannya adalah anjal
- 43 I Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
 II Keluk permintaan menunjukkan hubungan langsung antara harga dengan kuantiti ditawarkan
- 44 I Hukum permintaan menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan menurun
 II Keluk permintaan yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan menggambarkan hukum permintaan


SOALAN ESEI BAB 2

1. Jelaskan hukum permintaan. [2 markah]
- 2 (a) Dengan bantuan jadual, jelaskan hukum permintaan [5 markah]
 (b) Dengan bantuan jadual, jelaskan hukum penawaran [5 markah]
- 3 Jadual berikut menunjukkan permintaan bagi barang X.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)		Permintaan Pasaran (kg)
	Nabila	Syahira	
5	220	480	(iii)
4	(i)	500	750
3	300	550	850
2	400	(ii)	1050
1	500	900	(iv)

- (a) Lengkapkan jadual tersebut. [4 markah]
- (b) Lukis keluk permintaan Nabila. [4 markah]

4 Rajah 1 dan 2 menunjukkan keluk-keluk permintaan bagi suatu barang.



- (a) Bezakan rajah 1 dan 2 [6 markah]
 (b) Senaraikan penentu-penentu penawaran. [4 markah]

5 Jadual berikut menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran ikan kembung pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM/kg)	Kuantiti permintaan (kg)	Kuantiti penawaran (kg)
6	150	50
9	100	100
12	80	150
15	50	200
18	25	250


- (a) Kira keanjalan harga permintaan dan penawaran jika harga berubah dari RM9 ke RM15. [4 markah]
 (b) Lukis keluk keseimbangan pasaran tersebut. [5 markah]
 (c) Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan. [2 markah]
 (d) Jelaskan keadaan pasaran pada harga RM 6 dan RM 18 [6 markah]

6 Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan penawaran bagi Barang R.

Barang R	Peratus perubahan harga (%)	Peratus perubahan kuantiti (%)
	25	15

- (a) Hitungkan keanjalan harga penawaran bagi Barang R. [2 markah]
 (b) Jelaskan jenis keanjalan penawaran Barang R. [3 markah]

7 Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Berdasarkan rajah di atas, jelaskan pergerakan dari titik Y ketitik Z.

[5 markah]

8 Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti ditawarkan dan peratus perubahan harga bagi telefon pintar dan buah jambu.

Jenis Barang	% Perubahan Harga	% Perubahan Kuantiti
Telefon Pintar	15	25
Buah Jambu	20	10

(a) Kira nilai keanjalan harga penawaran bagi telefon pintar dan buah jambu.

[4 markah]

(b) Tafsirkan nilai keanjalan harga penawaran yang anda peroleh bagi buah jambu

[3 markah]

9 Bezakan antara keperluan dan kehendak.

[4 markah]

10 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga Barang X dengan kuantiti permintaan Barang Y.

Harga barang X (RM)	Kuantiti diminta barang Y (unit)
2	10
6	20

Berdasarkan jadual tersebut, jelaskan hubungan antara Barang X dan Barang Y.

[5 markah]

11 Jadual menunjukkan penawaran terhadap kereta Myvi 1.5 di Malaysia pada bulan Mac dan bulan April 2018.

Harga	Kuantiti ditawarkan (unit) Mac	Kuantiti ditawarkan (unit) April
RM 80 000	15 000	25 000

Jelaskan faktor peningkatan penawaran kereta tersebut.

[4 markah]

12 Terangkan penentu keanjalan permintaan anjal.

[5 markah]

13 Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran bagi susu lembu.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	Kuantiti Ditawar (unit)
5.00	200	110
5.25	175	130
5.50	150	150
5.75	125	170
6.00	100	190

(a) Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan [2 markah]

(b) Jelaskan keadaan pasaran susu lembu pada harga RM 5.75 [4 markah]

14 Pernyataan di bawah berkaitan dengan pasaran perabot di Malaysia.

Penurunan harga kayu sebanyak 20% memberi impak positif kepada industri perabot kayu.

Dengan menggunakan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan peristiwa tersebut kepada industri perabot kayu. [5 markah]

15 Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu langkah kerajaan.

Mulai tahun taksiran 2017, kerajaan membenarkan pelepasan cukai sebanyak RM2500 untuk pembelian telefon pintar di bawah pelepasan cukai gaya hidup.

(a) Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran telefon pintar. [5 markah]

(b) Mengapakah kerajaan memberi pelepasan cukai gaya hidup kepada masyarakat? [4 markah]

16 Maklumat berikut berkaitan satu situasi yang berlaku di dalam negara.

KUALA LUMPUR: Mulai 1 Ogos ini, pelitup muka wajib dipakai dalam pengangkutan awam dan di kawasan sesak atau tumpuan umum.

Sumber : Petikan BH Online 23 Julai 2020

Jelaskan kesan situasi tersebut ke atas pasaran pelitup muka tempatan. [3 markah]

17 Terangkan penentu keanjalan harga penawaran bagi barang pertanian. [4 markah]

18 Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu langkah kerajaan.

Sesi persekolahan secara PDPR mula dilaksanakan bagi mengekang penyebaran wabak Covid-19

Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan kesan tersebut terhadap pasaran telefon pintar [5 markah]



NOTA & LATIHAN
BAB 3: WANG & BANK PENDAPATAN INDIVIDU

WANG

- Sebarang benda (komoditi) yang boleh diterima umum sebagai alat perantaraan pertukaran barang dan perkhidmatan

FUNGSI WANG	
Alat bayaran tertunda <ul style="list-style-type: none"> • Barang boleh dibayar secara ansuran 	Alat ukuran nilai <ul style="list-style-type: none"> • Membolehkan nilai sesuatu barang dinyatakan dalam harga
Alat perantaraan pertukaran <ul style="list-style-type: none"> • Melicinkan / memudahkan aktiviti jual beli 	Alat simpanan nilai <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai nilai yang stabil

Fungsi Bank Pusat

1 *Mengeluarkan mata wang*

- mengeluarkan duit syiling dan wang kertas untuk pastikan jumlah penawaran wang sentiasa mencukupi dan sesuai dengan keperluan ekonomi semasa

2. *Mengawal kestabilan nilai mata wang*

- merupakan badan rasmi bertanggungjawab mengawal kestabilan mata wang negara
- kawal melalui beberapa cara iaitu :

(i) *Mewujudkan sandaran minimum*

- iaitu sebanyak 80.59% untuk setiap unit mata wang dalam bentuk rizab antarabangsa
- terdiri daripada stok emas, pertukaran asing, hak pengeluaran istimewa Tabung Kewangan Antarabangsa(IMF) dan kedudukan rizab di IMF.

(ii) *Campur tangan dalam pasaran pertukaran asing*

- bertindak membeli dan menjual pertukaran asing bagi mempengaruhi nilai Ringgit Malaysia di pasaran pertukaran asing

(iii) *Mengawal inflasi*

- Bank pusat kawal inflasi berada pada paras terkawal dengan menggunakan alat dasar kewangan

3. *Jurubank kepada kerajaan*

- menyediakan perkhidmatan kewangan kepada kerajaan
- mentadbir akaun kerajaan dengan membuat dan menerima pembayaran bagi pihak kerajaan serta menguruskan sumber dan pembayaran hutang negara

4. *Jurubank kepada bank perdagangan*

- menyimpan dan mengawal rizab tunai dan rizab berkanun bank-bank perdagangan
- menyediakan rumah penjelasan cek serta menjadi sumber pinjaman terakhir jika bank perdagangan mengalami masalah kewangan.

Fungsi Bank Perdagangan

a) Perbezaan Ciri Akaun Tabungan, Akaun Simpanan tetap dan Akaun Semasa		
Akaun Simpanan	Akaun Simpanan Tetap	Akaun Semasa
Jumlah simpanan minimum lebih rendah	Jumlah simpanan minimum lebih tinggi	Jumlah simpanan minimum lebih tinggi daripada akaun simpanan
Faedah yang diberikan lebih rendah berbanding akaun simpanan tetap	Faedah yang diberi lebih tinggi mengikut tempoh simpanan	Tiada faedah simpanan (tetapi dikenakan caj perkhidmatan)
Boleh mengeluarkan wang simpanan bila-bila masa di kaunter bank, buku simpanan atau mesin ATM	Wang tidak boleh dikeluarkan sebelum tempoh matang simpanan/ faedah tidak akan dibayar jika pemegang akaun mengeluarkan simpanan lebih awal	Wang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa menggunakan cek atau kad ATM
Pendeposit diberi dokumen Buku Bank atau penyata bank	Pendeposit diberi dokumen Sijil Simpanan Tetap. Sijil ini boleh dijadikan cagaran untuk mendapatkan pinjaman bank.	Pendeposit diberi dokumen Buku Cek
Kemudahan pembayaran bil, bayaran ansuran, GIRO, perbankan internet dan kad ATM disediakan	Tiada kemudahan disediakan	Kemudahan yang disediakan adalah sama dengan pemegang akaun simpanan, yang berbeza ialah kemudahan overdraf dan cek

b) Memberi Pinjaman / Pembiayaan

i. Overdraf

- Kemudahan yang disediakan kepada pemegang akaun semasa untuk mengeluarkan wang lebih daripada baki simpanannya berdasarkan had yang telah ditetapkan oleh bank.
- Boleh dipohon oleh pemegang akaun semasa sahaja
- Pinjaman jangka pendek

Kelebihan	Kekurangan
<ul style="list-style-type: none"> • Kebiasaannya tidak memerlukan cagaran atau penjamin • Boleh mengeluarkan wang mengikut keperluan • Dikenakan faedah untuk jumlah yang digunakan sahaja • Boleh digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai untuk membayar gaji, sewa atau membeli stok 	<ul style="list-style-type: none"> • Dikenakan faedah yang tinggi • Bukan semua pemegang akaun semasa yang ditawarkan kemudahan ini • Ada had tertentu yang telah ditetapkan

ii. Pinjaman

a) Pinjaman peribadi

- Boleh dimohon oleh individu berumur 18 tahun ke atas yang mempunyai sumber pendapatan yang tetap
- Merupakan pinjaman jangka pendek untuk membiayai kos pendidikan, pembelian barang tahan lama seperti perabot dan komputer
- Tidak memerlukan cagaran tetapi memerlukan seorang penjamin
- Kadar faedah dikenakan ke atas keseluruhan pinjaman yang diluluskan

b) Pinjaman bercagar

- Pinjaman untuk membeli aset tetap/hartanah seperti rumah dan tanah
- Merupakan pinjaman jangka panjang
- Peminjam diminta mencagarkan hartanya kepada pihak bank untuk memperoleh pinjaman tersebut
- Kadar faedah dikenakan ke atas keseluruhan pinjaman yang diluluskan
- Kegagalan membayar balik pinjaman akan mengakibatkan harta yang dicagarkan akan dilelong

c) Pinjaman kenderaan (kemudahan sewa beli)

- Kemudahan ini digunakan untuk membiayai pembelian kenderaan baharu dan kenderaan terpakai
- Bank menawarkan pinjaman sehingga 90% harga kereta dan tempoh bayaran balik sehingga 9 tahun
- Peminjam dikenakan faedah dan boleh membayar balik secara ansur

d) Pinjaman melalui kad kredit

- Membeli barang atau perkhidmatan secara kredit
- Bank akan membuat bayaran bagi pihak pengeluar kad kredit dan seterusnya bank akan menuntut bayaran daripada pemilik kad kredit
- Bayaran akan dibuat secara sepenuhnya atau secara ansuran setiap bulan oleh pemegang kad kredit
- Kadar faedah dikenakan ke atas jumlah yang belum diselesaikan

e) Mendiskaunkan bil pertukaran


- Bil pertukaran ialah perjanjian yang dilakukan oleh penghutang kepada pemberi hutang
- Bank membeli bil pertukaran pada harga yang lebih rendah daripada harga muka
- Apabila pemberi hutang memerlukan wang sebelum bil pertukaran matang, pemberi hutang boleh mendapatkan pinjaman daripada bank perdagangan
- Bank akan memberikan pinjaman kepada pemberi hutang dengan mendiskaunkan bil pertukaran tersebut
- Jumlah diskaun ke atas bil pertukaran merupakan kadar faedah yang dikenakan

c) Menerima dan Membuat Bayaran	
Sistem Cek	<ul style="list-style-type: none"> • Pemegang akaun semasa • Digunakan oleh peniaga untuk membayar gaji pekerja dan pembelian stok • Bank bertindak sebagai ejen pembayar dan penerima
ARAHAN KEPADA BANK	
Debit langsung	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan boleh arahkan bank membuat bayaran yang tidak tetap jumlahnya pada tarikh tertentu • Bank akan memindahkan wang daripada akaun pelanggan untuk membayar kepada agensi yang diminta. • Contohnya: TNB, Maxis dan ASTRO
Pindahan kredit	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak pengurusan syarikat guna pindahan kredit untuk membuat bayaran terus ke akaun penerima (bayar gaji pekerja)
Perintah sedia ada	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun tabungan/akaun semasa • Buat bayaran tetap dan berulang pada tarikh yang ditetapkan • Contoh: bayaran sewa, premium insurans, ansuran sewa beli
Draf bank	<ul style="list-style-type: none"> • Cek yang dikeluarkan oleh bank apabila diminta oleh pelanggan • Membuat bayaran kepada pihak tertentu • Dikenakan caj perkhidmatan • Contoh: kiriman wang ke dalam atau luar negara, melanggan saham baharu
Kad juruwang elektronik (kad ATM)	<ul style="list-style-type: none"> • Urus niaga bank secara layan diri • Contoh: buat simpanan dan mengeluarkan wang, buat bayaran, semak baki, pindahan wang, tambah nilai perkhidmatan Touch' n Go, perkhidmatan telefon mudah alih • Kad debit-pembelian barang dan perkhidmatan di pasar raya, stesen minyak atau urus niaga melalui e-dagang
Kad Kredit	<ul style="list-style-type: none"> • Beli barang secara kredit • Bayar balik secara ansuran • Pelanggan gagal bayar balik mengikut tempoh yang telah ditetapkan akan dikenakan faedah yang tinggi • Ada jugak yang dikenakan yuran tahunan (sesetengah bank)

PERKHIDMATAN LAIN	
Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"> • Buat transaksi perbankan menggunakan komputer, telefon pintar, peranti mudah alih • Perlukan sambungan Internet • Contoh: bayaran bil, semak baki, pindahan akaun, buat belian, cetak penyata
Perkhidmatan lain	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan emas, urus niaga saham, unit amanah, penulisan wasiat, perkhidmatan insurans, urusan bayaran eksport dan import

JENIS-JENIS PENDAPATAN INDIVIDU

- **Pendapatan Produktif:**



- **Pendapatan Tidak Produktif**

- ❖ Bayaran pindahan

- Bayaran yang diterima oleh seseorang individu tanpa menyumbangkan apa-apa terhadap proses pengeluaran
- Contoh : bayaran pencen, biasiswa, hadiah, bantuan kebajikan

Faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna

- (a) **Pendapatan**- pendapatan tinggi, kuasa beli tinggi.
- (b) **Harga**- harga murah, permintaan / perbelanjaan tinggi
- (c) **Pengiklanan dan pemasaran**- pengguna akan membeli barang yang diiklan dan mudah diperoleh dalam pasaran.
- (d) **Barang pengganti**- pengguna beralih kepada barang pengganti yang lain sekiranya harga barang meningkat. Contoh; minuman dll
- (e) **Citarasa dan segmen pasaran**- maklumat produk boleh mempengaruhi perbelanjaan pengguna.

LATIHAN OBJEKTIF BAB 3 : WANG, BANK DAN PENDAPATAN INDIVIDU

- 1 Pak Muiz menjual hasil pertaniannya di sebuah pasar. 5% daripada hasil jualan di simpan ke dalam akaun simpanan Lembaga Tabung Haji.

Apakah fungsi wang tersebut?

- A Alat perantaraan pertukaran
- B Alat bayaran tertunda
- C Alat simpanan nilai
- D Alat ukuran nilai

- 2 Situasi yang manakah menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?

- A Cik Asma membeli kereta baru berharga RM88,000 secara tunai.
- B Cik Auni membayar RM160 setiap bulan untuk motosikalnya selama lima tahun
- C Puan Noni menyimpan wang sebanyak RM400 ke dalam Amanah Saham Nasional setiap bulan.
- D Puan Zizah mengunjungi lebih daripada 5 gerai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum membeli

- 3 Logo berikut menunjukkan sebuah institusi kewangan di Malaysia.



Fungsi yang manakah betul berkaitan logo tersebut?

- A Menyediakan rumah penjelasan
- B Memberi pinjaman kepada peniaga
- C Menerima deposit daripada orang ramai
- D Mengeluarkan mata wang syiling, wang kertas dan deposit semasa.

- 4 Maklumat berikut menerangkan tentang peranan bank pusat.

- Memberi nasihat pelaburan
- Mengurus pertukaran asing
- Memberi pendahuluan sementara

Berdasarkan maklumat tersebut, bank pusat bertindak sebagai


- A mengawal kestabilan nilai mata wang
- B jurubank kepada bank perdagangan
- C mengawal kestabilan ekonomi
- D jurubank kepada bank pusat

- 5 Gambar berikut menunjukkan logo sebuah institusi kewangan di Malaysia.



Pernyataan yang manakah betul tentang institusi kewangan tersebut?

- A Menguruskan akaun kerajaan
 - B Mengeluarkan mata wang negara
 - C Mengawal kestabilan mata wang
 - D Matlamatnya untuk mendapatkan keuntungan
- 6 Gambar berikut merupakan suatu kemudahan deposit bank perdagangan.



Pilih ciri yang tepat berkaitan deposit tersebut.

- I Pemegang akaun boleh memohon kemudahan overdraf
 - II Pendeposit tidak boleh memohon kad juruwang elektronik (ATM)
 - III Hanya boleh mengeluarkan simpanan apabila sampai tempoh matang
 - IV Hanya pemegang akaun semasa sahaja diberi keistimewaan menggunakannya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Maklumat berikut adalah kesan bagi sejenis pinjaman yang ditawarkan oleh bank perdagangan.

Kegagalan membayar balik pinjaman mengakibatkan aset yang dicagarkan akan dilelong.

Apakah jenis pinjaman tersebut?

- A Pinjaman kenderaan
 - B Pinjaman bercagar
 - C Pinjaman peribadi
 - D Pinjaman overdraf
- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh bank perdagangan.

Encik Adnan membuka akaun semasa di sebuah bank. Dia membeli polisi insurans nyawa dengan bayaran premium sebanyak RM220 sebulan. Dia mengarahkan pihak bank membuat bayaran tersebut bagi pihak dirinya pada setiap 25 hari bulan.

Apakah perkhidmatan bank tersebut?

- A Overdraf
- B Draf bank
- C Pindahan
- D Perintah sedia ada

9 Maklumat berikut berkaltan dengan ciri-ciri bagi suatu prinsip perbankan Islam.

- Satu bentuk perkongsian antara usahawan dan pihak bank.
- Untung dibahagi mengikut nisbah yang dipersetujui bersama.

Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip

- A Bai Bithaman Ajil
- B Mudharabah
- C Wadiah
- D Takjiri

10 Gambar yang manakah merupakan pekerjaan bagi sektor kedua.



11 Jenis pekerjaan yang manakah tergolong dalam sektor ketiga?

- A Pekerja ladang getah
- B Pengurus pengeluaran
- C Juruteknologi makanan
- D Pegawai syarikat pemasaran

12 Padanan yang manakah betul?

	Faktor Pemilihan	Situasi
A	Waktu kerja	Aini seorang ibu tunggal kepada dua orang anak menjalankan perniagaan tudungnya secara dalam talian.
B	Upah	Aiman meninggalkan kerjayanya sebagai arkitek di syarikat pembinaan untuk menjawat jawatan pegawai tadbir di Putrajaya.
C	Kelayakan akademik	Cik Zizah memilih kerja sebagai guru tadika walaupun memiliki Diploma Perakaunan.
D	Jaminan kerja	Azrul meletak jawatan sebagai kerani untuk menjalankan perniagaan.

13 Antara berikut, yang manakah merupakan faedah sampingan dalam faktor pemilihan pekerjaan?

- I Prospek pekerjaan
- II Rawatan perubatan
- III Suasana tempat kerja
- IV Kemudahan penjagaan anak

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

14 Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Ainun.

Puan Ainun merupakan seorang jururawat di Hospital Keluargaku di sebuah bandar dan menerima pendapatan sebanyak RM3 500 sebulan. Namun begitu, beliau meletakkan jawatan dan kini mengambil upah menjahit pakaian di rumahnya.

Antara berikut, apakah faktor pemilihan pekerjaan yang mempengaruhi Puan Ainun membuat keputusan tersebut?

- I Jarak
- II Minat
- III Prospek pekerjaan
- IV Kelayakan akademik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Pernyataan yang manakah **betul** tentang pendapatan individu?

- I Membayar premium insurans nyawa
- II Membeli mesin pengering baju
- III Menjelaskan zakat pendapatan
- IV Membuat caruman KWSP

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pendapatan individu.

Pendapatan individu = Upah + Sewa + Faedah + Dividen + Untung+ X

Situasi yang manakah menerangkan X?

- A Cik Ayu menerima baucer Buku1Malaysia bernilai RM250
- B Encik Alias menerima RM6000 atas penggunaan rumah kedai miliknya
- C Puan Salmah memperoleh RM380 sebulan daripada perniagaan kerepek ubinya
- D Encik Salleh menerima RM5600 setahun bagi akaun Amanah Saham Bumiputera

17 Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Rosnah.

Puan Rosnah memiliki sebuah kedai dua tingkat dan tiga buah rumah. Beliau bekerja sebagai kerani kewangan dengan gaji RM2 000 sebulan. Beliau juga menyewakan tiga buah rumah yang dimilikinya sebanyak RM400 sebuah rumah setiap bulan. Suaminya menguruskan perniagaan sendiri dan memperolehi keuntungan sebanyak RM5 700 sebulan. Setiap bulan juga, Puan Rosnah membayar polisi insuran nyawa untuk dirinya sebanyak RM450.

Berapakah pendapatan bulanan yang diterima oleh keluarga Puan Rosnah?

- A RM 6 900
- B RM 8 450
- C RM 8 900
- D RM 9 350

18 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan individu.

Pendapatan diterima tanpa memberi apa-apa sumbangan dalam ekonomi.

Antara berikut, pendapatan yang manakah boleh dikaitkan dengan pernyataan di atas?

- I Pencen pesara kerajaan
 - II Keuntungan perniagaan
 - III Biasiswa
 - IV Upah
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

19 Apakah yang akan berlaku jika kerajaan menaikkan kadar cukai pendapatan individu?

- A Kuasa beli pengguna meningkat
- B Tabungan individu akan merosot
- C Individu mempunyai lebih pendapatan
- D Pendapatan boleh guna akan meningkat

20 Maksud pendapatan boleh guna ialah

- A pendapatan yang boleh digunakan setelah ditolak jumlah perbelanjaan
- B pendapatan bersih yang boleh digunakan setelah ditolak potongan wajib
- C pendapatan bersih yang boleh digunakan untuk membayar potongan wajib
- D pendapatan yang digunakan untuk membuat perbelanjaan penggunaan sahaja

21 Jadual berikut menunjukkan perbelanjaan dan potongan wajib Encik Fuad.

Butiran	RM
1. Zakat	150
2. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	200
3. Cukai pendapatan	55
4. Insuran nyawa	60
5. Sewa	400

Berapakah jumlah potongan wajib?

- A RM 405
- B RM 410
- C RM 455
- D RM 465

22 Jadual berikut menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Puan Aisyah.

Butiran	RM
Gaji sebulan	5 000
Tabungan	150
KWSP	70
Cukai Pendapatan	60
Bayar sewa rumah	800
Zakat (Setahun)	1 200

Berapakah pendapatan boleh guna Puan Aisyah untuk sebulan?

- A RM2 720
- B RM3 020
- C RM3 670
- D RM4 770


23 Maklumat berikut adalah mengenai Encik Zaki.

Pendapatan tahunan Encik Zaki ialah RM68 000. Daripada jumlah ini, sebanyak RM7 480 dicarumkan dalam KWSP, RM750 potongan cukai pendapatan dan RM800 untuk bayaran zakat.

Berapakah perbelanjaan penggunaan Encik Zaki jika tabungan adalah RM11 000?

- A RM47 970
- B RM58 970
- C RM69 970
- D RM88 970

24 Rajah berikut menunjukkan sebahagian langkah penyediaan belanjawan peribadi.



Apakah langkah X?

- A Menabung baki pendapatan boleh guna
- B Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
- C Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
- D Memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna

25 Maklumat berikut berkaitan dengan satu kaedah pembayaran.

Puan Azlin telah membeli set sofa untuk rumahnya dengan pembayaran secara tunai.

Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembayaran tersebut?

- I Memperolehi harga barangan yang lebih murah
- II Mempunyai perkhidmatan selepas jualan
- III Meringankan beban kewangan
- IV Menikmati diskaun harga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 26 Apakah kelemahan menggunakan tunai dalam sesuatu urus niaga?
- A Diterima secara meluas dalam urus niaga
 - B Perolehi diskaun tunai mengikut syarat yang ditentukan
 - C Kurang sesuai membeli barang yang mahal seperti kereta
 - D Menikmati harga yang murah kerana tidak melibatkan faedah
- 27 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan ciri barang keperluan?
- I Tidak dipengaruhi oleh saiz pendapatan
 - II Mempunyai pilihan barang yang pelbagai jenis
 - III Dimiliki untuk mengamalkan gaya hidup masa kini
 - IV Wujud campur tangan kerajaan dalam penentuan harga barang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 28 Apakah kebaikan pembelian secara kredit?
- A Menikmati tingkat harga yang lebih murah
 - B Menggalak perancangan perbelanjaan bulanan
 - C Menambah beban kewangan bulanan pengguna
 - D Meningkatkan corak perbelanjaan secara terkawal
- 29 Gambar berikut menunjukkan iklan kereta tempatan.

<p>Syarikat Laju Ligat menawarkan pembelian kereta secara kredit</p> <p>Harga : RM 55 000 Tempoh pembayaran: 9 tahun Kadar faedah : 3% setahun</p>	<div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; display: inline-block;">Hubungi Aiman : 011 9765345</div>
	

Jika Puan Aina membuat bayaran pendahuluan sebanyak 10%, berapakah ansuran bulanan kereta yang perlu dibayar mengikut syarat-syarat tersebut?

- A RM407.40
 - B RM582.08
 - C RM633.10
 - D RM646.76
- 30 Pernyataan yang manakah menunjukkan Puan Hasnita membuat pelaburan?
- A Membuat simpanan dalam akaun semasa
 - B Membeli rumah untuk didiami
 - C Membuat sekuriti pinjaman
 - D Membeli insurans nyawa

31 Gambar berikut menunjukkan salah satu bentuk pelaburan yang terdapat di pasaran.



Pilih padanan yang betul mengenai pulangan pelaburan tersebut.

	Tahap Risiko	Pulangan	Kecairan
A	Bebas Risiko	Rendah	Tinggi
B	Rendah	Tinggi	Rendah
C	Sederhana	Tinggi	Rendah
D	Tinggi	Tinggi	Rendah

Pilihan jawapan bagi **Soalan 32** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 32
- I Bank perdagangan menawarkan tiga jenis bentuk simpanan iaitu akaun tabungan, akaun simpanan tetap dan akaun semasa.
 - II Hanya pendeposit akaun simpanan tetap sahaja boleh menggunakan perkhidmatan overdraf.
- 33
- I Sektor ketiga merupakan aktiviti menukar barang separuh siap menjadi barang siap
 - II Sektor ketiga dikenali juga sebagai sektor sekunder.
- 34
- I Pendapatan faktor produktif terdiri daripada faedah, dividen, untung dan bayaran pindahan.
 - II Untung ialah ganjaran kerana sanggup menanggung risiko.
- 35
- I Pendapatan boleh guna diperoleh dengan mendapatkan jumlah pendapatan tahunan ditolak dengan potongan wajib.
 - II Potongan wajib terdiri daripada bayaran insuran, pelaburan dalam Amanah Saham Nasional dan zakat.
- 36
- I Pendapatan boleh guna boleh digunakan untuk membeli barang tahan lama.
 - II Barang tahan lama melibatkan perbelanjaan yang kecil.
- 37
- I Potongan wajib akan mengurangkan pendapatan semasa individu.
 - II Contoh potongan wajib ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang ditubuhkan untuk mengurus kewangan dan perbelanjaan pesara.
- 38
- I Kehendak adalah sesuatu yang dipenuhi terlebih dahulu.
 - II Contoh kehendak ialah pakej pelancongan.

- 39 I Kepentingan belanjawan peribadi ialah mengelakkan kenaikan harga barang atau inflasi.
 II Inflasi akan menyebabkan kuasa beli individu menurun.
- 40 I Bayaran secara kredit menggalakkan pembeli berbelanja secara berhemah.
 II Bayaran secara kredit menyukarkan pembeli mendapat perkhidmatan selepas jualan.

LATIHAN ESEI BAB 3

1 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan fungsi wang.



Jelaskan fungsi wang yang terdapat pada iklan promosi tersebut.

[6 markah]

- (b) Terangkan tiga fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan [6 markah]
- 2 (a) Terangkan bagaimana bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang? [6 markah]
 (b) Bandingkan antara overdraf dengan pinjaman peribadi? [6 markah]
- 3 Logo di bawah merujuk kepada sebuah institusi kewangan bank di Malaysia.



AmBank Group

Huraikan **dua** perkhidmatan simpanan yang disediakan oleh bank tersebut.

[6 markah]

4 Jadual 1 berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Rosli pada suatu bulan tertentu.

Jadual 1

Butiran	RM
Gaji	6,000.00
KWSP	660.00
Cukai Pendapatan	90.00
Insurans nyawa	130.00
Faedah simpanan	100.00
Zakat	70.00

Jadual 1

- (i) Hitung pendapatan boleh guna Encik Rosli pada bulan tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan bagaimanakah pendapatan individu dibelanjakan. [4 markah]
- 5 Maklumat di bawah berkaitan dengan satu perkhidmatan pembiayaan kewangan yang ditawarkan oleh bank perdagangan.

Kemudahan yang disediakan kepada pemegang akaun semasa untuk mengeluarkan wang lebih daripada baki simpanannya berdasarkan had yang ditetapkan oleh bank.

- i) Tentukan perkhidmatan pembiayaan kewangan tersebut? [1 markah]
- ii) Jelaskan kelebihan perkhidmatan pembiayaan kewangan di a (i) [4 markah]
6. Terangkan faktor yang boleh meningkatkan perbelanjaan pengguna. [6 markah]
7. Kemajuan teknologi dan perkembangan sistem perbankan pada masa ini telah banyak membantu isi rumah dalam pengurusan pembayaran. Berikan pendapat anda secara terperinci. [6 markah]
8. Maklumat di bawah menunjukkan suatu iklan pekerjaan.

Jawatan: Kerani Pejabat	
<input type="radio"/> Gaji dan elaun RM 2300	<input type="radio"/> Latihan diberikan
<input type="radio"/> Cuti tahunan 12 hari	<input type="radio"/> Peluang kenaikan pangkat
<input type="radio"/> Pejabat berhawa dingin	<input type="radio"/> Bertugas di Kuala Lumpur
<input type="radio"/> Perubatan percuma	<input type="radio"/> Minimum lulus SPM

- Jelaskan lima faktor yang mungkin menjadi tarikan kepada Cik Balqis untuk memohon jawatan tersebut. [5 markah]
9. Pekerjaan di dalam sektor awam memberikan jaminan kerja yang tinggi. Berikan pendapat anda. [5 markah]
10. Jelaskan kepentingan belanjawan peribadi. [5 markah]
11. Terangkan dua filter ekonomi dalam pembelian kredit. [4 markah]
12. Huraikan sektor- sektor ekonomi dalam pekerjaan. [6 markah]



NOTA & LATIHAN
BAB 4: PENGELUARAN

KONSEP PENGELUARAN, KOS DAN HASIL

Firma

- Unit ekonomi yang produktif sama ada organisasi atau unit pengeluaran yang merancang dan menggabungkan faktor pengeluaran yang terhad untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan

PENGELUARAN

- Suatu proses yang menggabungkan faktor pengeluaran (TUMB) untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan

INPUT TETAP	INPUT BERUBAH
<ul style="list-style-type: none"> • Input yang kuantitinya tetap pada sebarang tingkat output • Apabila tingkat output meningkat/menurun, kuantiti input tetap yang digunakan adalah tetap • Pada tingkat output sifar, masih wujud input tetap • Input tetap hanya berlaku dalam jangka masa pendek • Contoh: mesin dan logi, bangunan kilang dan tanah 	<ul style="list-style-type: none"> • Input yang kuantitinya berubah mengikut tingkat output • Apabila tingkat output bertambah, kuantiti input berubah yang digunakan adalah akan bertambah/sebaliknya • Pada tingkat output sifar, tidak wujud input berubah • Input berubah berlaku dalam jangka masa pendek dan jangka panjang • Contoh: bahan mentah dan buruh

KOS PENGELUARAN

KOS TETAP	PERSAMAAN	KOS BERUBAH
Bayaran untuk penggunaan input tetap	Merupakan kos pengeluaran	Bayaran untuk penggunaan input berubah
Wujud dalam jangka pendek sahaja	Beri kesan ke atas untung	Wujud dalam jangka pendek dan jangka panjang
Tidak berubah secara langsung dengan output	Diukur dalam unit wang	berubah secara langsung dengan output
Perlu dibayar walaupun tiada pengeluaran		Tidak perlu dibayar jika tiada pengeluaran

PRODUKTIVITI DAN EKSTERNALITI

Konsep Produktiviti

- ❖ Produktiviti atau daya pengeluaran

- keupayaan untuk meningkatkan penghasilan output daripada sejumlah input yang diberikan. Ini bermaksud produktiviti
- mengukur kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan input seperti tenaga buruh, teknologi, peralatan, sistem, dan pengurusan.
- menjelaskan perhubungan antara output yang dihasilkan dengan input yang digunakan.

Faktor yang mempengaruhi produktiviti

Faktor	Huraian
i) Tenaga Manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap tenaga kerja harus ditempatkan ke posisi kerja mengikut kebolehan dan kemahiran masing-masing • Tahap kemahiran individu boleh ditingkatkan melalui latihan dan program pembangunan diri • Pekerja boleh dimotivasikan melalui ganjaran secara kewangan atau bukan kewangan (contoh: anugerah kecemerlangan)
ii) Sistem dan prosedur	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem dan prosedur kerja harus ringkas dan selaras dengan matlamat organisasi • Sistem dan prosedur yang efektif mampu mengesan kelemahan dalam Organisasi
iii) Struktur organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Pengkhususan dalam unit masing-masing dapat meningkatkan produktiviti • Organisasi harus memilih struktur yang paling sesuai dengan operasinya
iv) Gaya kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemimpin harus memiliki kemahiran membuat keputusan yang tepat dan sudi mengambil risiko dalam menjalankan kerjayanya • Pemimpin yang berwibawa mampu memimpin dan memotivasikan ahli-ahli organisasinya
v) Persekitaran kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Susun atur tempat kerja dapat memastikan operasi organisasi berjalan lancar dan persekitaran kerja kondusif dan selesa • Kemudahan yang disediakan di tempat kerja dapat membantu pekerja dalam tugas mereka
vi) Bahan-bahan	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan yang berkualiti dapat mengelakkan pembaziran dan kerosakan • Pengurusan inventori yang sistematik dapat mengelakkan penyimpanan stok yang berlebihan dan bekalan bahan sentiasa mencukupi untuk proses pengeluaran
vii) Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan peralatan atau mesin moden dan pelaksanaan sistem automasi komputer dapat menjimatkan masa dan tenaga buruh • Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) penting untuk membawa inovasi dan pemurnian dalam proses pengeluaran
viii) Kelengkapan modal	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi memastikan kelengkapan modal berfungsi baik, penyelenggaraan dan pemeriksaan harus dijalankan dari semasa ke semasa • Penggunaan kelengkapan modal harus dirancang supaya semuanya dapat digunakan dengan optimum

Eksternaliti

Eksternaliti ialah kos atau faedah yang tidak diambil kira dalam pengeluaran dan penggunaan sesuatu barang atau perkhidmatan. Ini bermaksud eksternaliti

- merupakan kesan yang berlaku kepada pihak ketiga iaitu selain pengeluar dan pengguna
- tidak dimasukkan dalam harga pasaran.

KOS SOSIAL – EKSTERNALITI NEGATIF	FAEDAH SOSIAL – EKSTERNALITI POSITIF.
<ul style="list-style-type: none">• Kos sosial iaitu kos kepada pihak ketiga yang tidak termasuk dalam harga pasaran.	<ul style="list-style-type: none">• Faedah sosial iaitu faedah kepada pihak ketiga selain pengguna dan pengeluar.
<ul style="list-style-type: none">• Aktiviti pengeluaran minyak petroleum dan pembuangan sisa toksik kilang yang berleluasa	<ul style="list-style-type: none">• Pelaksanaan program latihan kemahiran oleh sesebuah syarikat.
<ul style="list-style-type: none">• Aktiviti ini menyebabkan pencemaran alam sekitar yang merugikan nelayan dan negara	<ul style="list-style-type: none">• Latihan yang diberi akan mendatangkan kebaikan kepada syarikat A sekiranya pekerja berpindah ke syarikat tersebut
<ul style="list-style-type: none">• Kos peribadi tidak menggambarkan kos sebenar yang ditanggung oleh sesebuah masyarakat• Contoh: harga kereta, bayaran insurans, cukai jalan dan minyak petrol	<ul style="list-style-type: none">○ Faedah peribadi – kos pengangkutan rendah, faedah kesihatan, mengelakkan kesesakan lalu lintas dan menjimatkan masa• Faedah luaran – kadar kesesakan lalu lintas yang rendah, kadar pencemaran udara yang rendah• Kos perubatan yang rendah kepada orang ramai
Kos sosial = kos peribadi + kos luaran	Faedah sosial = Faedah peribadi + Faedah luaran

LATIHAN OBJEKTIF BAB 4 : PENGELUARAN

- 1 Pernyataan yang manakah betul tentang firma.
 - A Menghasilkan barang dan perkhidmatan
 - B Memaksimumkan kebajikan pengguna
 - C Memaksimumkan kos pengeluaran
 - D Membekalkan faktor pengeluaran
- 2 Fungsi pengeluaran dapat menunjukkan
 - A gabungan input yang cekap untuk mengeluarkan output
 - B penggunaan input berubah bermula pada pengeluaran sifar
 - C kombinasi input tetap dan input berubah dalam jangka masa panjang
 - D penambahan input tetap akan meningkatkan pengeluaran jangka masa pendek
- 3 Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek.
 - A Tambahan dalam input tetap akan meningkatkan output
 - B Menunjukkan hubungan antara input berubah dengan output
 - C Input berubah berhubung secara tidak langsung dengan jumlah keluaran
 - D Pada keluaran sifar, tiada input yang digunakan dalam proses pengeluaran

- 4 Gambar berikut menunjukkan input yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang gambar tersebut?

- I Mempengaruhi keluaran sut
 - II Wujud walaupun output sifar
 - III Hanya wujud dalam jangka pendek
 - IV Bilangan berubah apabila output bertambah
- A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 5 Pasangan yang manakah betul?

	Input Tetap	Input Berubah
A	Berubah secara langsung dengan perubahan output.	Tidak berubah mengikut perubahan output
B	Wujud pada tingkat keluaran sifar	Tidak wujud pada tingkat keluaran sifar
C	Bayaran ke atas input ialah kos berubah	Bayaran ke atas input ialah kos tetap
D	Contoh input ialah Jurutera Binaan	Contoh input ialah insuran kebakaran

- 6 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran sebuah firma.

Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (unit)
8	60
10	70
12	120

Berapakah keluaran purata bagi buruh yang ke 10?

- A 2 unit
 - B 5 unit
 - C 7 unit
 - D 10 unit
- 7 Pernyataan berikut berkaitan dengan pengeluaran jangka pendek.

Kilang X menggunakan 20 orang pekerja untuk mengeluarkan 350 pasang kasut sehari. Tambahan 5 orang pekerja menyebabkan pengeluaran bertambah kepada 450 pasang sehari.

Berapakah keluaran marginal bagi pekerja yang ke 25?

- A 14
- B 18
- C 20
- D 32

- 8 Jumlah keluaran firma 60 unit apabila 10 orang buruh digunakan. Penambahan sebanyak 20% buruh telah meningkatkan jumlah keluaran sebanyak 25%.

Berapakah keluaran marginal akibat pertambahan buruh tersebut?

- A 0.10
- B 2.83
- C 3.00
- D 7.50

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan rumus kos purata.

Kos purata	=	$\frac{X + Y}{\text{Jumlah output}}$
------------	---	--------------------------------------

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Input tetap	Input berubah
B	Kos tetap	Kos berubah
C	Kos marginal	Jumlah kos
D	Jumlah kos	Kos berubah

- 10 Jadual berikut menunjukkan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos berubah.

Jumlah Keluaran (Kg)	Kos Berubah (RM)
15	250
25	400

Jika kos tetap adalah RM100, berapakah kos purata pada tingkat keluaran 25 kg?

- A RM16.00
- B RM20.00
- C RM26.00
- D RM30.00

- 11 Jadual berikut berkaitan output dan kos pengeluaran bagi sebuah firma.

Output (unit)	Kos Tetap (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	1500	1500
1000	1500	2000
2000	1500	2500
3000	1500	3000

Antara berikut, yang manakah benar berkaitan firma tersebut?

- I Firma beroperasi dalam jangka masa panjang
 - II Pada output sifar, tiada penggunaan input berubah
 - III Walaupun output sifar, firma masih menanggung kos
 - IV Kos tetap berubah secara langsung dengan tingkat output
- A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 12 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran suatu barang.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Purata (RM)
5	20
10	15

Jika kos tetap RM70, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 10 unit?

- A RM50
 - B RM80
 - C RM150
 - D RM220
- 13 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran bagi firma kasut sukan.

Kos Perbelanjaan	Jumlah (RM)
Bahan mentah	25 000
Bil utiliti	2 000
Sewa kilang	3 000
Upah pekerja	10 000
Premium insuran	1 800

Berapakah kos berubah firma tersebut?

- A RM 4 800
 - B RM25 000
 - C RM37 000
 - D RM41 800
- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

Kos berubah	=	RM 60
Kos purata	=	RM 4
Jumlah output	=	25 unit

Berapakah kos tetap?

- A RM 15
 - B RM 40
 - C RM 64
 - D RM 100
- 15 Jadual berikut menunjukkan kos yang ditanggung oleh Syarikat Berez.

Jumlah output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
5	20	20
10	20	40
15	20	55
20	20	65

Berapakah kos marginal apabila jumlah output ialah 15 unit?

- A 2.0
- B 3.0
- C 4.0
- D 5.0

16 Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran suatu barang.

Kos berubah	=	RM170
Kos tetap	=	RM 80
Kos purata	=	RM 5

Berapakah jumlah output?

- A 50 unit
- B 85 unit
- C 250 unit
- D 255 unit

17 Maklumat berikut menunjukkan hasil dan kos syarikat Suker Hati Sdn.Bhd.

Jumlah keluaran	=	2 000 unit
Harga seunit	=	RM15
Sewa kilang	=	RM3 000
Bahan mentah	=	RM10 000
Buruh	=	RM5 000

Berapakah untung yang diperolehi syarikat tersebut?

- A RM8 000
- B RM12 000
- C RM15 000
- D RM18 000

18 Maklumat berikut berkaitan dengan harga dan kos bagi syarikat Tip Top Sdn. Bhd.

• Harga per unit	RM200
• Kos Tetap	RM100
• Kos Berubah Purata	RM20

Sekiranya output terjual adalah 50 unit, berapakah untung firma tersebut?

- A RM9 880
- B RM9 000
- C RM8 900
- D RM4 000

19 Maklumat berikut berkaitan rumus untung.

$$\text{Untung} = (\mathbf{T} \times \text{kuantiti}) - \mathbf{S}$$

T dan **S** ialah

- A jumlah hasil dan kos tetap
- B jumlah hasil dan kos sut
- C harga dan kos berubah
- D harga dan jumlah kos

20 Rumus berikut berkaitan keuntungan.

$$\text{Untung ekonomi} = \text{Jumlah Hasil} - (\text{Kos eksplisit} + \mathbf{Z})$$

Kos yang manakah betul tentang **Z**?

- A Kos upah buruh
- B Kos bahan mentah
- C Sewa bangunan kilang
- D Sewa tapak perniagaan milikan sendiri

- 21 Pernyataan yang manakah benar tentang tahap pengeluaran?
- A Tahap II adalah pengeluaran yang tidak cekap
 - B Tahap I berlaku pengeluaran yang paling cekap dalam pengeluaran
 - C Tahap III apabila jumlah pengeluaran akan bertambah dan pulangan akan meningkat
 - D Tahap II apabila jumlah pengeluaran bertambah dengan perlahan dan menyebabkan keluaran marginal berkurang
- 22 Jadual berikut menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Input Tetap (unit)	Input Berubah (unit)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Sut (unit)
2	0	0	-	-
2	1	6	6	6
2	2	14	7	8
2	3	24	8	10
2	4	32	8	8
2	5	37	7.4	5
2	6	41	6.83	4
2	7	44	6.28	3
2	8	46	5.75	2
2	9	46	5.1	0
2	10	45	4.5	-1

Tahap pengeluaran paling cekap adalah dari

- A input berubah 1 hingga 3
 - B input berubah 1 hingga 9
 - C input berubah 4 hingga 9
 - D input berubah 4 hingga 10
- 23 Antara berikut, yang manakah benar tentang hukum pulangan berkurangan dalam pengeluaran firma.
- I Berlaku pada tahap II pengeluaran
 - II Keluaran purata semakin meningkat
 - III Gabungan yang paling cekap antara input berubah dan input tetap
 - IV Jumlah keluaran firma semakin meningkat dengan banyak apabila penggunaan input bertambah
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 24 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor peningkatan produktiviti?
- I Skop kerja yang ada pengkhususan
 - II Mesin diselenggara secara berkala
 - III Produk dipasarkan secara meluas
 - IV Output yang pelbagai
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 25 Produktiviti berlaku apabila firma berupaya meningkatkan keluaran dengan cara
- A menggunakan buruh sedia ada
 - B menambahkan kos pengeluaran
 - C menggunakan teknologi canggih
 - D memanjangkan tempoh pengeluaran

- 26 Antara berikut, yang manakah menerangkan tentang eksternaliti?

- I Kos yang ditanggung oleh pengeluar
- II Kesan yang diterima oleh pihak ketiga
- III Kos yang terlibat dalam penggunaan barangan
- IV Kesan yang tidak dimasukkan dalam harga pasaran

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 27 Apakah faedah sosial daripada kempen berkongsi kereta?

- A Kadar pengangguran yang rendah
- B Kadar penggunaan petrol yang tinggi
- C Kadar kesesakan lalu lintas yang rendah
- D Kadar pencemaran alam sekitar yang tinggi

- 28 Pernyataan berikut berkaitan dengan aktiviti harian Encik Fuad.

Setiap hari Encik Fuad menaiki komuter untuk pergi bekerja.

Apakah faedah peribadi yang dinikmati oleh Encik Fuad?

- A Menjimatkan masa perjalanan
- B Menanggung kos pengangkutan yang tinggi
- C Meningkatkan kadar pencemaran udara di bandar
- D Meningkatkan kadar kesesakan lalu lintas di bandar

- 29 Pernyataan berikut berkaitan dengan eksternaliti.

Penurunan harga kereta tempatan menyebabkan permintaan kereta meningkat secara mendadak.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kos sosial yang wujud kesan daripada situasi tersebut?

- A Kualiti udara semakin merosot
- B Peningkatan kos pengeluaran kereta
- C Peningkatan perbelanjaan masyarakat
- D Keuntungan syarikat pengedar kereta meningkat

- 30 Situasi yang manakah merujuk kepada kos sosial?

- A Syarikat Bintang Sdn Bhd mengutamakan buruh asing berbanding tempatan kesan daripada pelaksanaan dasar upah minimum
- B Penjual pakaian bundle menanggung kos import yang tinggi kesan kejatuhan nilai ringgit Malaysia
- C Firma Firdaus terpaksa membuat pembelian bahan mentah yang lebih mahal kesan daripada pandemik Covid-19
- D Nelayan ikan air tawar di Kg Sentosaku mengalami kerugian kesan daripada pencemaran sungai.

Pilihan jawapan bagi **Soalan 31** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 31** I Firma berperanan mengeluarkan dan membekalkan barang dan perkhidmatan.
 II Firma menawarkan faktor pengeluaran daripada isi rumah.
- 32** I Pengeluaran adalah suatu proses transformasi input kepada output.
 II Input pengeluaran terdiri daripada input tetap dan input berubah.
- 33** I Dalam pengeluaran jangka pendek, input tetap akan berubah secara langsung dengan tingkat keluaran.
 II Contoh input tetap ialah buruh
- 34** I Jumlah kos diperoleh dengan mencampurkan kos tetap dengan kos purata.
 II Contoh kos tetap ialah bayaran sewa bangunan. B
- 35** I Untung adalah pulangan kepada buruh kerana menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran.
 II Untung diperoleh apabila jumlah kos melebihi jumlah hasil.
- 36** I Hasil ialah jumlah nilai penerimaan yang diperoleh firma daripada aktiviti jualan.
 II Jika jumlah hasil kurang daripada jumlah kos, firma akan memperoleh keuntungan.
- 37** I Kos implisit merupakan kos yang sepatutnya dibayar kepada faktor pengeluaran tetapi tidak diambil kira dalam kos pengeluaran.
 II Contoh kos implisit ialah kos bahan mentah.
- 38** I Hukum pulangan berkurangan berlaku pada tahap III pengeluaran.
 II Hukum pulangan berkurangan menunjukkan peningkatan jumlah keluaran pada kadar yang perlahan.
- 39** I Produktiviti ialah keupayaan untuk meningkatkan penghasilan output daripada sejumlah input yang digunakan.
 II Peningkatan produktiviti akan menggambarkan tingkat pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.
- 40** I Kos sosial merupakan eksternaliti positif yang ditanggung oleh pihak ketiga.
 II Contoh kos sosial ialah kesan pencemaran sungai kepada masyarakat akibat aktiviti pembuangan sisa toksik.

LATIHAN ESEI BAB 4

- 1 Jadual berikut merupakan kos-kos pengeluaran jangka pendek bagi sebuah firma.

Keluaran/Output (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)
0	100	-	-
1	150	150	50
2	190	95	Y
3	210	70	20
4	240	X	30
5	310	62	70
6	420	70	110

- (a) Berapakah nilai **X** dan **Y**. [2markah]
- (b) Berdasarkan jadual di atas jelaskan hubungan antara keluaran dengan kos purata dan kos marginal.
- (i) Output 0 hingga 3 unit [2markah]
- (ii) Output 4 hingga 6 unit [2markah]
- 2 Bezakan pengeluaran jangka masa pendek dan pengeluaran jangka masa panjang. [5markah]
- 3 Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah firma.

Kilang Abu menghasilkan kasut sebanyak 80 pasang. Jumlah kos yang ditanggung ialah RM560. Apabila firma menambah output menjadi 100 pasang, kos pengeluaran meningkat sebanyak 25%.

Hitungkan kos marginal bagi output ke 100. [4 markah]

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan produktiviti.

Penggunaan jentera atau kaedah automasi dalam pengeluaran dapat mengurangkan kelalaian serta kesilapan manusia dan seterusnya meningkatkan produktiviti.

Selain faktor tersebut, jelaskan faktor-faktor lain yang mempengaruhi produktiviti. [6 markah]

- 5 Maklumat di bawah menunjukkan hasil dan kos sebuah firma.

Syarikat ABD Sdn. Bhd. mengeluarkan 300 unit ketuhar elektrik yang dijual dengan harga RM130.00 seunit. Kos pengeluaran yang digunakan ialah bahan mentah RM12,000.00, upah pekerja RM3,000.00, sewa kilang RM1,500.00 dan bil utiliti RM2,000.00

Hitung jumlah untung yang diperoleh. [2markah]

6 Jelaskan hukum pulangan berkurangan dalam pengeluaran. [3markah]

7 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan eksternaliti.

PASIR GUDANG: Kadar pencemaran Sungai Kim Kim di sini, yang pernah menjadi punca pencemaran toksik akibat pembuangan sisa kimia pada Mac lalu, didakwa terlalu tinggi sehingga mencecah 153 kali ganda daripada bacaan sepatutnya.

Apakah kos sosial yang timbul daripada aktiviti tersebut. [3markah]

8 Maklumat di bawah berkaitan dengan projek pembangunan kerajaan.

Projek ECRL disambung dengan Kos RM44 Bilion

PUTRAJAYA - Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sejauh 688 kilometer yang menghubungkan Pelabuhan Klang di Selangor ke Kelantan akan disambung semula.

Jelaskan kos sosial yang wujud akibat pelaksanaan aktiviti pembinaan ECRL ini. [6markah]

9 Jadual di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran sebuah firma yang mengeluarkan minuman ringan.

Input tetap (unit)	Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran sut (unit)
2	0	0	-	-
2	1	1	1	1
2	2	P	2	3
2	3	11	3.67	7
2	4	17	Q	6
2	5	20	R	S
2	6	20	3.33	0
2	7	16	2.29	T

(a) Apakah jenis jangka masa pengeluaran firma tersebut? Berikan alasan anda. [2markah]

(b) Tentukan nilai P, Q, R, S dan T. [5markah]

(c) Tingkat input berubah manakah yang paling cekap? Berikan alasan anda [2markah]

10 Maklumat di bawah berkaitan dengan eksternaliti negatif.

Matlamat firma untuk memaksimumkan keuntungan melalui aktiviti pengeluaran barang dan perkhidmatan mungkin menjejaskan kebajikan masyarakat dengan mengeksploitasi pengguna.

Terangkan peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar daripada eksploitasi pengguna. [4 markah]



NOTA & LATIHAN
BAB 5: EKONOMI DAN KERAJAAN

PERANAN KERAJAAN DALAM EKONOMI

Peranan Kerajaan sebagai Pengeluar & Majikan

PERANAN KERAJAAN SEBAGAI PENGELUAR	PERANAN KERAJAAN SEBAGAI MAJIKAN
<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan berperanan pengeluar barang awam & barang sosial-tidak disediakan oleh pihak swasta kerana x menguntungkan • Kebajikan masyarakat akan terjejas sekiranya x disediakan • <u>BARANG AWAM</u> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Barang yang dapat digunakan oleh seseorang individu tanpa mengurangkan faedah penggunaan individu lain dan tidak boleh menghalang individu lain daripada menggunakannya ➢ Tanpa bayaran/bayaran paling minimum ➢ Penawaran terhad ➢ Berkongsi penggunaannya ➢ Cth: jalan raya, padang awam, sekolah, klinik kerajaan • <u>BARANG SOSIAL</u> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Barang/ perkhidmatan yang membawa manfaat terbesar kepada semua masyarakat ➢ Perlu perbelanjaan dan tindakan kerajaan utk keluarkannya ➢ Cth: air terawat dan rakyat celik huruf-yuran percuma, meningkatkan tahap kesihatan rakyat 	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan terpenting di Malaysia – menawarkan peluang pekerjaan dlm sektor perkhidmatan awam kepada guna tenaga di negara kita. • Perkhidmatan awam tulang belakang ekonomi negara-melicinkan pengeluaran sektor ekonomi lain • <u>PELUANG PEKERJAAN</u> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Menjana pendapatan kepada penjawat awam ➢ Meningkatkan taraf hidup ➢ Kuasa beli meningkat ➢ Permintaan terhadap barang n perkhidmatan tinggi ➢ Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi • <u>FAEDAH SAMPINGAN KEPADA KAKITANGAN AWAM</u> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Elaun perumahan dan elaun sara hidup (COLA) ➢ Kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan ➢ Imbuhan tetap khidmat awam ➢ Pencen selepas bersara ➢ Cuti tahunan mengikut kelayakan ➢ Cuti bersalin

Monopoli Semula Jadi Kerajaan

- Monopoli Kerajaan iaitu pengeluaran barang atau perkhidmatan dibenarkan untuk dikeluarkan oleh firma berkaitan kerajaan
- Perkhidmatan / barang awam yang penting yang memerlukan kos yang tinggi.
- Ciri-ciri:
 - i) Satu firma sahaja – contoh TNB, pengangkutan awam (KTM) & telekomunikasi (TM)
 - ii) Keluaran tiada pengganti – tidak boleh dikeluarkan oleh firma lain
 - iii) Penentu harga pasaran- ditentukan oleh kerajaan

- iv) Tiada kebebasan keluar masuk industri – wujud halangan atas kebebasan firma lain seperti perlindungan undang-undang , pemilikan faktor pengeluaran dan kos modal tinggi


Peranan Kerajaan Untuk Mencapai Objektif Makroekonomi Negara

1. Guna Tenaga Penuh

- Merujuk kepada kadar pengangguran negara **kurang 4%**.
- **Guna tenaga** mengukur jumlah tenaga buruh yang digunakan oleh sebuah negara dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan
- **Pengangguran** mengukur jumlah tenaga buruh yang tidak digunakan / tidak terlibat dalam sebarang kegiatan ekonomi
- Guna tenaga tinggi menunjukkan kegiatan ekonomi banyak dijalankan
- Jumlah barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan di pasaran adalah banyak

2. Kestabilan Harga

- Ketidakstabilan harga boleh **menjejaskan taraf hidup** masyarakat
- Apabila **harga meningkat** secara berterusan- **inflasi**
- Jika **harga turun** berterusan- **deflasi/ kemelesetan ekonomi**
- Kesan Inflasi dan deflasi:-



3. Pertumbuhan Ekonomi

- ❖ **Pertumbuhan ekonomi** berlaku apabila tingkat keluaran negara meningkat.

4. Ketidakstabilan Imbangan Pembayaran


Satu penyata kewangan yang merekodkan **aliran wang masuk dan keluar** kesan daripada **perdagangan antarabangsa** dalam tempoh satu tahun

Jenis Imbangan Pembayaran

- Imbangan pembayaran terbahagi kepada 2:-


Imbangan pembayaran lebihan	Imbangan pembayaran defisit
Aliran wang yang masuk ke sesebuah negara lebih tinggi daripada aliran wang yang keluar ke negara lain	Aliran wang yang keluar ke luar negara melebihi aliran wang yang masuk ke dalam negara

- Kesan lebihan imbangan pembayaran dan imbangan pembayaran defisit



INFLASI

❖ Jenis Inflasi



❖ Kesan Inflasi

<p><u>Kesan Terhadap Harga Barang</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos sara hidup meningkat • Masyarakat kurang mampu membeli barang & perkhidmatan • Taraf kebajikan masyarakat akan terjejas 	<p><u>Kesan Terhadap Tabungan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat terpaksa mengeluarkan simpanan – untuk tampung kos hidup • Nilai wang yang dipegang oleh isi rumah semakin merosot • Isi rumah cenderung membelanjakan wang daripada menabung
<p><u>Kesan Terhadap Pendapatan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • • Pendapatan benar masyarakat menurun dengan andaian pendapatan tunai tidak berubah • Menjejaskan kuasa beli masyarakat • Taraf hidup menurun • Tidak mampu membeli barang yang diinginkan 	<p><u>Kesan Terhadap Pengangguran</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesan positif terhadap pengangguran • Firma tambahkan keluaran – inflasi tarikan permintaan • Firma meningkatkan penggunaan tenaga buruh • Peluang pekerjaan bertambah • Kadar pengangguran menurun – inflasi sederhana
<p><u>Kesan Terhadap Eksport</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Infalsi tolakan kos – harga barang & perkhidmatan meningkat – lebih mahal • Kehilangan daya saing di pasaran antarabangsa • DD barang keluaran tempatan berkurangan dalam pasaran antarabangsa • Pendapatan Negara daripada sektor eksport merosot 	<p><u>Kesan Terhadap Kadar Faedah</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Terlalu banyak wang mengajar barang yang sedikit • Bagi mengawal bekalan wang dalam ekonomi – bank pusat meningkatkan kadar faedah • Kos pinjaman dan beban hutang peminjam meningkat • Masyarakat kurang membuat pinjaman kerana kos tinggi • Penawaran wang dalam ekonomi akan berkurang


PENGANGGURAN

- Satu keadaan apabila terdapat tenaga buruh yang sanggup bekerja tetapi tidak dapat pekerjaan
- Kadar pengangguran dalam negara daripada 4%,
- Pengangguran menunjukkan lebih penawaran buruh-pembaziran faktor ekonomi-merugikan negara

i) Kesan pengangguran terhadap Ekonomi Negara

- 1. Pendapatan negara sebenar kurang daripada pendapatan negara potensi
 - Disebabkan faktor buruh sedia ada tidak digunakan sepenuhnya
- 2. Hasil kerajaan berkurangan kerana kutipan cukai pendapatan kurang
 - Penganggur tidak mempunyai pendapatan untuk membayar cukai
- 3. Ketidakecekapan dalam pengeluaran dan pembaziran sumber ekonomi
- 4. Menghalang pertumbuhan ekonomi akibat pelbagai masalah sosial
 - Wujud masalah sosial akibat pengangguran seperti rompakan
- 5. Taraf hidup masyarakat menurun kerana kuasa beli telah menurun

ii) Kesan pengangguran terhadap Masalah Sosial Negara



KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK)

<p>Satu penunjuk ekonomi yang menggambarkan pendapatan negara iaitu <i>jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah negara dalam tempoh setahun.</i></p>	<p>KDNK-menghitung nilai barang & perkhidmatan yang dihasilkan oleh faktor pengeluaran dalam sesebuah negara dalam tempoh setahun-<i>tanpa mengira faktor pengeluaran tersebut milik negara itu atau milik negara asing</i> – jurutera Jepun berkerja di syarikat Malaysia menyumbang kepada pendapatan negara.</p>
---	---

Pendekatan Perbelanjaan <ul style="list-style-type: none"> • KDNK – menjumlah semua perbelanjaan atas barang akhir dan perkhidmatan yang dihasilkan dalam ekonomi dalam tempoh setahun • Eksport – Import • Ambil kira perubahan stok akhir 	Pendekatan Keluaran <ul style="list-style-type: none"> • KDNK – menjumlah nilai ditambah yang dihasilkan oleh pelbagai sektor ekonomi dalam tempoh setahun • Nilai tambah – peningkatan nilai barang
---	---

SEBAB PERTUMBUHAN EKONOMI

SUMBER ALAM SEMULA JADI <ul style="list-style-type: none"> • Dianugerahkan sumber semula jadi yang banyak-boleh kembang ekonomi dengan mudah • Tarik pelabur asing 	JUMLAH PENDUDUK DAN BEKALAN TENAGA <ul style="list-style-type: none"> • Penduduk bertambah – jumlah tenaga buruh bertambah • Kemahiran&produktiviti buruh – ditingkatkan pendidikan & latihan
KEMAJUAN TEKNOLOGI <ul style="list-style-type: none"> • Teknologi canggih – tingkatan kecekapan pengeluaran • Kurangkan kos pengeluaran • Tambah jumlah keluaran 	PELABURAN DALAM AKTIVITI EKONOMI <ul style="list-style-type: none"> • Semakin besar nilai pelaburan – semakin banyak brg dan perkhidmatan dikeluarkan • Sumber dana untuk membiayai barang modal-eksploitasi sumber alam semula jadi @ meningkatkan produktiviti
SISTEM SOSIAL DAN SIKAP MASYARAKAT <ul style="list-style-type: none"> • Stabil-beri keyakinan kepada pelabur tempatan dan pelabur asing • Sikap keterbukaan masyarakat-pengaruh pertumbuhan ekonomi-terima perubahan teknologi-produktiviti meningkat-ekonomi pesat 	

ALAT DASAR EKONOMI

a) Dasar Fisikal

Aspek	Dasar fiskal mengembang	Dasar fiskal menguncup
Masalah ekonomi	Pengangguran	Inflasi
Tujuan	Meningkatkan permintaan agregat	Mengurangkan permintaan agregat
Kadar cukai	Menurunkan kadar cukai	Menaikkan kadar cukai
Perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan perbelanjaan kerajaan	Mengurangkan perbelanjaan kerajaan

b) Hasil Kerajaan

Cukai Langsung	
<ul style="list-style-type: none"> - Sejenis cukai yang beban cukainya tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain - Sumber hasil cukai langsung merupakan sumbangan terbesar hasil kerajaan - Cukai ini wajib dikenakan atas individu dan firma yang memperoleh sejumlah pendapatan tertentu 	
Jenis cukai langsung	Huraian
Cukai pendapatan individu	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan ke atas individu di Malaysia yang memperoleh pendapatan lebih daripada satu amaun tertentu dalam tempoh setahun - Dikenakan atas pelbagai bentuk pendapatan individu termasuk upah, elaun, bonus, dividen, faedah dan sewa - Jenis-jenis elaun kakitangan awam yang dikecualikan cukai ialah imbuhan tetapperumahan, imbuhan tetap keraian, bantuan sara hidup dan bantuan khas kewangan - Tujuan kerajaan mengenakan cukai ini ialah : <ul style="list-style-type: none"> a) Sebagai sumber hasil kerajaan b) Merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin c) Sebagai alat kawalan kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi dan kemelesetan ekonomi
Cukai pendapatan syarikat	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas keuntungan yang diperolehi oleh syarikat berhad - Kadar cukai pendapatan syarikat antara 19% - 24%
Cukai pendapatan koperasi	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas keuntungan yang diperolehi oleh koperasi yang beroperasi di Malaysia kecuali koperasi sekolah - Cukai pendapatan koperasi merupakan sumbangan terendah dalam jumlah hasil cukai langsung kerajaan
Cukai pendapatan petroleum	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas semua syarikat petroleum yang menjalankan operasi di Malaysia - Kadar cukai pendapatan petroleum pada tahun taksiran 2016 ialah 38%
Cukai keuntungan hartanah	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas keuntungan yang diperolehi daripada penjualan sesuatu hartanah
Duti setem	<ul style="list-style-type: none"> - Bayaran yang dikenakan berdasarkan nilai sesuatu harta apabila dokumen harta yang dipindah milik disetamkan - Contoh proses pindah milik pembelian hartanah dan permohonan peminjam atau bantuan kewangan
Cukai tanah	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas pemilik tanah pertanian, tanah perusahaan, dan tanah bangunan - Bayaran cukai tanah adalah berbeza mengikut lokasi dan jenis tanah
Cukai pintu	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas pemilik rumah dengan tujuan untuk membiayai perbelanjaan penyediaan prasarana dan perkhidatan awam oleh kerajaan tempatan

Cukai Tak Langsung	
<ul style="list-style-type: none"> - Sejenis cukai yang beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain - Jenis cukai ini dikenakan atas barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak firma - Pihak firma yang ingin mengekalkan margin keuntungan biasanya akan memindahkan sebahagian atau sepenuhnya beban cukai tersebut kepada pengguna dengan menaikkan harga jualan barang dan perkhidmatan 	
Jenis cukai tak langsung	Huraian
Duti eksais	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas barang seperti rokok, tembakau, minuman keras dan kenderaan bermotor yang dikeluarkan dalam negara untuk dijual di pasaran tempatan - Tujuan kerajaan mengenakan duti eksais ialah : <ol style="list-style-type: none"> a) Sebagai hasil kerajaan b) Menyekat penggunaan orang ramai terhadap barang tertentu seperti rokok dan minuman keras yang membahayakan kesihatan
Duti import	<ol style="list-style-type: none"> a) Dikenakan atas barang penggunaan yang diimport dari luar negara seperti buah-buahan, rokok, minuman keras dan barang-barang mewah b) Tujuan kerajaan mengenakan duti import ialah : c) Sebagai sumber hasil kerajaan d) Melindungi industri tempatan kerana pengenaan duti import menyebabkan harga barang import naik e) Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kerana perkembangan industri tempatan f) Memperbaiki imbalan dagangan dan imbalan pembayaran negara g) Mengatasi masalah lambakan dalam perdagangan antarabangsa h) iaitu menjual barang dengan harga yang sangat murah di pasaran luar negara berbanding dengan harga di negara asalnya
Duti eksport	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas komoditi utama seperti petroleum, kelapa sawit, kayu balak dan getah yang diekport ke luar negara - Tujuan kerajaan mengenakan duti eksport ialah : <ol style="list-style-type: none"> a) Sebagai hasil kerajaan b) Menyekat eksport barang komoditi mentah yang tidak diproses secara berlebihan dan menggalakkan pengeluaran memproses barang komoditi kepada barang siap atau separuh siap sebelum diekport keluar negara c) Memajukan industri yang berasaskan sumber tempatan kerana bahan mentah diproses dalam negara
Cukai barang dan perkhidmatan (GST)	<ul style="list-style-type: none"> - GST merupakan cukai yang dikenakan ke atas penggunaan barangan dan perkhidmatan yang mula berkuat kuasa pada 1 April 2015 - GST merupakan cukai penggunaan yang berasaskan konsep nilai ditambah - Golongan berpendapatan tinggi yang menggunakan lebih banyak barangan akan membayar lebih banyak cukai, manakala golongan berpendapatan rendah yang menggunakan sedikit barang membayar cukai yang rendah - Kadar GST pada tahun 2016 adalah 6%
Cukai perjudian	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas firma yang menjalankan operasi perjudian berlesen di Malaysia

Levi	<ul style="list-style-type: none"> - Dikenakan atas majikan bagi membawa masuk barang dan perkhidmatan ke dalam negara - Cukai ini biasa digunakan terhadap pekerja asing yang datang ke sesebuah negara
-------------	--

d) Perbelanjaan Kerajaan

- Kerajaan akan membuat perbelanjaan dengan menggunakan sumber hasil cukai dan hasil bukan cukai
- Terbahagi kepada dua jenis:

Perbelanjaan mengurus	Perbelanjaan pembangunan
Perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang pada setiap tahun	Perbelanjaan pelaburan kerajaan atas projek pembangunan sosial ekonomi negara
Membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan beroperasi dengan lancar	Meningkatkan pembedaan modal negara
Contohnya, bayaran emolument, bayaran khidmat hutang negara, pencen dan ganjaran, serta bekalan dan perkhidmatan	Contohnya, perbelanjaan sektor perkhidmatan ekonomi sosial, keselamatan dan pentadbiran am

e) Belanjawan Negara

<p><u>BELANJAWAN NEGARA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Suatu penyata tentang anggaran jumlah hasil yang diperoleh dan anggaran jumlah perbelanjaan yang akan dilakukan untuk tahun kewangan akan datang - Anggaran pendapatan yang diterima dibandingkan dengan segala perbelanjaan yang akan dibuat pada masa depan 			
TUJUAN BELANJAWAN NEGARA			
<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan peruntukan dikawal agar jumlah perbelanjaan tidak melebihi jumlah hasil negara 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempengaruhi aktiviti ekonomi untuk mencapai matlamat ekonomi yang diinginkan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mencapai pembangunan dan kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mencapai kestabilan ekonomi dengan mengawal kadar inflasi dan pengangguran
BELANJAWAN LEBIHAN		BELANJAWAN SEIMBANG	BELANJAWAN DEFISIT
jumlah hasil kerajaan > jumlah perbelanjaan kerajaan		jumlah hasil kerajaan = jumlah perbelanjaan kerajaan	Jumlah hasil kerajaan < jumlah perbelanjaan kerajaan
<ul style="list-style-type: none"> ➢ Masalah inflasi ➢ <u>Menaikan kadar cukai</u> <ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan boleh guna • Kuasa beli masyarakat • Permintaan barang 		<ul style="list-style-type: none"> ➢ Dilaksanakan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam ➢ Kestabilan ekonomi-capai guna tenaga penuh 	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Masalah kemelesetan ekonomi ➢ <u>Menurunkan kadar cukai</u> <ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan boleh guna • Kuasa beli masyarakat • Permintaan barang • Tingkat harga umum

<ul style="list-style-type: none"> • Tingkat harga umum • Keadaan inflasi dapat dikawal-kos sara hidup <p>➤ <u>Mengurangkan perbelanjaan kerajaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan aktiviti ekonomi perlahan • Pendapatan • Permintaan barang • Tingkat harga umum • Keadaan inflasi dapat dikawal-kos sara hidup 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Semua perbelanjaan kerajaan menggunakan hasil sepenuhnya ➤ Tiada baki yang tertinggal ➤ Tiada perbelanjaan dibayar dengan hutang ➤ Kekalkan keadaan stabil dalam ekonomi 	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan inflasi dapat dikawal-kos sara hidup <p>➤ <u>Menambah perbelanjaan kerajaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan aktiviti ekonomi berkembang • Peluang pekerjaan bertambah • Kadar pengangguran menurun • Tingkat harga umum • Kemelesetan ekonomi dapat dipulihkan
--	---	--

f) **Kesan Kadar Faedah Sebagai Alat Kewangan Dalam Ekonomi**

Kesan Kadar Faedah Sebagai Alat Kewangan Dalam Ekonomi		
Kesan Terhadap Pengguna	Kesan Terhadap Firma	Kesan Terhadap Ekonomi
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mempengaruhi kuasa beli pengguna ➤ Ubah corak perbelanjaan ➤ Pinjaman bank- pengguna berbelanja melebihi kemampuan-melalui bayaran secara kredit-dikenakan faedah ➤ Membiayai pembelian asset bukan semasa seperti rumah dan kenderaan, ➤ Membeli barang mewah-barang elektronik, perabot rumah, pakej pelancongan, belanja pelajaran, pelaburan kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Perubahan kadar faedah mempengaruhi modal kewangan firma ➤ Pinjaman bank -Sumber kewangan penting firam untuk dapatkan modal tambahan dalam kembangkan operasi ➤ Modal pinjaman – digunakan dalam aktiviti pelaburan, R&D, latihan kemahiran pekerja-supaya daya saing dan produktivi firma dapat ditingkatkan 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kadar cukai yang sama bagi semua pembayar cukai tanpa kira jumlah pendapatan syarikat

LATIHAN OBJEKTIF BAB 5: EKONOMI DAN KERAJAAN

1 Antara berikut, yang manakah **betul** tentang peranan kerajaan dalam ekonomi?

- I Mengawal selia pengeluar
- II Mencapai guna tenaga penuh
- III Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
- IV Mengeluarkan barang ekonomi dan barang awam

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 2 Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal eksternaliti negatif?
- A Menetapkan kawalan harga barang-barang keperluan
 - B Memberi subsidi untuk mengurangkan kos pengeluaran
 - C Memusatkan kawasan perindustrian di luar kawasan kediaman
 - D Mengenakan cukai ke atas produk kecantikan yang membahayakan kesihatan
- 3 Gambar berikut ialah perkhidmatan yang ditawarkan di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.



- Apakah ciri perkhidmatan berikut?
- A Penawarannya adalah tidak terhad
 - B Tidak melibatkan kos lepas untuk mengeluarkannya
 - C Memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk mengeluarkannya
 - D Apabila digunakan oleh seseorang akan mengurangkan faedah penggunaan individu lain
- 4 Antara berikut, faedah sampingan yang manakah ditawarkan oleh pihak kerajaan kepada kakitangan awam?
- I Caruman KWSP
 - II Elaun perumahan
 - III Bantuan sara hidup
 - IV Pencen selepas bersara
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 5 Pernyataan berikut berkaitan dengan objektif makroekonomi kerajaan.

Kerajaan perlu memastikan kadar inflasi dalam negara terkawal

- Apakah objektif makroekonomi tersebut?
- A Kestabilan harga
 - B Guna tenaga penuh
 - C Pertumbuhan ekonomi
 - D Kestabilan imbalan pembayaran
- 6 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor pertumbuhan ekonomi?
- I Sumber alam semula jadi
 - II Imbangan dagangan
 - III Kemajuan teknologi
 - IV Pertukaran asing
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 7 Antara berikut, kesan yang manakah ekoran daripada peningkatan pertumbuhan ekonomi di Malaysia
- I peningkatan infrastruktur fizikal
 - II peningkatan kadar pengangguran
 - III peningkatan bilangan kakitangan awam
 - IV peningkatan taraf pendidikan penduduk
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Antara berikut, pernyataan yang manakah **betul** berkaitan objektif makroekonomi?
- I Taraf hidup dan kos sara hidup masyarakat meningkat
 - II Aliran wang keluar lebih tinggi daripada aliran wang masuk
 - III Tenaga buruh digunakan dengan optimum dan jumlah keluaran negara adalah maksimum
 - IV Tingkat harga umum tidak mengalami sebarang perubahan atau mengalami perubahan pada kadar yang rendah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 9 Pernyataan yang manakah betul tentang tindakan pengeluar mengeksploitasi pengguna yang akan menjejaskan kebajikan masyarakat?
- A Menetapkan harga barang keperluan pada paras yang tinggi
 - B Menjual barang yang selamat dan mendapat pengiktirafan logo halal
 - C Mengeluarkan barang yang berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan
 - D Mengeluarkan barang dan perkhidmatan dalam kuantiti yang banyak supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa
- 10 Mengapakah kerajaan ingin mencapai objektif tingkat guna tenaga penuh?
- I Mencapai kecekapan peruntukan sumber ekonomi
 - II Memaksimumkan jumlah kapasiti pengeluaran
 - III Menurunkan kuasa beli masyarakat
 - IV Mengurangkan daya saing negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 11 Pernyataan manakah betul tentang inflasi?
- A Inflasi tolakan kos berlaku pada tingkat guna tenaga penuh
 - B Inflasi sederhana berlaku meningkatkan pertumbuhan ekonomi
 - C Inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh penurunan nilai mata wang
 - D Inflasi melampau menyebabkan pendapatan benar isi rumah meningkat
- 12 Apakah kesan inflasi sederhana terhadap ekonomi negara?
- A Peluang pekerjaan meningkat
 - B Pendapatan boleh guna naik
 - C Tabungan meningkat
 - D Nilai import naik

- 13 Maklumat berikut menunjukkan suatu petunjuk ekonomi.

Tahun	Indeks Harga Pengguna (IHP)
2014	123.7
2015	116.1
	Perubahan =7.6%

Apakah takrifan yang dapat dibuat?

- A Nilai wang menurun 7.6%
 - B Nilai wang meningkat 7.6%
 - C Kos sara hidup menurun 7.6%
 - D Kos sara hidup meningkat 7.6%
- 14 Antara berikut, situasi yang manakah merupakan kesan kenaikan kadar inflasi?
- I Ayuni dapat meningkatkan tabungannya ke dalam Lembaga Tabung Haji.
 - II Dinie mengurangkan belian telur ayam kerana harganya yang semakin meningkat.
 - III Hasni menambahkan jumlah pinjaman untuk menambahkan modal perusahaannya.
 - IV Hamid terpaksa mengeluarkan wang simpanan dari Bank Simpanan Nasional untuk menampung keperluan keluarganya.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 15 Situasi yang manakah menyebabkan pengangguran kitaran?
- A Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharap pekerjaan lain
 - B Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
 - C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
 - D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran
- 16 KDNK negara dijangka meningkat sebanyak 4.5% pada tahun 2019. Pernyataan manakah **betul** menyebabkan keadaan tersebut?
- A Penurunan dalam produktiviti
 - B Penurunan dalam kadar inflasi
 - C Penurunan kadar pengangguran
 - D Penurunan dalam jumlah eksport
- 17 Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

Sejumlah 173 000 pekerja diberhentikan sejak tahun 2020 hingga Julai 2021.

Sumber: Ubah suai daripada www.sinarharian.com.my. 16 September 2021

Antara berikut, tindakan yang manakah boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengatasi keadaan tersebut?

- I Mengurangkan jumlah perbelanjaan kerajaan
 - II Memendekkan tempoh bayaran balik
 - III Melonggarkan syarat sewa beli
 - IV Menurunkan kadar faedah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 18 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan cukai tak langsung?
- A Encik Irsyad membayar duti setem apabila menandatangani surat perjanjian pembelian rumah
 - B Syarikat Beauty Berhad membayar cukai sebanyak 28% daripada keuntungannya kepada kerajaan
 - C Puna Selamah membayar tambahan 5% daripada jumlah harga makanan di restoran makanan segera
 - D Petronas membayar 38% daripada jumlah pendapatan syarikat kepada kerajaan
- 19 Jadual berikut menunjukkan bajet kerajaan bagi tahun 2019.

Butiran	RM Juta
Hasil	264.42
Belanja Mengurus	263.34
Belanja Pembangunan	52.57

Sumber: Petikan Laporan Ekonomi BH, 2019/2020

Tindakan yang manakah **betul** berkaitan keadaan tersebut?

	Dasar Fiskal	Ketidakstabilan Ekonomi	Tujuan Pelaksanaan
A	Menguncup	Deflasi	Mengurangkan proses penciptaan kredit
B	Mengembang	Deflasi	Meningkatkan permintaan agregat
C	Mengembang	Inflasi	Menambah projek pembangunan
D	Menguncup	Inflasi	Merapatkan jurang pendapatan

- 20 Pemberian subsidi kepada pengeluar minyak masak menyebabkan
- A harga kelapa sawit menurun
 - B penawaran minyak masak menurun
 - C permintaan minyak masak menurun
 - D kos pengeluaran minyak masak menurun
- 21 Antara berikut, yang manakah merupakan barang kawalan?
- I Ayam
 - II Kereta
 - III Mee segera
 - IV Minyak diesel
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kerajaan.

Kerajaan akan terus melaksanakan dasar fiskal mengembang bagi menyokong agenda pembangunan negara.

Sumber: BH Online, Nov.2018

Antara berikut, pernyataan yang manakah betul dengan tindakan tersebut?

- I Melaksanakan projek mega
- II Mengurangkan subsidi pengeluar

- III Memperkenalkan cukai baharu dalam ekonomi
 - IV Meningkatkan lagi jumlah bantuan awal persekolahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 23 Pernyataan yang manakah betul tentang dasar kewangan menguncup?
- A Bertujuan untuk mengatasi masalah inflasi dalam negara
 - B Boleh dilakukan melalui pembelian surat jaminan kerajaan
 - C Bertujuan menambahkan bekalan wang di pasaran
 - D Berupaya meningkatkan kuasa beli pengguna

- 24 Padanan yang manakah betul tentang dasar fiskal untuk mengawal inflasi?

	Tindakan	Keterangan
A	Menaikkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan projek pembangunan
B	Meningkatkan cukai	Menaikkan cukai pendapatan individu
C	Menaikkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan permintaan agregat
D	Meningkatkan cukai	Menaikkan kuasa beli

- 25 Apakah kesan penurunan kadar faedah kepada firma?
- A Kos pinjaman menurun
 - B Perbelanjaan pengguna meningkat
 - C Masalah pengangguran bertambah baik
 - D Kadar pertumbuhan ekonomi lebih perlahan

- 26 Jadual berikut menunjukkan anggaran hasil kerajaan persekutuan bagi tahun 2016

Sumber Hasil	Jumlah (RM Juta)
Cukai pendapatan individu	27 566
Duti eksais	11 705
Lesen/permit	12 307
Cukai pendapatan syarikat	63 625
Cukai barang dan perkhidmatan	41 206
Cukai pendapatan petroleum	8 422
Duti import	2 905
Pendapatan pelaburan	21 425

[Sumber: Diubah suai daripada Laporan Ekonomi 2017/2018]

Berapakah hasil cukai langsung, hasil cukai tak langsung, dan hasil bukan cukai?

	Hasil Cukai Langsung	Hasil Cukai Tak Langsung	Hasil Bukan Cukai
A	11 318	77 241	12 307
B	121 038	52 912	20 729
C	91 191	43 510	21 425
D	99 613	55 816	33 732

- 27 Maklumat berikut menunjukkan satu contoh komponen perbelanjaan pembangunan.

Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM1.3 bilion kepada Perbadanan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA) untuk pembinaan rumah bagi isi rumah berpendapatan sederhana antara RM2 500 dan RM 10 000.

(Sumber *Laporan Ekonomi 2015/2016*)

Apakah komponen perbelanjaan tersebut?

- A Sektor keselamatan
 - B Sektor pentadbiran am
 - C Sektor perkhidmatan sosial
 - D Sektor perkhidmatan ekonomi
- 28 Dengan menggunakan dasar fiskal, kerajaan boleh menambahkan atau mengurangkan perbelanjaan dan
- A menaikkan atau menurunkan cukai
 - B menaikkan atau menurunkan kadar inflasi
 - C menaikkan atau menurunkan kadar bunga
 - D menaikkan atau menurunkan penawaran wang dalam ekonomi
- 29 Maklumat berikut menunjukkan tindakan bank pusat melalui dasar kewangan mengawal satu keadaan ketidakstabilan ekonomi

Keperluan rizab berkanun dinaikkan tiga kali ganda sebagai langkah awal mengurus peningkatan masalah tunai berlebihan yang membawa kepada peningkatan harga barangan

Apakah tindakan lain yang boleh dilakukan oleh bank pusat untuk mengawal keadaan tersebut?

- A Jual surat jaminan kerajaan
 - B Turunkan nisbah rizab tunai
 - C Longgarkan syarat sewa beli
 - D Turunkan kadar faedah pinjaman
- 30 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan cukai langsung?
- A Encik Izzat membayar cukai kepada agensi pekerja asing
 - B Syarikat Hebat Berhad dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan
 - C Koperasi Bahagia membayar cukai atas keuntungan yang diperolehi
 - D Puan Halimah membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- 31 Contoh yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?
- A Belanja menyiapkan stadium mini di Kuala Kubu Baru
 - B Agihan subsidi anak benih padi IS21 kepada pesawah di Sekinchan
 - C Membayar kos penyelenggaraan makmal komputer di SMK Bandar Lama
 - D Serahan kepada kerajaan Perak untuk baik pulih jalan raya yang rosak di Ipoh
- 32 Antara berikut, pernyataan yang manakah **betul** tentang kewangan mengembang?
- I Tujuan kerajaan untuk menambah bekalan wang dalam ekonomi
 - II Berupaya mengawal peningkatan harga umum dalam pasaran
 - III Meningkatkan keupayaan firma menambah bilangan pekerja
 - IV Contoh Tindakan ialah menaikkan nisbah rizab tunai

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

33 Jadual berikut menunjukkan kedudukan kewangan sektor awam pada tahun 2015

Butiran	Jumlah (RM Juta)
Hasil	211 989
Perbelanjaan Mengurus	241 075
Perbelanjaan Membangun	138 597

(Sumber: diubah suai daripada Laporan Ekonomi 2016/2017)

Antara berikut, yang manakah betul berkaitan dengan maklumat tersebut?

- I Kerajaan menjalankan dasar belanjawan kurangan
- II Contoh perbelanjaan pembangunan ialah emolumen
- III Sumber hasil kerajaan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai
- IV Belanjawan negara satunya cara untuk mengatasi kemelesetan ekonomi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

34 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kerajaan.

Kerajaan akan terus melaksanakan dasar fiskal mengembang bagi menyokong agenda pembangunan negara.

Sumber: BH Online, Nov.2018

Antara berikut, pernyataan yang manakah betul dengan tindakan tersebut?

- I Melaksanakan projek mega
- II Pertambahan kos sara hidup
- III Peningkatan permintaan agregat
- IV Memperkenalkan cukai baharu dalam ekonomi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

35 Pernyataan yang manakah **betul** tentang dasar kewangan menguncup?

- A Boleh dilaksanakan untuk mengatasi masalah inflasi dalam negara
- B Boleh dilakukan melalui pembelian surat jaminan kerajaan
- C Bertujuan menambahkan bekalan wang di pasaran
- D Berupaya meningkatkan kuasa beli pengguna

36 Pasangan yang manakah betul tentang dasar fiskal untuk mengawal inflasi?

	Tindakan	Keterangan
A	Menaikkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan projek pembangunan
B	Meningkatkan cukai	Menaikkan cukai pendapatan
C	Menaikkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan permintaan agregat
D	Meningkatkan cukai	Menaikkan kuasa beli

- 37 Situasi yang manakah **betul** berkaitan dengan cukai tak langsung?
- A Puan Aisyah membayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri setiap tahun.
 - B Encik Burhan membayar cukai ke atas makanan yang dibelinya.
 - C Syarikat Choko membayar cukai keuntungan syarikatnya.
 - D Pak Kassim membayar cukai tanah setiap tahun.

Pilihan jawapan bagi **Soalan 38** hingga **Soalan 43** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 38 I Bank pusat mengawal kenaikan harga barangan secara berterusan dalam pasaran dengan menaikkan rizab tunai.
 II Selain itu, bank pusat juga mengarahkan institusi kewangan melonggarkan syarat sewa beli.
- 39 I Tarif ad valorem ialah cukai import yang dihitung berdasarkan jumlah nilai barang import.
 II Contoh tarif ad valorem ialah Kastam Diraja Malaysia mengenakan tarif sebanyak 20% daripada jumlah nilai tayar import.
- 40 I Inflasi berlaku apabila tingkat harga umum mengalami peningkatan secara berterusan.
 II Inflasi ini akan menyebabkan peningkatan daya saing barang tempatan pasaran global.

LATIHAN ESEI BAB 5

- 1 (a) Jelaskan secara ringkas objektif makroekonomi yang berikut:
- (i) Guna tenaga penuh [3 markah]
 - (ii) Pertumbuhan ekonomi [3 markah]
- (b) Bagaimanakah peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluaran? [4 markah]
- 2 (a) Terangkan jenis-jenis inflasi dalam ekonomi. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan inflasi kepada ekonomi negara. [6 markah]
- 3 (a) Jelaskan konsep-konsep yang berikut:
- (i) Pengangguran Kitaran [2 markah]
 - (ii) Pengangguran Berstruktur [2 markah]
- (b) Jelaskan kesan pengangguran terhadap
- (i) Ekonomi negara [3 markah]
 - (ii) Masalah sosial negara [3 markah]
- (c) Mengapakah kadar pengangguran di Malaysia meningkat? [5 markah]

4 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah firma GLC.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan sebuah syarikat pengeluar bekalan elektrik yang terbesar di Malaysia.

Terangkan ciri-ciri monopoli semula jadi tersebut.

[6 markah]

5 Penyataan berikut berkaitan dengan suatu akta yang dikuatkuasakan di negara Malaysia.

Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan merupakan akta untuk mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dan melarang pencatutan. Akta ini mula dikuatkuasa pada 2011.

(Sumber ubahsuai: www.bernama.com)

(a) Bezakan antara dasar harga maksimum dengan dasar harga minimum.

[4markah]

(b) Adakah wajar kerajaan memperkenalkan dasar harga maksimum dan dasar harga minimum. Jelaskan pendapat anda.

[4 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan analisis unjuran ekonomi Malaysia.

KUALA LUMPUR - Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia mencatatkan penyusutan 3.4 peratus pada suku keempat 2020 dalam keadaan peningkatan ketara kes jangkitan Covid-19 sekali gus menjadikan prestasi keseluruhan tahun kepada -5.6 peratus berikutan perintah sekatan dan penutupan sempadan di peringkat global.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: Sinar Harian)

Jelaskan kesan pandemik covid-19 terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

[6 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Ali.

Encik Ali membayar cukai pendapatan syarikat pada setiap tahun. Beliau juga membayar levi kerana mengambil pekerja dari Indonesia untuk bekerja di syarikatnya.

Bandingkan kedua-dua cukai yang dibayar oleh Encik Ali.

[5 markah]

8 Maklumat berikut menunjukkan beberapa komponen perbelanjaan kerajaan.

Perbelanjaan X	Perbelanjaan Y
Pembinaan sekolah	Pencen dan ganjaran

- (a) Nyatakan Perbelanjaan X dan Perbelanjaan Y [2 markah]
- (b) Bandingkan kedua-dua jenis perbelanjaan kerajaan tersebut. [5 markah]

9 Pernyataan berikut berkaitan dengan dasar ekonomi negara X.

Kerajaan negara X telah menjalankan belanjawan lebih semasa inflasi.

- (a) Bagaimanakah belanjawan lebih dapat mengatasi masalah tersebut? [5 markah]
- (b) Jelaskan kesan terhadap kestabilan ekonomi sekiranya Bank Negara menaikkan kadar faedah semasa ekonomi mengalami masalah inflasi. [5 markah]



NOTA & LATIHAN
BAB 6: MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL

Maksud :

Globalisasi - proses interaksi dan integrasi antara manusia, firma dan kerajaan pelbagai negara.

- ☺ Globalisasi menyebabkan sempadan antara negara seolah-olah tidak wujud
- ☺ dunia dianggap sebagai satu unit.

Ciri-ciri Globalisasi	
<p>1. <u>Pasaran Baharu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ perkhidmatan perbankan, insurans, pengangkutan ✓ Kelonggaran undang-undang ✓ Pasaran pengguna global dgn jenama global 	<p>3. <u>Kaedah Komunikasi Baharu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Cepat dan murah ✓ Internet dan komunikasi elektronik yang menghubungkan orang ramai secara serentak.
<p>2. <u>Peserta Baharu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Syarikat multi nasional mengintergrasikan pengeluaran dan pemasaran mereka, mendominasi pengeluaran dunia. 	<p>4. <u>Peraturan dan Norma Baharu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Peluasan dasar ekonomi kapitalis yg merebak ke seluruh dunia seperti swasta dn liberalisasi perdagangan ✓ Demokrasi – pilihan politik dll

Syarikat Multinasional – firma yang beroperasi di beberapa negara secara serentak

Dorongan Syarikat dalam Operasi Antarabangsa:

1. Meluaskan pasaran
2. Perlindungan perdagangan
3. Kos Pengangkutan yang Tinggi
4. Bahan Mentah atau Hasil Bumi yang Unik
5. Tenaga Buruh dengan Kemahiran Khusus

Faktor Penggalak Globalisasi

1. Peranan kerajaan
2. Infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi yang maju
3. Infstruktur Pengangkutan yang baik
4. Pelancongan

Pelaburan Langsung Asing- pelaburan yang dibuat oleh firma atau individu dari luar negara untuk mulakan operasi peniagaan atau membeli aset perniagaan di Malaysia.

KESAN POSITIF PELABURAN LANGSUNG ASING	
<p>1. <u>Pertumbuhan Ekonomi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • meningkatkan keupayaan pengeluaran barang dan perkhidmatan • Guna teknologi canggih – meningkatkan upaya pengeluaran-guna sumber yang sedia ada. • Meningkatkan kemahiran + guna kaedah pengeluaran baru – meningkatkan produktiviti pekerja 	<p>2. <u>Pindahan Teknologi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bawa masuk teknologi canggih • Masuk mesin dan jentera, kaedah pengeluaran, kemahiran & tatacara baharu – meningkatkan pengeluaran dan produktiviti pekerja
<p>3. <u>Meningkatkan Kemahiran Modal Insan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan firma asing yang melabur di Malaysia – bantu meningkatkan kemahiran pekerja tempatan dan produktiviti 	<p>4. <u>Meningkatkan Modal Pelaburan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan langsung asing – lebih banyak modal dibawa masuk ke negara Malaysia – galakkan pertumbuhan aktiviti pengeluaran + pendapatan negara

SEKATAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

TUJUAN SEKATAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA (PAB)	
<p>Melindungi industri muda tempatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kenakan Tarif - harga barang import mahal & persaingan barang keluaran tempatan berkurang. • Industri muda & industri penting tempatan kembang maju – lebih kukuh & berdaya saing • Pengeluaran secara besar-besaran & nikmati kes pengeluaran seunit lebih rendah – harga murah 	<p>Menghadapi Persaingan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Industri muda/tempatan dapat meningkatkan R&D; dapat hasilkan barang berkualiti • Industri gantian import; dapat kurang kebergantungan terhadap import barang kilang & penggunaan dari luar negara • Meningkatkan daya saing & upaya industri tempatan; galak eksport barang keluaran tempatan ke luar negara
<p>Sebagai sumber hasil kerajaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kutipan tarif; sumber pendapatan bagi kerajaan • Hasil tarif; kerajaan dapat biayai perbelanjaan mengurus & perbelanjaan pembangunan 	<p>Wujud peluang pekerjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dapat kembangan industri tempatan (tarif, kuota & subsidi); meningkatkan SS, wujud peluang pekerjaan • Kurangkan kadar pengangguran • Meningkatkan pendapatan negara
<p>Baiki imbalan pembayaran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permintaan terhadap barang import akan berkurang akibat daripada tarif dan kuota yang dikenakan 	<p>Keselamatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk melindungi industri penting dan strategik agar tidak terlalu bergantung pada bekalan import

<ul style="list-style-type: none"> Kejatuhan dalam nilai import mengurangkan pembayaran wang keluar negara Baiki kedudukan imbalan dagangan & baiki imbalan pembayaran negara 	<ul style="list-style-type: none"> Menghalang kemasukan barang yang haram spt dadah, makanan yang tercemar oleh penyakit & bahan kimia yang berbahaya
---	--

Mengatasi masalah lambakan

- Aktiviti menjual barang negara asing- kos pengeluaran jatuh /harga di pasaran dalam negara
- Lambakan akan jeaskan industri muda tempatan – x dapat bersaing dengan pengeluar asing
- Tarif – elak masalah lambakan
- Antilambakan- sekat barang import – halang jual lebih barang di pasaran tempatan – elak kesan buruk terhadap ekonomi negara

KEBAIKAN SEKATAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA (PAB)	
<p>1. <u>SS BARANG IMPORT JATUH</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Tarif & kuota – menyebabkan jumlah SS barang import jatuh dalam pasaran tempatan Harga barang import relatif lebih mahal – berbanding barang keluaran tempatan- DD barang import jatuh 	<p>2. <u>DD TERHADAP BARANG TEMPATAN NAIK</u></p> <ul style="list-style-type: none"> DD barang import jatuh- harga lebih mahal DD barang tempatan naik – harga lebih murah
<p>3. <u>KURANGKAN PENGANGGURAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> DD barang tempatan meningkat-pengeluar tambah keluaran barang Meningkatkan keluaran firma – wujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan bertambah guna tenaga – kurangkan pengangguran – meningkatkan pendapatan meningkatkan taraf hidup 	<p>4. <u>MENINGKATKAN PENDAPATAN NEGARA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Tarif – hasil kerajaan Subsidi – disalurkan kpd pengeluar – harga barang eksport murah, berdaya saing dlm pasaran dunia DD barang eksport meningkat
<p>5. <u>BAIKI IMBANGAN PEMBAYARAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Tarif, kuota & kawalan pertukaran asing - DD barang import jatuh Subsidi diberikan kpd pengeksport – DD eksport negara meningkat kurangkan Import negara - eksport negara meningkat 	<p>6. <u>LINDUNGI INDUSTRI MUDA TEMPATAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Sekatan PAB-untuk lindungi industri muda yang belum kukuh daripada bersaing dgn firma asing yang lebih besar & cekap DD industri tempatan meningkat - untung meningkat - berkembang maju - daya saing dan produktiviti dalam & luar negara meningkat

KEBURUKAN SEKATAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA (PAB)

<p>1. <u>SALAH AGIHAN SUMBER</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Dasar perlindungan dalam PAB – banyak sumber ekonomi beralih ke sektor @ industri dilindungi oleh tarif – bukan beralih ke industri lebih cekap• Hal ini merugikan negara dalam jangka masa panjang – agih sumber tidak lagi mengambil kira kecekapan sumber	<p>2. <u>RUGIKAN PENGGUNA</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Harga barang import mahal yang X disertai oleh usaha meningkatkan kualiti barang tempatan – rugikan pengguna terpaksa guna barang berkualiti• Pengguna terpaksa bayar harga mahal untuk nikmati barang import akibat kesan duti import
<p>3. <u>AGIHAN PENDAPATAN YANG TIDAK ADIL</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Tindakan Malaysia – kurangkan import dari negara lain akan dibalas oleh negara - DD barang eksport negara jatuh• Apabila barang eksport jatuh, majikan & industri pengeluaran barang eksport - kurang tenaga buruh & keluaran barang eksport• Keadaan ini membawa kesan buruk kepada pendapatan pekerja dalam industri keluaran barang eksport negara.	<p>4. <u>EKSPORT JATUH</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Rakan dagang Malaysia dikenakan sekatan PAB seperti tarif – cenderung ambil tindakan dengan kurangkan import dari Malaysia• Keadaan ini kurangkan jumlah & nilai eksport Malaysia
<p>5. <u>WUJUD MONOPOLI</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Industri tempatan dilindungi melalui dasar sekatan perdagangan berlebihan – cenderung bergabung & wujudkan monopoli dalam pasaran tempatan• Monopoli datangkan kesan negatif seperti harga barang & ketidakcekapan agihan sumber	<p>6. <u>KETIDAKCEKAPAN DALAM INDUSTRI TEMPATAN</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Industri tempatan yang dilindungi – cenderung bergantung pada kerajaan & X inisiatif untuk tingkatan tahap kecekapan pengeluaran & daya saing• Dalam jangka panjang – kebergantungan terhadap kerajaan akan wujudkan ketidakcekapan dalam operasi & agihan sumber negara

KESAN POSITIF BLOK EKONOMI & PERJANJIAN PERDAGANGAN	
<p>1. <u>GALAK PINDAH TEKNOLOGI & KEPAKARAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Masuk teknologi moden – pindah kepakaran dari negara maju spt Amerika, Jepun dpt bangunkan ekonomi & teknologi di negara membangun Penduduk tempatan- dapat pelajari & kuasai kaedah kendali teknologi baharu – melalui latihan lanjut – R&D tenaga manusia 	<p>2. <u>LUAS PASARAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Beri peluang kpd produk negara membangun –tembusi pasaran negara maju dgn hak sama rata Globalisasi – beri kuasa mutlak kepada kuasa pasaran dlm urus niaga barang & perkhidmatan
<p>3. <u>MOBILITI MODAL & TENAGA KERJA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Kerjasama & pakatan blok ekonomi – aliran modal secara bebas – galak persaingan – luas pasaran –berlaku aliran buruh mahir & separa mahir 	<p>4. <u>TINGKATKAN PELABURAN LANGSUNG ASING</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Bawa masuk pelaburan langsung asing & teknologi baharu R&D – sedia peluang pekerjaan kpd tenaga buruh tempatan – pelajari &kuasai teknologi yang terkini & moden Corak perniagaan moden – sidang video, e- dagang, e –perbankan
<p>5. <u>MENINGKATKAN PELUANG PEKERJAAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Suntikan modal pelabur asing – industri di negara membangun berkembang pesat – wujud peluang pekerjaan – kadar pengangguran jatuh - taraf hidup naik – hapus lingkaran kemiskinan (negara-negara membangun) 	<p>6. <u>MENINGKATKAN DAYA SAING NEGARA & KUALITI BARANGAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Persaingan kuasai pasaran terbuka – dorong pengeluar untuk meningkatkan mutu barang – kurangkan kos-harga jatuh – SS banyak pilihan barang
<p>7. <u>KONGSI SUMBER TENAGA & BAHAN MENTAH</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Xmempunyai bekalan tenaga yang cukupi Bergantung pada negara luar bagi peroleh sumber kuasa Hubungan perdagangan & sistem ekonomi terbuka – keadaan saling bergantung 	<p>8. <u>PENJAGAAN ALAM SEKITAR</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Wujud penjagaan alam sekitar secara bersama – tangani permasalahan alam sekitar – pencemaran laut, jerebu, isu berkaitan marin Jalankan usaha sama dalam buat pengesanan, rondaan, kawal selia, pengawasan & pemuliharaan – masalah pengurusan & penjagaan alam sekitar

PERTUKARAN ASING

Maksud

- mata wang negara lain yang dimiliki oleh sesebuah negara
- Contoh : Yen Jepun, Dolar Amerika

Kepentingan Pertukaran Asing

(i) *Membiayai import*

- pengimport tempatan perlu menukarkan mata wang tempatan kepada mata wang
- negara pengeksport untuk membayar barang yang diimport

- (ii) **Membuat pelaburan di luar negara**
- pelabur-pelabur tempatan memerlukan mata wang asing untuk membeli
 - saham/modal di luar negara
- (iii) **Membayar balik pinjaman luar negara**
- hutang luar negara dalam bentuk mata wang asing, maka negara perlu membayar
 - kembali hutang mengikut mata wang negara pemberi pinjaman
- (iv) **Mempertahankan nilai mata wang**
- bank pusat menggunakan pertukaran asing bagi menjaga nilai mata wang
 - jika nilai RM merosot, bank pusat akan membeli RM maka permintaan RM akan meningkat. Oleh itu nilai RM akan naik.
 - jika nilai RM meningkat, bank pusat akan menjual RM maka penawaran RM meningkat. Oleh itu nilai RM akan jatuh

Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

Permintaan RM	Penawaran RM
Apabila mengekspor barangan	Apabila mengimport barangan
warga asing perlukan RM	negara tawarkan RM

Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing ke atas Eksport dan Import Malaysia

Nilai RM meningkat	
Contoh KPA: Mac: US\$1.00 = RM3.80 April: US\$1.00 = RM3.50	
KPA naik (kesan negatif)	
Kesan eksport (X)	Kesan import (M)
Harga barangan eksport mahal	Harga barangan import murah
Permintaan eksport berkurang	Permintaan import meningkat
Jumlah eksport jatuh	Jumlah import meningkat
Nilai eksport jatuh	Nilai import tinggi
Jumlah import ≥ eksport	
Nilai import melebihi nilai eksport	
Imbangan Dagangan Malaysia kurangan / Defisit / Negatif	
Imbangan Pembayaran Malaysia kurangan / Defisit / Negatif	

Nilai RM turun	
Contoh KPA: Jun: US\$1.00 = RM3.80 Julai: US\$1.00 = RM4.00 KPA jatuh (kesan positif)	
Kesan eksport (X)	Kesan import (M)
Harga barangan eksport murah	Harga barangan import mahal
Permintaan eksport bertambah	Permintaan import berkurang
Jumlah eksport bertambah	Jumlah import berkurang
Nilai eksport tinggi	Nilai import rendah
Jumlah eksport \geq import	
Nilai eksport melebihi nilai import	
Imbangan Dagangan Malaysia lebihan / surplus / positif	
Imbangan Pembayaran Malaysia lebihan / surplus / positif	

Kesan Perubahan Import dan Eksport Malaysia ke atas Kadar Pertukaran Asing

Kesan perubahan eksport ke atas KPA


Eksport meningkat	Eksport menurun
Permintaan RM meningkat	Permintaan RM jatuh
Permintaan RM > Penawaran RM	Penawaran RM > Permintaan RM
Lebihan permintaan RM	Lebihan penawaran RM
KPA RM meningkat	KPA RM jatuh

Kesan perubahan import ke atas KPA

Import meningkat	Import menurun
Penawaran RM meningkat	Penawaran RM menurun
Penawaran RM > Permintaan RM	Permintaan RM > Penawaran RM
Lebihan penawaran RM	Lebihan permintaan RM
KPA RM menurun	KPA RM meningkat

LATIHAN OBJEKTIF BAB 6: MALAYSIA DAN EKONOMI BLOBAL

- 1 Pernyataan yang manakah betul berkaitan peranan khusus kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?
 - A Memiliki ICT yang lengkap
 - B Pembukaan lapangan terbang baharu
 - C Pengembangan industri penggantian import
 - D Mengecualikan visa semasa ketibaan pelancong
- 2 Apakah keistimewaan perdagangan antarabangsa?
 - I Pelaburan asing meningkat
 - II Kadar pengangguran berkurangan
 - III Mengekalkan sumber alam semula jadi
 - IV Memelihara keistimewaan budaya masyarakat
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 3 Rajah berikut merupakan beberapa buah syarikat di dunia



- Apakah Y ?
- A Syarikat Sendirian Berhad
 - B Syarikat Multinasional
 - C Syarikat Kerajaan
 - D Syarikat Koperasi
- 4 Pernyataan yang manakah merupakan faktor yang mempengaruhi globalisasi?
 - A Kenaikan taraf perintis
 - B Perkembangan ekonomi
 - C Perkembangan teknologi maklumat
 - D Kenaikan kadar pertukaran mata wang asing
 - 5 Mengapakah sesebuah firma mengembangkan operasi perniagaannya ke peringkat antarabangsa?
 - A Kos upah yang lebih rendah
 - B Pasaran tempatan yang tepu
 - C Kenaikan harga bahan mentah di pasaran antarabangsa
 - D Kadar pertukaran asing yang berubah dari semasa ke semasa

- 6 Pernyataan yang manakah **betul** menerangkan tujuan kuota dikenakan dalam perdagangan antarabangsa?
- A Meningkatkan penawaran barangan import
 - B Menambahkan hasil kerajaan
 - C Menjamin keselamatan negara
 - D Melindungi industri tempatan

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebab wujudnya perdagangan antarabangsa.

Australia mengeluarkan dan mengeksport anggur ke Malaysia.

Apakah faktor tersebut?

- A Harga faktor
 - B Iklim dan tanah
 - C Sumber semula jadi
 - D Tingkat kecekapan pengeluaran
- 8 Apakah tujuan kerajaan mengenakan sekatan dalam sekatan perdagangan antarabangsa?
- A Mengelakkan sumber utama negara dieksport sebelum diproses
 - B Menawarkan pelbagai pilihan kepada pengguna tempatan
 - C Mengurangkan aliran wang masuk ke dalam negara
 - D Memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran
- 9 Situasi yang manakah **betul** menunjukkan contoh eksport tak nampak negara?
- A Rakyat Brunei yang berkecukupan menyambung pengajian di UIA Gombak
 - B Firma dari Jerman mendapat kontrak membina pelabuhan di Johor
 - C Syarikat Perodua membawa masuk alat ganti dari Thailand
 - D Petronas Carigali membekalkan minyak mentah ke Jepun

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan Akaun Semasa Malaysia.

Imbalan Akaun Semasa catat lebih tinggi RM26.1 bilion pada suku ketiga 2020.

Sumber: Bernama.com, 11 November 2020

Pernyataan yang manakah **betul** tentang keadaan tersebut?

- A Nilai ringgit cenderung turun
- B Kuantiti import dari luar negara berkurang
- C Penawaran ringgit melebihi permintaan ringgit
- D Aliran keluar wang dari dalam negara bertambah

- 11 Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran
Disember 2019	USD = RM3.80
Januari 2020	USD = RM4.10

Firma Y mengimport suatu barang dari Amerika Syarikat bernilai USD50 000 pada bulan Disember 2019, tetapi pembayaran dilakukan pada Januari 2020.

Pasangan yang manakah betul tentang kesan kepada **Firma Y**?

	Untung / Rugi	Nilai (RM)
A	Untung	15 000.00
B	Untung	962.80
C	Rugi	962.80
D	Rugi	15 000.00

- 12 Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan berlaku apabila
- A** nilai mata wang tinggi di pasaran
 - B** jumlah eksport negara meningkat
 - C** cukai import dari luar negara menurun
 - D** pemindahan modal ke luar negara merosot
- 13 Pilihan yang manakah betul tentang kesan imbalan pembayaran defisit?
- A** Nilai mata wang tempatan semakin meningkat
 - B** Kegiatan ekonomi dalam negara semakin pesat
 - C** Rizab pertukaran asing di bank pusat berkurang
 - D** Nilai eksport barang tempatan semakin bertambah
- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia
- Syarikat IMPIAN di Johor menyewa kapal dagang dari Jepun untuk mengeksport barangan elektronik ke negara Indonesia

Antara berikut, yang manakah urusan niaga yang terlibat?

- I** Eksport barang nampak
 - II** Eksport barang tak nampak
 - III** Import barang nampak
 - IV** Import barang tak nampak
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 15 Maklumat berikut adalah tentang perdagangan antarabangsa.

Kesatuan Eropah meluluskan akta untuk menghalang minyak kelapa sawit daripada dilabelkan sebagai bahan api yang boleh diperbaharui menjelang tahun 2030 akibat kebimbangan terhadap penebangan hutan.

Sumber : Ubahsuai Malaysiakini, 21 Okt.2019

Apakah bentuk sekatan tersebut?

- A Larangan perdagangan ke atas negara tertentu
 - B Kawalan pertukaran asing terhadap pengimport
 - C Menetapkan had maksimum pengimportan sesuatu barang
 - D Halangan produk kerana tidak mematuhi standard sesebuah negara
- 16 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan dasar ekonomi terbuka dalam perdagangan antarabangsa?
- I Mengatasi masalah lambakan
 - II Melindungi industri tempatan
 - III Meningkatkan peluang pekerjaan
 - IV Menggalakkan perkongsian pintar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Antara berikut, yang manakah merupakan komponen akaun semasa?
- I Akaun perkhidmatan
 - II Akaun kewangan
 - III Akaun modal
 - IV Akaun pendapatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Jadual berikut menunjukkan butiran Akaun Semasa Malaysia pada tahun 2019.

Butiran	RM juta
Barang	116 167
Perkhidmatan	-19 825
Pendapatan Primer	-50 186
Pendapatan Sekunder	-18 150

- Pernyataan yang manakah betul?
- A Imbangan akaun semasa mengalami defisit sebanyak RM28 006 juta
 - B Nilai pembayaran RM cenderung naik melebihi permintaan RM
 - C Kadar pertukaran RM cenderung untuk meningkat
 - D Kadar inflasi dalam negara cenderung menurun
- 19 Situasi yang manakah merujuk kepada permintaan Ringgit Malaysia?
- A Sebuah syarikat dari Korea mengimport minyak kelapa sawit daripada Felda Plantation
 - B INSAF Travel membawa 30 warga emas dari Alor Setar menunaikan umrah di Makkah
 - C FB Elektrik (Malaysia) Berhad mendapat bekalan komponen elektrik daripada Taiwan
 - D Pelancong Malaysia menggunakan perkhidmatan Japan Airline dari Kuala Lumpur ke Tokyo

- 20 Perdagangan antarabangsa mendatangkan kesan-kesan positif ke atas negara yang terlibat.
Antara berikut yang manakah kesan-kesan tersebut?
- I Pengguna mempunyai pelbagai pilihan
 - II Menambahkan peluang pekerjaan
 - III Imbangan perdagangan positif
 - IV Menggalakkan pinjaman
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 21 Pilihan yang manakah betul tentang kesan imbangan pembayaran defisit?
- A Nilai mata wang tempatan semakin meningkat
 - B Kegiatan ekonomi dalam negara semakin pesat
 - C Rizab pertukaran asing di bank pusat berkurang
 - D Nilai eksport barang tempatan semakin bertambah

- 22 Maklumat berikut menunjukkan urus niaga antarabangsa Negara X.

Eksport Nampak	RM300 juta
Import Nampak	RM170 juta


Apakah kesan daripada urus niaga tersebut?

- A Imbangan dagangan positif
 - B Imbangan dagangan negatif
 - C Imbangan pembayaran positif
 - D Imbangan pembayaran negatif
- 23 Maklumat berikut menunjukkan butiran imbangan perdagangan.

Eksport Barang Nampak	1000
Import Barang Nampak	900
Eksport Tak nampak	880
Import Tak Nampak	1500
Pindahan Semasa Bersih	550

Berapakah nilai imbangan perdagangan tersebut?

- A RM 130 juta
- B RM 100 juta
- C RM 480 juta
- D RM 720 juta



X ialah

- A** Syarikat S menjual barang kepada Syarikat N
B Syarikat R memproses barangan dan menghantar kepada Syarikat D
C Syarikat H menghasilkan barangan dan menjualnya kepada Syarikat A
D Syarikat N membeli barangan daripada Syarikat S dan menjualnya kepada Syarikat D
- 25** Apakah cara yang paling berkesan untuk menghadkan kuantiti barang diimport?
- A** Tarif
B Kuota
C Embargo
D Kawalan pertukaran asing
- 26** Maklumat berikut adalah tentang perdagangan antarabangsa.
- Noriah dan Zahian bercuti ke Korea dan membeli koleksi cenderamata untuk keluarganya di Malaysia
- Nyatakan komposisi perdagangan yang terlibat.
- I** Eksport barang Nampak
II Eksport barang tak Nampak
III Import barang Nampak
IV Import barang tak Nampak
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 27** Antara berikut, apakah komponen utama dalam akaun semasa?
- I** Akaun barangan
II Akaun modal
III Akaun kewangan
IV Akaun perkhidmatan
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 28** Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura.

RM3.50 = S\$1.00

Berapakah nilai barang dalam Ringgit Malaysia jika harga barang ialah S\$8 750.00?

- A RM31 700
- B RM31 670
- C RM30 625
- D RM29 300

29 Jadual berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Pound Sterling (£)

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
2015	£1 = RM6.00
2016	£1 = RM6.80

Apakah kesan yang berlaku ke atas Malaysia pada tahun 2015 berbanding tahun 2016?

- A Harga barang Britain di Malaysia lebih murah
 - B Harga eksport Malaysia ke Britain lebih murah
 - C Jumlah import Malaysia dari Britain akan meningkat
 - D Imbangan dagangan Malaysia dengan Britain cenderung menjadi negatif
- 30 Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan beberapa mata wang negara asing.

Mata wang	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
1 Euro	4.9258	4.9795

Seorang pelancong Eropah ingin menukarkan 400 Euro kepada Ringgit Malaysia. Berapakah Ringgit Malaysia yang diterima oleh pelancong tersebut?

- A RM80.33
 - B RM81.21
 - C RM1 970.32
 - D RM1 991.80
- 31 Situasi yang manakah menyebabkan berlaku permintaan ke atas Ringgit Malaysia?
- I Singapura mengimport barang atau perkhidmatan dari Malaysia
 - II Pelancong dari Paris telah melawat Melaka Bandaraya Bersejarah
 - III Syarikat dari Malaysia melabur ke Vietnam
 - IV En. Muthu menghantar anaknya melanjutkan pelajaran ke Switserland
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 32 Antara berikut, yang manakah **betul** tentang kepentingan mata wang Jepun (YEN) terhadap Malaysia?
- I Membayar eksport Malaysia ke Jepun
 - II Membayar balik pinjaman ke negara Jepun
 - III Pelabur Jepun melabur di Malaysia
 - IV Mempertahankan nilai mata wang ringgit Malaysia berbanding YEN

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Pilihan jawapan bagi **Soalan 33** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 33 I Belanjawan lebihan berlaku apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah hasil kerajaan.
II Belanjawan lebihan digunakan untuk mengatasi inflasi.
- 34 I Inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh peningkatan permintaan agregat dalam ekonomi.
II Cukai progresif menunjukkan semakin rendah pendapatan semakin tinggi cukai yang dibayar.
- 35 I Pengangguran merupakan penunjuk ekonomi yang mengukur peratus penganggur dalam kalangan tenaga buruh yang sedia ada dalam sesebuah negara.
II Pengangguran menyebabkan pendapatan negara sebenar lebih daripada pendapatan negara potensi
- 36 I Inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh peningkatan permintaan agregat dalam ekonomi.
II Cukai progresif menunjukkan semakin rendah pendapatan semakin tinggi cukai yang dibayar.
- 37 I Pengangguran merupakan penunjuk ekonomi yang mengukur peratus penganggur dalam kalangan tenaga buruh yang sedia ada dalam sesebuah negara.
II Pengangguran menyebabkan pendapatan negara sebenar lebih daripada pendapatan negara potensi
- 38 I Penawaran terhadap Ringgit Malaysia berhubung secara langsung dengan import negara.
II Apabila nilai import menurun, nilai Ringgit Malaysia cenderung meningkat.
- 39 I Pertambahan barang eksport berubah secara langsung dengan nilai mata wang
II Peningkatan nilai eksport menyebabkan nilai mata wang menaik
- 40 I Globalisasi merupakan proses interaksi dan integrasi antara manusia, syarikat dan kerajaan pelbagai negara.
II Penggunaan kaedah komunikasi baharu merupakan satu ciri globalisasi.

LATIHAN ESEI BAB 6

1. (a) Apakah maksud globalisasi? [2 markah]
- (b) Terangkan ciri-ciri globalisasi. [6 markah]
- (c) Terangkan faktor yang menggalakkan globalisasi. [6 markah]
- (d) Terangkan risiko yang dihadapi syarikat multinasional. [6 markah]

2. Maklumat berikut berkaitan dengan firma luar negara yang bekerjasama dengan Malaysia.

Kerjasama strategik Proton-Geely beri peluang kepada vendor kereta tempatan tembusi pasaran global

- Jelaskan kesan kerjasama tersebut kepada ekonomi negara. [6 markah]
3. (a) Mengapakah Malaysia menjalankan perdagangan antarabangsa dengan negara yang lain. [5 markah]
 - (b) Terangkan kepentingan perdagangan antarabangsa kepada Malaysia [6 markah]
 - (c) Jelaskan kesan terhadap pihak yang berikut akibat kemasukan barang import yang murah
 - (i) Pengeluar tempatan [3 markah]
 - (ii) Pengguna [3 markah]

4. Maklumat berikut menunjukkan dua sekatan perdagangan antarabangsa.

Sekatan A	Sekatan B
Malaysia mengenakan cukai sebanyak RM25 ke atas setiap unit pemotong daging yang diimport	Malaysia menghadkan kuantiti beras yang diimport sebanyak 10 000 tan sebulan.

- (a) Kenal pasti kedua-dua sekatan antarabangsa tersebut. [2 markah]
 - (b) Bezakan antara Sekatan A dengan Sekatan B. [4 markah]
5. Jelaskan kesan penglibatan sesebuah negara dalam blok ekonomi [4 markah]
6. Jadual berikut berkaitan dengan akaun semasa negara A dan negara B.

Butiran	Negara A (RM juta)	Negara B (RM juta)
Akaun barangan	590	750
Akaun perkhidmatan	225	-490
Akaun pendapatan primer	-400	-310
Akaun pendapatan sekunder	-210	-245

- (a) Hitungkan imbalan akaun semasa bagi negara A. [2 markah]
- (b) Terangkan tiga implikasi kedudukan imbalan akaun semasa negara B terhadap negaranya. [3 markah]

7. Jadual berikut menunjukkan nilai eksport dan nilai import Malaysia bagi tahun 2020.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Eksport barang perkilangan	222 031
Eksport komoditi utama	17 250
Import barang penggunaan	64 563
Import barang perantaraan	15 563

- (a) Hitung imbalan dagangan berdasarkan jadual di atas. [2 markah]
- (b) Tafsirkan kedudukan imbalan dagangan di (a). [2 markah]
8. Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia berbanding dengan setiap Dolar Sweden.

Bulan/Mata wang	€1.00
April	RM2.40
Mei	RM2.60

- (a) Jika warga Sweden ingin melabur sebanyak RM60 000 di Malaysia pada bulan April, berapakah Dolar Sweden perlu disediakan untuk tujuan tersebut? [3 markah]
9. Maklumat berikut berkaitan dengan globalisasi.

KUALA LUMPUR 3 Feb. - Globalisasi diunjurkan akan meningkat di Malaysia dalam tempoh beberapa tahun akan datang dipacu oleh keterbukaan budaya yang diukur melalui peningkatan pelancongan, penggunaan telefon, jalur lebar mudah alih dan internet, kata Unit Pakar Ekonomi Ernst & Young.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan "Proses Globalisasi Malaysia Dijangka Meningkat", 4 Februari 2011

Pada pendapat anda, apakah kebaikan yang diterima oleh peniaga tempatan berdasarkan isu tersebut? [6 markah]

10. Berikut merupakan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia(RM) berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat (USD) pada bulan Mac 2020.

Tarikh	USD	MYR
9 Mac 2020	USD 1	RM3.91
20 Mac 2020	USD 1	RM3.89

Pn. Alia ingin melancong ke Amerika Syarikat pada 20 Mac 2020. Adakah masa tersebut sesuai untuk beliau melancong ke Amerika Syarikat? Jelaskan.

[5 markah]

11. Jadual menunjukkan perubahan kadar tukaran asing antara Dollar Singapura (SGD) berbanding Ringgit Malaysia (RM) dalam tempoh 2 tahun.

Tahun	2 Jan 2020	2 Jan 2021
RM bagi seunit SGD	3.0881	3.0744

<https://www.anm.gov.my/awam/pertukaran-mata-wang-asing>

- (a) Apakah situasi kadar pertukaran tersebut? [1 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan anda di (a), jelaskan kesan perubahan tersebut terhadap harga eksport dan import Malaysia. [5 markah]



Contoh jawapan rubrik:

Isu: Pemberian subsidi untuk produk petroleum memberi kesan kepada firma dan negara.

Contoh 1:

Tindakan kerajaan memberi kesan kepada firma dan negara dengan cara apabila harga turun permintaan terhadap minyak akan meningkat yang akan menyebabkan lebih permintaan. Ini akan mendorong firma untuk meningkatkan pengeluaran bagi memaksimumkan keuntungan. Firma akan menggunakan lebih banyak buruh dan ini akan mengurangkan kadar pengangguran di negara kita yang akan membawa kepada pencapaian objektif makroekonomi negara iaitu guna tenaga penuh. Apabila pengeluaran berada pada tahap yang maksimum, ia akan merangsang pertumbuhan ekonomi yang membawa kepada tarikan negara asing untuk melabur di negara kita. Ini akan membawa kepada pencapaian objektif makroekonomi negara kita yang terakhir iaitu kestabilan imbalan pembayaran. Kestabilan imbalan pembayaran berlaku apabila aliran keluar wang yang kurang daripada aliran wang masuk. Kesannya imej negara akan meningkat dan seterusnya dapat menjadikan negara kita negara kelas pertama.

Contoh 2:

Subsidi merupakan satu bantuan kerajaan berbentuk kewangan untuk membiayai perbelanjaan masyarakat terhadap sesuatu barang bertujuan untuk meningkatkan kebajikan masyarakat. Kerajaan merupakan satu unit ekonomi yang menjalankan kegiatan ekonomi bertujuan untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat.

Apabila kerajaan memberi subsidi kepada produk petroleum, permintaan terhadap produk petroleum meningkat. Kesannya, firma lebih berusaha untuk mengeluarkan petroleum untuk mendapat keuntungan daripada kesanggupan individu berbelanja untuk memperoleh produk petroleum. Oleh yang demikian, produktiviti firma akan meningkat. Firma akan berusaha memperbaiki proses pengeluaran kerana bermotifkan keluaran maksimum. Oleh itu, firma lebih berdaya saing serta mutu pengeluaran meningkat.

Seterusnya, peluang pekerjaan akan dibuka lebih banyak. Hal ini kerana firma ingin meningkatkan pengeluaran. Apabila lebih banyak peluang pekerjaan dibuka, tahap pengangguran akan berkurang secara berterusan, negara akan mencapai guna tenaga penuh iaitu kadar pengangguran kurang daripada 4%. Oleh itu, pendapatan individu dalam masyarakat meningkat. Hal ini akan meningkatkan kuasa beli masyarakat. Kesannya taraf hidup masyarakat meningkat.

Kemudian, kadar eksport negara akan meningkat. Hal ini kerana kecekapan firma yang bertambah akan meningkatkan daya saing serta mutu pengeluaran firma. Oleh itu, firma ingin meluaskan pasaran dan meraih keuntungan lebih dengan menceburi pasaran antarabangsa. Kadar eksport yang bertambah akan meningkatkan permintaan terhadap mata wang tempatan. Hal ini akan meningkatkan nilai mata wang Malaysia. Kesannya, imbalan pembayaran negara menjadi positif.

Kesimpulannya, usaha kerajaan untuk memberi subsidi kepada produk petroleum dapat menguntungkan semua unit ekonomi iaitu isi rumah, firma dan kerajaan. Hal ini akan membantu kerajaan, mencapai objektif makroekonomi di samping memaksimumkan kebajikan rakyat

Latihan

1 Maklumat berikut berkaitan dengan pekerja asing di Malaysia.

SANDAKAN: Kerajaan memperkenalkan Notis Penolakan Masuk (NTL) sebagai usaha mengawal kemasukan warga asing ke negara ini, sekali gus menangani kebanjiran pekerja asing, termasuk di Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, berkata ia antara inisiatif dilaksanakan kerajaan menerusi Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi menangani cabaran dihadapi rakyat tempatan dalam persaingan mendapatkan pekerjaan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>; 13 April 2019

Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan tindakan tersebut berjaya dilaksanakan? [9 markah]

2 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaksanaan cukai di Malaysia.

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan cukai ke atas minuman bergula yang bermula hari ini, dapat membantu kerajaan mengurangkan kos perubatan berikutan pengambilan gula yang berlebihan dalam kalangan rakyat, kata Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA), Datuk Abdul Aziz Abu Bakar.

Sumber : Ubah suai daripada www.utusan.com.my bertarikh 01 Julai 2019

Tindakan kerajaan tersebut dapat membantu meningkatkan taraf kemakmuran masyarakat.

Bincangkan. [9 markah]

3 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan Antarabangsa.

Isu minyak sawit dan cadangan pengharaman EU ini meninggalkan kesannya hampir ke segenap lapisan masyarakat; orang awam, ahli perniagaan, pemilik ladang apatah lagi pekebun kecil akan kehilangan pendapatan mereka.

Jika diteliti, wujud semacam konspirasi dalam pengharaman import ke atas minyak sawit ini. Ini dapat diteliti melalui proses dan langkah-langkah menuju ke arah pengharaman tersebut.

Sepanjang enam bulan lepas (sejak 2018), kita telah mendengar banyak berita mengenai Resolusi Kesatuan Eropah (EU) dan cadangan untuk mengharamkan import minyak sawit ke Eropah.

Sumber : <https://www.sinarharian.com.my>, 14 April 2019

(a) Berdasarkan maklumat tersebut, setujukah anda sekiranya kerajaan memberi subsidi terhadap pengeluar sawit tempatan.

Beri alasan anda

[9 markah]

(b) Cadangkan tindakan yang perlu diambil oleh pengeluar bagi mengatasi kesan terhadap ekonomi Malaysia akibat tindakan yang diambil oleh Kesatuan Eropah (EU).

[9 markah]



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU**

**MODUL
INTERVENSI PEMBELAJARAN
SPM 2023**

PERATURAN PEMARKAHAN

EKONOMI



JAWAPAN

BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI

LATIHAN OBJEKTIF

<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>
1.	A	11.	C	21.	B	31.	B
2.	B	12.	C	22.	A	32..	A
3.	B	13.	D	23.	C	33.	C
4.	C	14.	B	24.	C	34.	C
5.	B	15.	D	25.	A	35.	C
6.	A	16.	D	26.	D	36.	D
7.	B	17.	C	27.	B	37.	A
8.	A	18.	B	28.	B	38.	A
9.	B	19.	B	29.	A	39.	B
10	A	20.	B	30.	B	40.	C

LATIHAN ESEI

1	(a)	H1 Kekurangan H2 Pendapatan terhad H3 Pilihan H4 memilih barang dan perkhidmatan yang dapat maksimumkan kepuasan H5 Kos lepas H6 barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat memilih yang lebih baik	1 1 1 1 1 1 [5M]
1	(b)(i)	Masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas: Isirumah F1 Kekurangan - pendapatan terhad F2 Pilihan – barang dan perkhidmatan yang memaksimumkan kepuasan F3 Kos lepas – barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat memilih Barang yang lebih baik.	1 1 1 [3M]
	(b)(ii)	Kerajaan Kekurangan - sumber hasil negara/ pendapatan negara	1 1

		Pilihan - projek yang memaksimumkan kebajikan masyarakat	1										
		Kos lepas - projek kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat memilih projek yang memaksimumkan kebajikan masyarakat.	1 [3M]										
2	(a) (i)	Masalah kekurangan hasil kerajaan	[1M]										
	a)(ii)	F1 Kos lepas ialah projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan oleh kerajaan Terengganu. F2 Kos lepas ialah pembukaan ladang ternakan lembu sado. F3 Pembinaan Empangan Paya Peda RM 8.1 juta dan Pembinaan Projek jalan Jerteh – Pasir Puteh RM 10.0 juta adalah bukan kos lepas F4 Kedua-dua projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana sumber hasil kerajaan Terengganu tidak mencukupi.	[1M] [1M] [1M] [1M]										
2	(b)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>F1 Tanah (1m)</th> <th>F2 Modal (1m)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>H1 Sumber semulajadi anugerah tuhan [1m]</td> <td>H2 Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan [1m]</td> </tr> <tr> <td>H1a Menjadi semakin berharga / mahal [1m]</td> <td>H2a Mengalami susut nilai / kehausan [1m]</td> </tr> <tr> <td>H1b Tidak mempunyai mobiliti geografi / Tidak boleh dipindahkan [1m]</td> <td>H2b Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi / mudah dipindahkan [1m]</td> </tr> <tr> <td>H1c Pemilik tanah mendapat ganjaran sewa [1m]</td> <td>H2c Pemilik modal mendapat ganjaran faedah [1m]</td> </tr> </tbody> </table>	F1 Tanah (1m)	F2 Modal (1m)	H1 Sumber semulajadi anugerah tuhan [1m]	H2 Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan [1m]	H1a Menjadi semakin berharga / mahal [1m]	H2a Mengalami susut nilai / kehausan [1m]	H1b Tidak mempunyai mobiliti geografi / Tidak boleh dipindahkan [1m]	H2b Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi / mudah dipindahkan [1m]	H1c Pemilik tanah mendapat ganjaran sewa [1m]	H2c Pemilik modal mendapat ganjaran faedah [1m]	
F1 Tanah (1m)	F2 Modal (1m)												
H1 Sumber semulajadi anugerah tuhan [1m]	H2 Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan [1m]												
H1a Menjadi semakin berharga / mahal [1m]	H2a Mengalami susut nilai / kehausan [1m]												
H1b Tidak mempunyai mobiliti geografi / Tidak boleh dipindahkan [1m]	H2b Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi / mudah dipindahkan [1m]												
H1c Pemilik tanah mendapat ganjaran sewa [1m]	H2c Pemilik modal mendapat ganjaran faedah [1m]												
2	(c)	H1 Ya, Encik Zainal dianggap sebagai usahawan H2 Menggabungkan semua faktor pengeluaran dengan cekap / mengupah lima orang pekerja H3 Untuk menjalankan perusahaan membuat cendawan goreng H4 Bertujuan mencapai keuntungan yang maksimum / kos yang minimum H5 Individu yang bekerja sendiri H6 Seorang yang kreatif / inovatif / bijak membuat keputusan H7 Berani menghadapi risiko	1 1 1 1 1 1 1										
2	(d)	F1 Berapa yang hendak dikeluarkan H1 Penentuan kuantiti / jumlah barang yang hendak dikeluarkan H1a Tidak berlaku masalah kekurangan atau lebihan barangan di pasaran H1b Berdasarkan permintaan masyarakat / mekanisme pasaran F2 Untuk siapa dikeluarkan	1 1 1 1 2 1										

		H2 Penentuan corak agihan barangan	1
		H2a Berdasarkan corak agihan pendapatan	1
		H2b Golongan kaya mendapat lebih banyak barang berbanding golongan yang kurang berkemampuan	1
3	(a)	Tiga faktor pengeluaran <ul style="list-style-type: none"> - Usahawan - Individu yang menggabungkan faktor-faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan. - Sanggup menanggung risiko/tidak mudah putus asa - Ganjaran: untung - Buruh - Mengeluarkan tenaga dari segi fizikal dan mental dalam proses pengeluaran. - Ganjaran: mendapat upah - Modal - Alat yang digunakan dalam proses pengeluaran - Ganjaran: faedah 	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6M]
	(b)	Ciri-ciri yang ada: <ul style="list-style-type: none"> - Berani menanggung risiko - Tidak mudah putus asa - Pandai membuat keputusan - Rajin 	1 1 1 1 [3M]
	(c)	Masalah yang dihadapi: <ul style="list-style-type: none"> - Kekurangan - sumber ekonomi yang terhad - Pilihan : - keluaran yang memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos, - Kos lepas: - keluaran kedua terbaik yang terpaksa akibat memilih keluaran yang lebih baik. 	1 1 1 1 1 1 [5M]
4	(a)	Apa yang hendak dikeluarkan <ul style="list-style-type: none"> - merujuk kepada penentuan jenis barangan - diselesaikan berdasarkan permintaan atau cita rasa masyarakat - menentukan corak agihan atau peruntukan sumber dalam ekonomi 	1 1 3 1

		<ul style="list-style-type: none"> - memastikan pengguna memperoleh kepuasan yang maksimum, pengeluar memperoleh keuntungan yang maksimum dan kerajaan menjana kebajikan yang maksimum 	1 [3M]
	(b)	<p>Berapa yang hendak dikeluarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> - penentuan kauntiti barangan - untuk memastikan tidak berlaku masalah kekurangan atau lebih dalam pasaran - ditentukan berdasarkan permintaan masyarakat dan faktor pengeluaran yang diperuntukkan 	1 1 1 [3M]
	(c)	<p>Bagaimana yang hendak dikeluarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> - cara atau teknik pengeluaran - pengeluar boleh memilih teknik pengeluaran - kaedah berintensifkan modal. Pengeluar menggunakan lebih banyak faktor modal - kaedah berinsentifkan buruh. Pengeluar yang menggunakan lebih banyak faktor buruh berbanding dengan faktor modal. - Pemilihan cara pengeluaran berdasarkan harga relative antara faktor buruh dan faktor modal atau teknik pengeluaran yang paling cekap 	1 1 1 1 1 [3M]
	(d)	<p>Untuk siapa hendak dikeluarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penentuan pengagihan barangan - Berasaskan kepada corak agihan pendapatan wang - Golongan pendapatan tinggi memperoleh lebih banyak barang berbanding golongan berpendapatan rendah. 	1 1 1 [3M]
5	(a)	<ul style="list-style-type: none"> - Titik F - Ekonomi gagal menggunakan faktor pengeluaran yang ada - Berlaku masalah pengangguran / Pembaziran 	1 1 1 [3M]
	(b)	<p>Dari titik B ke titik C</p> <p>Kos Lepas = Perubahan Unit Kereta / Perubahan Unit Rumah</p> $= (75 - 90) / (2-1)$ $= -15$	1 1 1 [2M]
6	(a)	<ul style="list-style-type: none"> - Untuk menambah 5 unit barang B, semakin banyak barang A perlu dilepaskan. - 4 unit barang A dilepaskan 	1 4 1

		- Kos lepas barang B semakin meningkat. - Akibat daripada faktor pengeluaran yang tidak sama cekap. - Kos lepas yang semakin meningkat ditunjukkan oleh keluk KKP yang berbentuk cembung.	1 1 1																		
	(b)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Titik</th> <th>Barang A</th> <th>Barang B</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P</td> <td>20</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Q</td> <td>19</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>R</td> <td>17</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>S</td> <td>13</td> <td>15</td> </tr> <tr> <td>T</td> <td>0</td> <td>20</td> </tr> </tbody> </table>	Titik	Barang A	Barang B	P	20	0	Q	19	5	R	17	10	S	13	15	T	0	20	[2M]
Titik	Barang A	Barang B																			
P	20	0																			
Q	19	5																			
R	17	10																			
S	13	15																			
T	0	20																			
	(c)	<p>Andaian untuk KKP</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh - Ekonomi hanya mengeluarkan 2 jenis barang sahaja - Sumber ekonomi yang dimiliki adalah terhad dan tetap - Tingkat teknologi adalah tetap 	1 1 1 1 [2M]																		
7	(a)	- Titik B menunjukkan kombinasi pengeluaran yang tidak cekap - Ekonomi gagal menggunakan faktor pengeluaran yang ada - Berlaku masalah penganguran / Pembaziran	1 1 1 [3M]																		
	(b)	- Had maksimum tingkat pengeluaran dapat dicapai	[1M]																		
8	(a)	Fatin Sistem Ekonomi Campuran Hafizi Sistem Perancangan Pusat	1 1 [2m]																		
	(b)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Sistem Ekonomi Campuran (Fatin)</th> <th>Masalah Asas Ekonomi</th> <th>Sistem Ekonomi Perancangan Pusat (Hafizi)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jumlah kuantiti barang ekonomi yang dikeluarkan oleh pengeluar ditentukan melalui interaksi permintaan dan penawaran pasaran/ mekanisme pasaran</td> <td>Berapa yang hendak dikeluarkan</td> <td>Kuantiti barang yang hendak dikeluarkan ditentukan oleh kerajaan sepenuhnya melalui badang perancang ekonomi</td> </tr> </tbody> </table>	Sistem Ekonomi Campuran (Fatin)	Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat (Hafizi)	Jumlah kuantiti barang ekonomi yang dikeluarkan oleh pengeluar ditentukan melalui interaksi permintaan dan penawaran pasaran/ mekanisme pasaran	Berapa yang hendak dikeluarkan	Kuantiti barang yang hendak dikeluarkan ditentukan oleh kerajaan sepenuhnya melalui badang perancang ekonomi	1+1 5												
Sistem Ekonomi Campuran (Fatin)	Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat (Hafizi)																			
Jumlah kuantiti barang ekonomi yang dikeluarkan oleh pengeluar ditentukan melalui interaksi permintaan dan penawaran pasaran/ mekanisme pasaran	Berapa yang hendak dikeluarkan	Kuantiti barang yang hendak dikeluarkan ditentukan oleh kerajaan sepenuhnya melalui badang perancang ekonomi																			

		Kerajaan menentukan kuantiti barang awam berdasarkan keperluan rakyat			
		Teknik pengeluaran barang ekonomi bergantung kepada harga relatif faktor di pasaran faktor yang memaksimumkan untung dan mengurangkan kos Kerajaan menentukan teknik pengeluaran untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat	Bagaimana hendak dikeluarkan	Teknik pengeluaran yang di gunakan untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat	1+1
		Corak agihan barang bergantung kepada corak agihan pendapatan. Kerajaan mengagihkan barang awam kepada semua rakyat melalui sistem percukaian dan subsidi	Untuk siapa hendak dikeluarkan	Kerajaan menentukan agihan barang secara adil dan saksama kepada semua individu	1+1
					[6m]
9		3 kelebihan system ekonomi yang diamalkan oleh negara Hafiz F1- Agihan pendapatan yang seimbang H1 – barang dan perkhidmatan diagihkan sama rata F2- Barang awam dan kebajikan masyarakat diutamakan H2- kerajaan bermotifkan kebajikan masyarakat maksimum F3- Peuntukan sumber kearah kebajikan rakyat H3- Faktor pengeluaran diagihkan melalui badan perancangan pusat F4- Pengeluaran secara berskala besar H4- kerajaan sebai pemilik faktor dan pengeluar tunggal dalam pasaran			1 1 1 1 1 1 1 1 [3M]
10	(a)	Peranan kerajaan dalam sistem ekonomi campuran : -Membekalkan barangan awam -Contoh – hospital, sekolah, klinik dan sebagainya -Merapatkan jurang pendapatan antara penduduk -Golongan berpendapatan tinggi membayar cukai yang tinggi -Mengurangkan kesan eksternaliti negatif -Melaksanakan peraturan dan undang-undang yang mengawal kesan eksternaliti			1 1 1 1 1 1 6

		<p>negatif seperti Akta Kawalan Alam Sekitar</p> <p>-Mengawal harga barang dan perkhidmatan</p> <p>-Mengeluarkan lesen kepada peniaga supaya aktiviti pengeluar tidak bercanggah dengan peraturan yang ditetapkan</p> <p>-Mengatasi masalah inflasi / ekonomi stabil</p> <p>-Memastikan golongan berpendapatan rendah / miskin dibantu</p> <p>-Melaksanakan program ekonomi awam</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[mak 6m]</p>									
10	(b)(i)	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	1									
	(b)(ii)	<p>Persamaan:</p> <p>H1 Kerajaan mengeluarkan barang awam</p> <p>H2 Kerajaan bermotif memaksimumkan kebajikan masyarakat</p> <p>H3 Kerajaan mengawal harga barang awam</p> <p>H4 Kerajaan mengeluarkan barang awam untuk semua masyarakat</p> <p>Perbezaan:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Masalah asas ekonomi</th> <th>S.E. Perancangan pusat</th> <th>S.E. Campuran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Berapa yang hendak dikeluarkan</td> <td>Jumlah pengeluaran ditentukan oleh kerajaan mengikut keperluan rakyat</td> <td>Jumlah pengeluaran mengikut mekanisme pasaran / kuasa permintaan dan penawaran pasaran</td> </tr> <tr> <td>Bagaimana hendak dikeluarkan</td> <td>Kerajaan memilih kaedah pengeluaran yang paling cekap / meminumkan kos pengeluaran untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat/pengeluaran berintensifkan buruh untuk kurangkan pengangguran</td> <td>Firma memilih kaedah pengeluaran yang dapat memaksimumkan untung / meminumkan kos manakala kerajaan memilih kaedah yang dapat memaksimumkan kebajikan masyarakat</td> </tr> </tbody> </table>	Masalah asas ekonomi	S.E. Perancangan pusat	S.E. Campuran	Berapa yang hendak dikeluarkan	Jumlah pengeluaran ditentukan oleh kerajaan mengikut keperluan rakyat	Jumlah pengeluaran mengikut mekanisme pasaran / kuasa permintaan dan penawaran pasaran	Bagaimana hendak dikeluarkan	Kerajaan memilih kaedah pengeluaran yang paling cekap / meminumkan kos pengeluaran untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat/pengeluaran berintensifkan buruh untuk kurangkan pengangguran	Firma memilih kaedah pengeluaran yang dapat memaksimumkan untung / meminumkan kos manakala kerajaan memilih kaedah yang dapat memaksimumkan kebajikan masyarakat	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1 + 1</p> <p>1 + 1</p> <p>[Mak 4m]</p> <p>7</p>
Masalah asas ekonomi	S.E. Perancangan pusat	S.E. Campuran										
Berapa yang hendak dikeluarkan	Jumlah pengeluaran ditentukan oleh kerajaan mengikut keperluan rakyat	Jumlah pengeluaran mengikut mekanisme pasaran / kuasa permintaan dan penawaran pasaran										
Bagaimana hendak dikeluarkan	Kerajaan memilih kaedah pengeluaran yang paling cekap / meminumkan kos pengeluaran untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat/pengeluaran berintensifkan buruh untuk kurangkan pengangguran	Firma memilih kaedah pengeluaran yang dapat memaksimumkan untung / meminumkan kos manakala kerajaan memilih kaedah yang dapat memaksimumkan kebajikan masyarakat										

11		<p>Ciri-ciri utama Sistem Ekonomi Islam.</p> <p>F1 - Sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam. 1</p> <p>H1- Matlamat sistem ekonomi Islam adalah untuk mencapai Al-Falah (keseimbangan antara kebahagiaan individu dengan masyarakat di dunia dan akhirat) 1</p> <p>H2- Kegiatan ekonomi dianggap ibadah dan diberi ganjaran pahala. 1</p> <p>H3- Keputusan ekonomi berdasarkan prinsip dan hukum Islam iaitu Al Quran dan hadis. 1</p> <p>H4- Pengeluaran barang dan perkhidmatan adalah untuk umat dan mencerminkan keseluruhan hidup Islam. 1</p> <p>F2 - Wujud persaingan yang adil dan saksama antara individu. 1</p> <p>H5-Individu dan swasta bebas mencari dan memiliki kekayaan di dunia demi kebajikan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat. 1</p> <p>H6-Pengguna dan pengeluar berhak dalam membuat keputusan ekonomi untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi. 1</p> <p>H7-Pengguna mempunyai kebebasan memilih barang dan perkhidmatan yang halal dan jenis pekerjaan yang ingin diceburi. 1</p> <p>H8-Pengeluar bebas bersaing dalam pengeluaran barangan untuk memperoleh keuntungan. 1</p> <p>H9-Kerajaan akan mengawal kebebasan pengguna dan pengeluar melalui undang-undang dan peraturan. 1</p> <p>F3- Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat. 1</p> <p>H10-Kepentingan awam diutamakan. 1</p> <p>H11-Kerajaan akan membuat keputusan ekonomi dalam pengeluaran barang awam untuk memastikan kestabilan ekonomi dan kebajikan masyarakat terjamin. 1</p> <p>H12-Sasaran pengeluaran adalah untuk semua masyarakat. 1</p> <p>H13-Setiap individu dijamin memperoleh barang keperluan asas. 1</p> <p>H14-Prinsip kesederhanaan amat dipentingkan dalam aspek penggunaan dan pengeluaran sesuatu barang dan perkhidmatan. 1</p> <p>H15-individu yang cukup syarat dikehendaki membayar zakat untuk diagihkan kekayaan mereka kepada golongan yang kurang kemampuan. 1</p>	[mak 6m]
12	(a)	<p>A ke C: 60-120 = -60 barang X</p>	<p>1+1 8 [2m]</p>

	(b)	D ke B: 60-120 = -60 barang Y	1+1 [2m]
13		<ul style="list-style-type: none"> - Tidak setuju - Tahap pengeluaran tidak cekap - Sumber / faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya - Berlaku pengangguran / pembaziran sumber 	1 1 1 1 [4m]
14		<p>Cara saya menyelesaikan masalah ekonomi:</p> <p>H1 Saya kekurangan wang / hanya mempunyai RM 5.00</p> <p>H2 Saya perlu memilih samada membeli nasi lemak ayam atau mee goreng</p> <p>H3 Saya memilih untuk membeli nasi lemak ayam</p> <p>H4 Untuk memaksimumkan kepuasan</p> <p>H5 Kos lepas bagi nasi lemak ayam ialah mee goreng</p> <p>H6 Iaitu barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan untuk mendapatkan barang yang terbaik</p>	1 1 1 1 1 1 [5m]
15		<ul style="list-style-type: none"> - Syarikat ABS Sdn. Bhd mengalami masalah kekurangan - Sumber ekonomi / faktor pengeluaran - Iaitu : Buruh / Tanah / Modal / Usahawan - Syarikat ABC Sdn. Bhd terpaksa membuat pilihan - Kasut sukan / beg sukan - Untuk memaksimumkan keuntungan - Wujud kos lepas Beg sukan / kasut sukan 	1 1 1 1 1 1 1 [5 m]
16		<p>Peranan kerajaan dalam sistem ekonomi di Malaysia:</p> <p>H1 Menyediakan barang awam seperti sekolah dan hospital</p> <p>H2 Mewujudkan kestabilan ekonomi</p> <p>H3 Merapatkan jurang pendapatan masyarakat</p> <p>H4 Mengurangkan kesan eksternaliti negatif</p> <p>H5 Mengawal harga barang dan perkhidmatan</p> <p>H6 Melaksanakan program ekonomi awam</p>	1 1 1 1 1 1 [4m]
17		<p>Terangkan kelebihan sistem ekonomi yang diamalkan di Amerika Syarikat</p> <p>F1 - Kepuasan individu dan masyarakat dapat dimaksimumkan</p> <p>H1 - Setiap individu merupakan pembuat keputusan</p>	1 9 1

		H1a - Berusaha memaksimumkan kepuasan masing-masing	1
		F2 - Kebebasan yang luas untuk melakukan kegiatan ekonomi	1
		H2 - Pengguna bebas memilih barang dan perkhidmatan yang dikehendaki	1
		H2a - Pengeluar juga bebas mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang diminta oleh pengguna.	1
		F3 - Kecekapan dalam penggunaan sumber	1
		H3 - Pengeluar akan cuba menggunakan sumber secara optimum	1
		H3a - Supaya menghasilkan output maksimum pada kos yang minimum	1
		F4 - Menggalakkan perkembangan teknologi dan inovasi	1
		H4 - Wujud persaingan yang menggalakkan peningkatan teknologi dan reka cipta	1
		H4a - Kos pengeluaran dapat dikurangkan	1
		H4b - Daya pengeluaran dapat ditingkatkan	[MAX 5M]
18		Negara X – Sistem ekonomi pasaran bebas	1
		Negara Y – Sistem ekonomi perancangan pusat	1
		Ciri-ciri bagi negara X	[2M]
		- Individu dan pihak swasta bebas memiliki faktor pengeluaran	1
		- Individu dan firma bebas dalam membuat pilihan barang dan perkhidmatan	1
		- Contoh negara Amerika Syarikat, Hong Kong	1
		Ciri-ciri negara Y	
		- Semua faktor pengeluaran dimiliki secara mutlak oleh kerajaan	1
		- Segala keputusan ekonomi berkaitan masalah asas diselesaikan oleh kerajaan	1
		Contoh negara Korea Utara, Cuba	1
			[2M]

BAB 2: PASARAN
JAWAPAN OBJEKTIF


No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan
1.	C	12.	A	23.	C	34.	C
2.	D	13.	B	24.	A	35.	B
3.	B	14.	D	25.	C	36.	D
4.	B	15.	C	26.	A	37.	B
5.	C	16.	D	27.	D	38.	A
6.	C	17.	A	28.	D	39.	A
7.	B	18.	A	29.	A	40.	C
8.	C	19.	B	30.	B	41.	B
9.	A	20.	D	31.	D	42.	B
10.	A	21.	C	32.	D	43.	A
11.	C	22.	B	33.	C	44.	D

JAWAPAN ESEI

1		<p>H1 Hukum permintaan menyatakan semakin tinggi harga, semakin kurang kuantiti diminta sebaliknya semakin rendah harga, semakin banyak kuantiti diminta dengan andaian ceteris paribus</p> <p>H2 Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah negatif / songsang</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>[2M]</p>															
2	(a)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 33%;">Harga (RM / kg)</th> <th style="width: 33%;">Kuantiti (kg)</th> <th style="width: 33%;">Titik</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td style="text-align: center;">5</td><td style="text-align: center;">4</td><td style="text-align: center;">a</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">4</td><td style="text-align: center;">6</td><td style="text-align: center;">b</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">3</td><td style="text-align: center;">8</td><td style="text-align: center;">c</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">2</td><td style="text-align: center;">10</td><td style="text-align: center;">d</td></tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> - Hukum permintaan menyatakan sekiranya harga meningkat, kuantiti yang diminta semakin kurang. - Contohnya : apabila harga menurun kepada RM4, RM3, RM2 sekilogram, kuantiti yang diminta akan meningkat dari 6, 8, 10 kilogram. - Apabila harga menurun, kuantiti yang diminta semakin meningkat. 	Harga (RM / kg)	Kuantiti (kg)	Titik	5	4	a	4	6	b	3	8	c	2	10	d	<p>Jadual [2 M]</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>11</p> <p>1</p>
Harga (RM / kg)	Kuantiti (kg)	Titik																
5	4	a																
4	6	b																
3	8	c																
2	10	d																

		<ul style="list-style-type: none"> - Contohnya apabila harga meningkat dari RM2 ke RM3, RM4, RM5, kuantiti kuantiti yang diminta akan menurun dari 10, 8, 6, 4 kilogram. - Hubungan antara harga dengan kuantiti yang diminta adalah negatif/songsang - Keluk permintaan mencerun kebawah dari kiri ke kanan <p>Nota: Huraian sahaja maksima 3m</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3M]</p> <p>Maksima 5m</p>																										
	(b)	<ul style="list-style-type: none"> - Jadual penawaran: <table border="1" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th>Harga (RM)</th> <th>Kuantiti ditawarkan (unit)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>15</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> - Hukum penawaran menyatakan semakin tinggi harga, semakin banyak kuantiti ditawarkan. - Sebaliknya semakin rendah harga, semakin kurang kuantiti ditawarkan - Contohnya, apabila harga naik dari RM2 ke RM3, kuantiti ditawarkan meningkat dari 10 unit kepada 15 unit - Sebaliknya apabila harga turun dari RM2 ke RM1, kuantiti ditawarkan jatuh dari 10 unit kepada 5 unit - Ini menunjukkan hubungan yang positif antara harga dan kuantiti ditawarkan <p>Nota: Huraian sahaja maksima 3m</p>	Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)	1	5	2	10	3	15	<p>Jadual [2 M]</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3M]</p> <p>Maksima 5m</p>																		
Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)																												
1	5																												
2	10																												
3	15																												
3	(a)	<table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Harga (RM)</th> <th colspan="2">Kuantiti diminta (kg)</th> <th rowspan="2">Permintaan Pasaran (kg)</th> </tr> <tr> <th>Rabiah</th> <th>Amir</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>5</td> <td>220</td> <td>480</td> <td>(iii) 700</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>(i) 250</td> <td>500</td> <td>750</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>300</td> <td>550</td> <td>850</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>400</td> <td>(ii) 650</td> <td>1050</td> </tr> <tr> <td>1</td> <td>500</td> <td>900</td> <td>(iii) 1400</td> </tr> </tbody> </table>	Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)		Permintaan Pasaran (kg)	Rabiah	Amir	5	220	480	(iii) 700	4	(i) 250	500	750	3	300	550	850	2	400	(ii) 650	1050	1	500	900	(iii) 1400	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4M]</p>
Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)			Permintaan Pasaran (kg)																									
	Rabiah	Amir																											
5	220	480	(iii) 700																										
4	(i) 250	500	750																										
3	300	550	850																										
2	400	(ii) 650	1050																										
1	500	900	(iii) 1400																										

(b)



Paksi harga – 1m
Paksi kuantiti – 1m
Label keluk – 1m
Titik DD – 1m
Origin – 1m

4

(a)

Rajah 1	Rajah 2	
Perubahan dalam kuantiti diminta	Perubahan permintaan	1+1
Perubahan disebabkan oleh harga barang itu	Perubahan disebabkan oleh selain harga barang itu	1+1
Diandaikan faktor-faktor lain selain daripada harga barang itu tidak berubah	Diandaikan harga barang itu tidak berubah	1+1
Pergerakan diatas keluk yang sama	Perubahan ini menyebabkan peralihan keluk ke kiri	1+1 [6M]

(b)

Penentu-penentu penawaran

- Harga barang itu
- Jangkaan harga pada masa hadapan
- Teknologi
- Dasar kerajaan
- Matlamat pengeluaran
- Cuaca
- Harga faktor pengeluaran


1
1
1
1
1
1
13 1


			[mak 4m]
5	(a)	Keanjalan harga permintaan $E_d = \frac{\% \text{ perubahan kuantiti}}{\% \text{ perubahan harga barang}} \times \frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times \frac{P_0}{P_1 - P_0}$	1
		P0	
		$E_d = \frac{50 - 100}{100} \times \frac{9}{15 - 9}$ = 0.75	1
		Keanjalan harga penawaran $E_s = \frac{\% \text{ perubahan kuantiti}}{\% \text{ perubahan harga barang}} \times \frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times \frac{P_0}{P_1 - P_0}$	1
		$E_s = \frac{200 - 100}{100} \times \frac{9}{15 - 9}$ = 1.5	1 [4M]
(b)	Lukis keluk keseimbangan pasaran.		[5 m]
(c)	Harga keseimbangan: RM9.00 Kuantiti keseimbangan: 100 kg		1 1 [2M]
(d)	Harga RM 6		1
	- Lebihan permintaan		1
	- Sebanyak 100 unit		1
	- Harga meningkat		1
	- pengeluar akan menambahkan penawaran		1
	- Pengguna akan mengurangkan permintaan		1
			[3M]
	Harga RM 18		1
	- Lebihan penawaran		1
	- Sebanyak 225 unit		1
	- Menyebabkan harga turun		1
	- Pengguna akan menambahkan permintaan		1
	- Pengeluar akan mengurangkan penawaran		1
			1 [3M]
		14	

